



ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM

PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN & AL-QIRAAAT

SIRI 4 (2023)

PENYUNTING :

MOHAMAD REDHA BIN MOHAMAD . AHMAD SYAHIR BIN AHAMAD NZLY
MOHD IKRAM BIN MOHD NAWI

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAAT (SIRI 4) 2023

PENYUNTING

MOHAMAD REDHA BIN MOHAMAD
MOHD IKRAM BIN MOHD NAWI
AHMAD SYAHIR BIN AHAMAD NZLY

PENERBIT FPPI

Universiti Islam Selangor (UIS)
2023

HAK CIPTA

Hak Cipta/*Copyright* Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), UIS, 2023

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku digital ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)

Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
<http://www.kuis.edu.my/fppi/>
03-89117000 ext: 7167

e ISBN 978-967-2808-39-8
ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN TAHFIZ AL-QURAN DAN
AL-QIRAAAT (SIRI 4) 2023

KATA PENGANTAR

Segala pujian dan setinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda dan para sahabat. Ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya menukilkhan sepatah dua kata dalam buku digital ini bagi mewakili pihak pengurusan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI).

Ucapan syabas dan tahniah kepada Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Penganjur *International Conference on Islamic Civilizational Studies* (IConICS 2023) yang terus berusaha dengan sepenuh jiwa mendokong Fakulti dan UIS meneruskan program pengembangan akademik dan keilmuan serta jihad pendidikan bagi melaksanakan tanggungjawab memartabatkan ummah. Tahniah juga kerana berjaya menerbitkan buku digital *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat (Siri 4)* bersempena dengan penganjuran *International Conference on Islamic Civilisational Studies* (IConICS 2023) oleh Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS) pada tahun 2023. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dengan penerbitan buku digital ini, sama ada sebagai penerbit, penyunting dan penyumbang artikel.

Mutakhir ini umat Islam di seluruh dunia berdepan dengan pelbagai isu kontemporari yang menguji keimanan, kepercayaan dan pegangan mereka terhadap Islam. Di antara isu yang hangat diperdebatkan di kalangan umat Islam ialah isu kelemahan umat Islam. Kerajaan berhasrat merealisasikan Malaysia MADANI yang berteraskan enam prinsip iaitu kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Bagi mencapai hasrat tersebut setiap individu muslim mestilah cakna dan memainkan peranan dalam mendepani survival kehidupan. Pembangunan modal insan secara holistik mestilah menjadi agenda dalam membentuk masyarakat Malaysia Madani yang menjadikan Islam sebagai teras kehidupan.

Diharapkan dengan penerbitan buku digital ini dapat menjadi satu wadah diskusi yang sangat signifikan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Semoga usaha ini akan menjadi peneraju tradisi ilmu dalam usaha memberikan pencerahan dan informasi demi memperkasa usaha pembudayaan ilmu dan dakwah di jalan Allah SWT.

Sekian, salam hormat.

DR. MD. NOOR HUSSIN

Dekan,
Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)
Universiti Islam Selangor (UIS).

KATA ALU-ALUAN

Alhamdulillah, syukur pada Allah SWT atas penerbitan buku Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat (Siri 4) bersempena dengan penganjuran Seminar Antarabangsa Pengajian Peradaban Islam (*International Conference on Islamic Civilisational Studies / IConICS 2023*) oleh Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS) pada tahun 2023.

Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dengan penerbitan buku ini, samada sebagai penerbit, penyunting, editor dan penyumbang artikel. Ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya menukilkan sepathah dua kata dalam buku ini bagi mewakili pihak Pengurusan Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat.

Terdapat pelbagai isu-isu kontemporari dalam dunia Pengajian Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat pada hari ini. Antaranya adalah dari aspek penguasaan hafazan, penghayatan ilmu al-Quran, pengajian ilmu tajwid dan banyak lagi. Di samping itu, kaedah dan pendekatan semasa dalam penyampaian dan penerapan ilmu berkaitan tahfiz, qiraat, ulum al-Quran dan pengajian Islam dalam kalangan pelajar yang disinergikan dengan pengaruh teknologi sangat memberi kesan kepada mereka. Selain itu, isu-isu seperti akhlak ahli al-Quran dan penyelewengan tafsir ayat al-Quran perlu diambil perhatian.

Sehubungan itu, pemahaman dan penghayatan sebenar nilai-nilai Islam khususnya di dalam bidang Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat perlu diperhalusi. Hal yang demikian adalah khususnya dalam aspek pendidikan. Ia adalah diyakini mampu untuk menangani isu-isu kontemporari yang timbul dalam menterjemahkan maksud sebenar pendidikan dalam bidang Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat. Antara solusi yang terpenting ialah pengintegrasian pelbagai disiplin ilmu semasa dengan ilmu-ilmu turath yang berteraskan kepada kefahaman yang jelas terhadap al-Quran dan al-Sunnah. Guru-guru al-Quran memainkan peranan penting dalam mencorakkan anak-anak murid. Sabda Rasulullah SAW:

“Sebaik-baik dari kalangan kamu adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya”.

Sekian, salam hormat.

DR. ROHANA BINTI ZAKARIA

Ketua Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat,
Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)
Universiti Islam Selangor (UIS).

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُه وَنَسْتَعِينُه وَنَسْتَغْفِرُه وَنَوْسَطُهُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، وَمَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَلَا مُضْلُّ لَهُ وَمَنْ يَضْلِلُ اللَّهَ فَلَا هَادِي لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ:

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kami panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya buku digital ini dapat diterbitkan dengan sempurna. Buku digital ini memfokuskan kepada perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Buku digital ini sarat dengan hasil penyelidikan terkini sama ada kajian yang berbentuk teori mahupun yang berbentuk kajian lapangan. Penghasilan buku digital ini merupakan usaha pengembangan ilmu yang berterusan.

Bidang Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat merupakan pengajian sepanjang hayat. Kajian dan penyelidikan berterusan merupakan platform terbaik oleh para ahli akademik dalam mencari solusi tentang permasalahan isu-isu semasa dan menyebar luas serta berkongsi dapatan kajian yang memberi manfaat kepada semua pihak. Buku digital ini sebagai salah satu medium untuk para pengkaji berkongsi ilmu kepada masyarakat.

Syabas dan tahniah kami rakamkan kepada para penyumbang artikel atas usaha murni dalam menerbitkan buku digital *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat (Siri 4)* terbitan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS) pada tahun ini. Naskah ilmiah ini boleh menjadi bahan bacaan dan rujukan bagi para pengkaji pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat. Mudah-mudahan hasil perkongsian para ahli akademik ini memberi sumbangan yang besar dalam bidang keilmuan.

Sekian, selamat membaca.

**Mohamad Redha Bin Mohamad
Mohd Ikram Bin Mohd Nawi
Ahmad Syahir Bin Ahamad Nzly**
Penyunting

KANDUNGAN

	HALAMAN
KATA PENGANTAR	Iii
KATA ALU-ALUAN	Iv
PRAKATA	V
KANDUNGAN	Vi
PENDAHULUAN	8
BAB 1 METODE <i>TAWJIH AL-QIRAAAT DALAM KITAB TAFSIR AL-QURAN: ANALISIS AYAT-AYAT HUKUM</i>	9
Mohd Mahfuz Jaafar, Muhammad Syafee Salihin Hasan, Muhammad Fairuz A. Adi	
BAB 2 INOVASI TEKNOLOGI APLIKASI HAFAZAN AL-QURAN: SATU PEMERHATIAN	15
Fatin Nazmin Mansor, Hayati Hussin, Muhammad Hafiz Salleh	
BAB 3 SUMBANGAN MUHAMMAD ALI AL-DABBA' DALAM PENGAJIAN AL-QURAN DAN <i>AL-QIRAAAT</i>	20
Muhammad Fairuz A Adi, Mohd Mahfuz Jaafar, Mohd Ikram Md Nawi	
BAB 4 PEMBELAJARAN ILMU QIRAAAT MELALUI TEKNOLOGI CAPAIAN INTERNET: KAJIAN TERHADAP PELAJAR DIPLOMA TAHFIZ DARUL QURAN	26
Ahmad Shahir Masdan, Mahmud Lutfi Abd Hadi, Ahmad Syahir Ahamad Nzly, Ubaid Mohd Asri	
BAB 5 KHILAF QIRAAAT DALAM SURAH AL-MULK DAN HUBUNGANNYA DENGAN <i>SAB'AH AHRUF</i>	39
Nik Mohd Nabil Ibrahim @ Nik Hanafi, Wan Hakimin Wan Mohd Nor, Ahmad Syahir Ahamad Nzly, 'Uqbah Amer	
BAB 6 HUBUNGAN STRATEGI KAEDAH HAFAZAN DAN MOTIVASI PELAJAR TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB (TMUA)	52
Muhammad Nadzri Ab Rahim, Harun Baharudin	
BAB 7 CIRI-CIRI <i>TASĀHUL PENGIJAZAHAN SANAD TALAQQI AL-QURAN</i>	60
Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Zaid Shamshul Kamar, Sharifah Noorhidayah Syed Aziz	
BAB 8 PERBANDINGAN KANDUNGAN KITAB RIWAYAT ANTARA <i>AL-SIRR AL-MASUN FI RIWAYAT QALUN DAN AL-JISR AL-MA'MUN ILA RIWAYAT QALUN</i>	70
Mahmud Lutfi Abd Hadi, Ahmad Shahir Masdan, Shaharuddin Pangilun, Ahmad Syahir Ahamad Nzly	

BAB 9	ANALISIS PENDAPAT ULAMA BERKENAAN ADAB DAN HUKUM KE ATAS POTONGAN AYAT AL-QURAN DI LEMBARAN KERTAS, SATU SOROTAN AWAL	80
	Muhammad Izzat Ngah, Mohd Mahfuz Jaafar, Mahmud Lutfi Abd. Hadi, Sharifah Noorhidayah Syed Aziz	
BAB 10	METODOLOGI PEMBACAAN AL-QURAN: PENGAMALAN DI MALAYSIA	83
	Muhammad Zaid Shamhul Kamar, Mohamad Redha Mohamad, Muhamad Harith Haikal Suhaimi	
BAB 11	KAJIAN <i>TAWJIH AL-QIRAAT FARSY AL-HURUF SURAH AL-MAIDAH AYAT 57-119</i>	89
	Muhammad Syafee Salihin Hasan, Mohd Mahfuz Jaafar, Ahmad Shahir Masdan, Mohd Norzi Nasir, Muhammad Ammar Farhan	
BAB 12	TAFSIR ASY-SYA'RAWI OLEH MUHAMMAD MUTAWALLI ASY-SYA'RAWI DAN TAFSIR <i>AL-WASIT LI AL-QURAN AL-KARIM</i> OLEH MUHAMMAD SAYYID TANTAWI: SATU TINJAUAN AWAL	102
	Ahmad Syahir Ahamad Nzly, Mahmud Lutfi Abd Hadi, Ahmad Shahir Masdan, Nik Mohd Nabil Ibrahim @ Nik Hanafi	
BAB 13	QIRAAT IMAM HASSAN AL-BASRI DALAM SURAH AL-FATIHAH: SATU ANALISIS	107
	Abi Syafiq al-Hakiem Ab Jabar, 'Uqbah Amer, Mohd Ikram Mohd Nawi	
BAB 14	TAHAP KEBERKESANAN KAEDAH <i>MURAJA'AH</i>: KAJIAN DI MA'AHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL-QIRAAT ADDIN KAMPUNG KETIOR DALAM, KUALA KANGSAR	114
	Nor Hasanah Mohd Yusoff, Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Mohd Hirwan Abdullah	
BAB 15	SUMBANGAN ABD RAHMAN HABANNAKAH MENERUSI KARYANYA <i>QAWAID AL-TADBUR</i>	119
	Rohana Zakaria, Mohd Farid Ravi Abdullah, Khairul Anuar Mohamad	

PENDAHULUAN

Kemajuan dalam Era globalisasi memperlihatkan ledakan teknologi maklumat dan perkembangan ilmu yang begitu pantas dan memberi kesan secara langsung atau tidak langsung dalam kehidupan komuniti dunia. Perkembangan ini membawa bersama isu dan cabaran terhadap bidang pengajian Islam secara umum dan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat secara khusus.

Buku Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat merupakan himpunan kertas kerja ilmiah dalam Islamic Conference on Islamic Civilisation Studies (ICONICS 2023) Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS) yang diadakan secara bersemuka di Movenpick Hotel and Convention Centre KLIA pada tarikh 5 September 2023. Tema utama seminar kali ini ialah *“Dignifying Tradition in Islamic Studies in the Era of Globalization”*. Tema ini dibahagikan kepada beberapa subtema yang berkaitan dengan Pengajian Islam antaranya tema pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat.

Buku ini merupakan himpunan artikel ilmiah yang diketengahkan untuk merungkai pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh para ilmuwan dalam bidang Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat sebagai usaha memartabatkan ilmu dan pengetahuan umat dengan harapan ianya dapat melestarikan pengajian ilmu-ilmu Islam dan peradabannya dalam era globalisasi.

Buku ini memuatkan sebelas bab meliputi topik-topik berkaitan inovasi teknologi aplikasi hafazan al-Quran, pembelajaran ilmu qiraat melalui teknologi capaian internet, hubungan strategi kaedah hafazan dan motivasi pelajar tafsir, metodologi pembacaan al-quran, kajian *tanjih al-qiraat*, khilaf qiraat hubungannya dengan *sab'ah abruj*, perbandingan kandungan kitab riwayat Qalun, pengijazahan sanad *talaqqi al-Quran*, sumbangan Muhammad Ali al-Dabba' dan adab dan hukum ke atas potongan ayat al-Quran di lembaran kertas.

BAB 1

METODE *TAWJIH AL-QIRAAAT DALAM KITAB TAFSIR AL-QURAN:* ANALISIS AYAT-AYAT HUKUM

Mohd Mahfuz Bin Jaafar¹, Muhammad Syafee Salihin Bin Hasan¹ &
Muhammad Fairuz Bin A. Adi¹

¹Universiti Islam Selangor (UIS)

Pendahuluan

Wajah-wajah *qiraat* dalam al-Quran mempunyai peranan yang sangat penting dalam penafsiran ayat-ayat al-Quran. Ianya berkemungkinan akan mengubah makna atau hanya sekadar berbeza wajah bacaan namun bukan pada makna. Para *mufassir* perlu menguasai ilmu *qiraat* kerana ianya merupakan antara syarat utama untuk menjadi seorang *mufassir*.

Kertas kerja ini merupakan kajian kesinambungan daripada kajian awal pengkaji berkenaan perbandingan metode *pentanjihan* *al-Qiraat* dalam tafsir al-Quran klasik dan kontemporari yang hanya memberi fokus dalam surah al-Fatihah. Manakala kajian kali ini pengkaji akan memberi fokus kepada ayat-ayat hukum terpilih sahaja. Semoga kertas kerja ini serba sedikit dapat memberi input dan pendedahan bagi penulis dan pengkaji dalam melakukan kajian khusus dalam bidang tafsir dan ilmu *qiraat*.

Al-Tawjih al-Qiraat

Al-Tawjih, dari segi bahasa memberi makna: pergi kepadanya, mengarahkan atau menghadapkan. (Husin Unang, 1994). Manakala *al-tawjih al-qiraat* merupakan satu ilmu yang penting untuk dipelajari kerana ia merupakan ilmu yang menjadi penghubung kepada kefahaman terhadap sesuatu wajah *qiraat* di dalam al-Quran. Ilmu *tawjih* bukan sekadar untuk mendapatkan penjelasan kewujudan sebutan *qiraat* tersebut dalam ruang lingkup bahasa arab dari segi sebutan dan pengunaannya dalam tulisan mashaf uthmani bahkan ilmu ini juga berfungsi sebagai penjelasan makna-makna yang terhasil dari *qiraat* yang pelbagai (Muhammad Fairuz A. Adi, 2020).

Al-Tawjih lil qiraat, juga disebut *al-Ihtjaj lil qiraat* bukanlah bermaksud menghujjah ke atas wajah *qiraat*, namun ianya menerangkan *'illah qiraat* berkenaan dari segi bahasa dan *i'rabnya* seterusnya dapat menyatakan *qiraat* berkenaan adalah sahih serta dikira sebagai menyokong atau mempertahankan wajah *qiraat* berkenaan dari disalah ertikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. *Al-Tawjih al-Qiraat* telah dikategorikan sebagai satu seni ilmu yang khusus dan cabangan dari seni-seni ilmu *qiraat*.

Di dalam ilmu *qiraat*, Imam al-Syatibi membahagikan kepada dua bab di dalam matan ilmu *qiraat* karangan beliau, iaitu bab *usul* serta bab *fary al-huruf*. Adapun bab *usul* ini menyatakan wajah-wajah *qiraat* dalam kaedah umum yang terdapat di dalam al-quran seperti bacaan *idgham*, *ha` al-kinayah* (*ha` damir*), *mad*, *ibdal*, *naql* dan sebagainya. Manakala bab *fary al-huruf* pula menyatakan wajah-wajah *qiraat* dengan kaedah khusus pada satu-satu perkataan di dalam al-Quran dalam surah tertentu seperti membaca panjang dan pendek ke atas huruf mim pada perkataan (مَالِكٌ) di dalam surah fatihah sahaja.

Wajah-wajah *Qiraat* Pada Ayat-ayat Hukum Terpilih

Dalam kertas kerja ini penulis telah memilih beberapa ayat-ayat hukum di dalam al-Quran sebagai skop kajian dan bahan persampelan untuk dianalisis wajah-wajah *qiraat* yang terdapat di dalamnya seterusnya akan melihat bagaimanakah bentuk dan metode kitab-kitab tafsir yang dipilih menjelaskan bacaan *qiraat* yang terdapat di dalam surah ini pada topik seterusnya.

- i) Surah al-Baqarah ayat 222 menyatakan tentang hukum bersama isteri yang telah habis haid tetapi masih dalam keadaan berhadas besar. Firman Allah:

وَيَسْأُلُوكُ عَنِ الْمَحِيطِ فَلَمْ هُوَ أَدْيَ فَأَعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيطِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهَرْنَ فَإِذَا تَطْهَرْنَ فَأُنْثُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمْرَكُمُ اللَّهُ أَنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوْبَةَ وَيُحِبُّ الْمُنْتَهَرِينَ ۖ ۲۲۲

Imam	Wajah Qiraat	Kalimah
Kisaie, Khalaf 'Asyir dan Syu'bah	<i>Tasyhidid</i> dan <i>Fathah</i> pada huruf ط dan ه	يَطْهَرْنَ
Selainnya	<i>Sukun</i> pada huruf ط <i>dhamah</i> pada ه	طَيْطَهْرَنْ

Terdapat perbezaan tentang bersuci, ada yang mengatakan bahawa suci adalah membasuh dengan air. Ada juga yang berpendapat suci adalah wuduk seperti wuduk solat. Pendapat lain juga mengatakan suci dengan membasuh faraj. Syu'bah, Hamzah dan Khalaf al-'Asyir, membaca dengan *tasyhidid* pada huruf ط dan ه (Jamaluddin Muhammad Syaraf, 2010) iaitu يَطْهَرْنَ yang bermaksud sehingga mereka benar-benar menyucikan diri dengan air (mandi hadas) selepas hilang darah haid.

Analisis *Tawjih Qiraat* Dalam *Tafsir al-Quran al-'Azim Li al-Imam al-Jalalayn*

Pentafsir terlebih dahulu menyatakan wajah *qiraat* yang terdapat pada perkataan يَطْهَرْنَ dengan menyatakan (membaca *sukun* pada ط dan *tasyhidid* pada serta ه dan juga terdapat huruf ta yang telah diidghamkan ke dalam huruf ط). Pentafsir menyatakan يَطْهَرْنَ yang dibaca dengan *tasyhidid* memberi makna يَغْسلنَ iaitu mandi.

Analisis *Tawjih Qiraat* Dalam *Tafsir al-Tabari*

Pentafsir menyatakan juga wajah *qiraat* yang terdapat pada perkataan يَطْهَرْنَ seperti tafsir sebelum ini seterusnya menyatakan bahawa Abu Ja`far berkata bacaan dengan *tasyhidid* lebih awla. Dalam tafsir ini menyebut bacaan dengan *tasyhidid* pada kalimah berkenaan memberi makna يَغْسلنَ iaitu mandi. Dan bacaan dengan tanpa *tasyhidid* memberi makna suci dari haid.

Analisis *Tawjih Qiraat* Dalam *Al-Tafsir Al-Munir*

Sama seperti kitab tafsir sebelum ini, dengan menyatakan dua wajah *qiraat* pada perkataan berkenaan berserta dengan makna dan tafsiran padanya berkenaan dengan suci dari haid dan mandi.

- ii) Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 6:

يٰأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوْا وُجُوهُكُمْ وَأَيْدِيْكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَأَمْسَحُوْا بِرُّءُوسِكُمْ وَأَرْجُلُكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuh muka dan tangan kamu sehingga ke siku dan sapulah kepala kamu (basuhlah) dan kaki kamu hingga kedua buku lali...”

Wajah *qiraat* pada perkataan **وَأَرْجُلُكُمْ**, Ibnu Kathir, Abu ‘Amru, Abu Ja’far, Khalaf al-‘Ashir dan Syu’bah membaca **وَأَرْجُلُكُمْ**. Nafi’, Ibnu ‘Amir, al-Kisaie, Ya’qub dan Hafs.

Bacaan **وَأَرْجُلُكُمْ**, mengambil kira bahawa perkataan ini bersangkutan dengan perkataan sebelumnya iaitu **وَأَمْسَحُوْا**. Berdasarkan baris bawah pada kalimah yang digariskan dalam ayat berkenaan iaitu **وَأَمْسَحُوْا بِرُّءُوسِكُمْ** membaca dengan *kasrah* menjadikan *harf al-jar* iaitu huruf ba sebagai ‘amil (pelaku baris bawah). Ianya memberi maksud menyapu kedua kaki.

Manakala *qiraat* yang dibaca dengan *fathah* (baris atas) pada huruf lam iaitu **وَأَرْجُلُكُمْ** ianya berkait dengan perkataan sebelumnya iaitu **(فَاغْسِلُوْا)**. Berdasarkan baris atas pada kalimah yang digariskan dalam ayat berkenaan iaitu **فَاغْسِلُوْا وُجُوهُكُمْ وَأَيْدِيْكُمْ**, dengan menjadikan perkataan **فَاغْسِلُوْا** sebagai ‘amil al-nash (pelaku baris atas) dengan memberi makna membasuh kedua kaki.

Ianya membawa maksud seperti berikut; “Wahai orang-orang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu sehingga ke siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu sehingga ke buku lali”. (Al-Qurtubi, 1996)

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa *qiraat* ini telah memperlihatkan bahawa pandangan Imam al-Syafi’iy mewajibkan bahagian anggota kaki wajib dibasuh dan bukanlah di sapu. Ini berdasarkan sandaran bacaan baris atas kerana ia merupakan sambungan pada **(فَاغْسِلُوْا)**. (Jalaluddin al-Suyuti, 2003).

Imam Qurra’	Wajah Qiraat	Kalimah
Nafi’, Ibnu ‘Amir, al-Kisaie, Ya’qub dan Hafs	Bacaan baris atas pada huruf lam	وَأَرْجُلُكُمْ
Selainnya	Baris bawah pada lam	وَأَرْجُلُكُمْ

Analisis *Tawjih Qiraat* Dalam *Tafsir al-Quran al-'Azim Li al-Imam al-Jalalayn*

Pentafsir hanya menyatakan wajah bacaan pada perkataan berkenaan dengan menyatakan dibaca dengan *nash* kerana hal keadaannya sebagai `atf atau berkait dengan **فَأَغْسِلُواْ بُرْجُو هَكْمٍ وَأَيْدِيْكُمْ**, dan dibaca dengan *al-jar* (baris bawah) kerana berkait dengan **وَأَمْسَحُواْ بِرْءُوسِكُمْ وَأَمْسَحُواْ إِلَى الْعَيْنِ وَأَمْسَحُواْ بِرْءُوسِكُمْ** tanpa menyebut imam yang membaca wajah berkenaan.

Analisis *Tawjih Qiraat* Dalam *Tafsir al-Tabari*

Pentafsir menyatakan tidak sepakat dikalangan *qurra'* dalam *qiraat* pada perkataan **وَأَرْجَلُكُمْ** bahawa *qurra'* dari Hijaz dan `Iraq membaca dengan *al-nash*, dengan *ta'wil* pada ayat berkenaan **فَاغْسِلُواْ وَجْهَكُمْ وَأَيْدِيْكُمْ إِلَى الْمَرَاقِقِ وَأَرْجَلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَامْسِحُواْ بِرْءُوسِكُمْ** dengan memberi makna membasuh kedua kaki. Penulis mendapati pentafsir tidak menyatakan wajah bacaan yang lain.

Analisis *Tawjih Qiraat* Dalam *Al-Tafsir Al-Munir*

Penulis mendapati pentafsir kitab ini mengikut sabagaimana dalam *tafsir al-Jalalayn*, dengan menyatakan wajah bacaan serta *i`rab* tanpa menyebut *qurra'* yang membaca. Pentafsir ada menyatakan jika dibaca dengan *al-jar* (baris bawah) pada perkataan berkenaan, maknanya tetap membasuh kedua kaki dengan mendatangkan *tagdir* pada makna iaitu **وَأَرْجَلُكُمْ غَسْلاً**.

iii) Firman Allah S.W.T dalam surah al-Nisa' ayat 43:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرُبُوا الْصَّلَاةَ وَإِنْتُمْ سُكَرَى حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا تَنْفُلُونَ وَلَا جُنْبًا إِلَّا عَابِرِي سَبِيلٍ حَتَّىٰ تَعْنَسِلُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَ�نِطِ أَوْ لَمْسِتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيْبًا فَامْسَحُوا بُرْجُو هَكْمٍ وَأَيْدِيْكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفُورًا ٤٣

Maksudnya: ‘Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan sehingga ke siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu sehingga ke buku lali; dan jika kamu junub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib; dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air), atau pelayaran, atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air, atau kamu menyentuh wanita, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayamum dengan tanah (debu yang bersih) itu, Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendaklah menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur’.

Terdapat dua wajah *qiraat* pada **لَمْسِتُمُ**. Imam Hamzah, al-Kisaie, Khalaf al-'Asyir membaca dengan *hazf* (tanpa alif) iaitu **لَمْسِتُمُ**. Manakala Imam Nafi', Ibnu Kathir, Abu 'Amru, Ibnu 'Amir, 'Asim, Abu Ja'far dan Ya'qub membaca dengan *ithbat* (dengan alif) iaitu **لَمَسْتُمُ**.

Qiraat yang dibaca dengan *hazf* alif membawa maksud bersentuhan kulit. (Zanjalah, 2001) Ini merupakan pandangan yang dibawa oleh Ibnu Umar, Ibnu Ma'ud, Said bin Jabir, Ibrahim bin

Nakha'i dan Ibnu Shihab al-Zuhri. Mereka menjadikan perbuatan di sini bagi lelaki bukanlah bagi wanita (Zanjalah, 2001).

Manakala *qiraat* yang dibaca dengan *ithbat* (alif) yang membawa maksud persetubuhan antara lelaki dan wanita dan ianya menunjukkan atas *wazan mufa'alah* iaitu mesti melibatkan dua pihak (lelaki dan wanita). Ini dikuatkan berdasarkan apa yang diriwayatkan dalam kitab tafsir bahawa Sayyidina Ali berkata: *لَامَسْتُ النِّسَاءَ* bermaksud kamu bersetubuh, tetapi Allah telah memberi *kinayah* (kiasan), (al-Habashi, 1999) di sebalik penggunaan kalimah tersebut ialah menyetubuh wanita. (al-Suyuti, 1997)

Imam Qurra'	Wajah Qiraat	Kalimah
Hamzah, al-Kisaie dan Khalaf al-'Asyir	Membaca tanpa alif	
Selainnya	Dengan alif	

Analisis *Tawjih Qiraat* Dalam *Tafsir al-Quran al-'Azim Li al-Imam al-Jalalayn*

Pentafsir menyatakan pada perkataan tersebut terdapat *qiraat* yang membaca dengan tanpa alif tanpa menyebut *qurra'*. Pentafsir menyatakan kedua-dua wajah bacaan ini memberi makna bersentuhan iaitu bersentuh dengan tangan dan terbatalkan wuduk. Dan dari Ibn Abbas, ianya memberi makna bersetubuh.

Analisis *Tawjih Qiraat* Dalam *Tafsir al-Tabari*

Pentafsir menyatakan *qurra'* dari Madinah, sebahagian dari Basrah dan Kufah membaca dengan alif dengan memberi makna saling bersentuhan. Dan *qurra'* dari Kufah juga membaca dengan tanpa alif serta memberi makna lelaki menyentuh perempuan. Pentafsir menyatakan kedua-dua *qiraat* ini memberi makna yang hampir sama.

Analisis *Tawjih Qiraat* Dalam *Al-Tafsir Al-Munir*

Penulis mendapati tiada *tawjih qiraat* pada perkataan berkenaan dalam tafsir ini.

Analisis Keseluruhan Dan Kesimpulan

Hasil dari penganalisisan penulis terhadap tiga buah kitab tafsir yang dipilih, penulis mendapati dalam *Tafsir al-Tabari* sahaja yang menyatakan *qurra'* bagi setiap wajah *qiraat* yang terdapat pada ayat al-Quran. Seterusnya penulis mendapati setiap pentafsir menjelaskan *i'rab* bagi setiap wajah bacaan serta menyatakan hasilan makna atau maksud bagi setiap wajah *qiraat* berkenaan.

Dapat dilihat juga kupasan berkenaan hukum-hukum yang terdapat pada ayat hukum yang dikaji. Semoga penulisan ini serba sedikit dapat memberi gambaran bagi para pengkaji dalam melihat metode *tanjih qiraat* di dalam kitab tafsir serta dapat melihat kupasan hukum fiqh yang terdapat pada ayat-ayat berkenaan. Sebagai kajian yang mendatang, boleh dicadangkan untuk mengkaji dan menganalisis kitab-kitab tafsir yang lain dalam menyentuh berkenaan *tanjih al-qiraat*.

Rujukan

- Pustaka Darul Iman, 2007, al-Qur`an dan terjemahan.; Majmac al-Malik Fahd Wataniah.
- Hussain Unang, Kamus al-Tullab. 1994. DarulFikir. K.Lumpur.
- Sayyid Lasyin Abu al-Farh 1413H, *Taqrib al-Ma`ani Fi Syarh Hirz al-Amani Fi al-Qiraat al-Sab`*, Dar al-Zaman.
- A. Muhammad Umayr, 2015, *Mustalah al-Ibtijaj Li al-Qiraat al-Quraniyyah Wa Tawjibihā*, al-Markaz al-Jami`i al-Ni`amah.
- Jalal al-Din Muhammad Bin Ahmad al-Mahalli & Jalal al-Din Abd al-Rahman Bin Abi Bakr al-Suyuti, t.t, *Tafsir al-Quran al-Azim*, Maktabah Wa Matba`ah Muhammad al-Nahdi Wa Awladah.
- Abu Ja`far Muhammad Bin Jarir al-Tabari, 1997, *Tafsir al-Tabari*, Dar al-Qalam Damsyiq.
- Al-Duktur Wahbah al-Zuhayli, 1998, *al-Tafsir al-Munir*, Dar al-Fikr al-Ma`asir Beirut.
- Muhammad Fairuz A. Adi, 2020, Aplikasi Tawjih Al-Qiraat Dengan Hadis Di Sisi Imam Alsakhawi Dalam *Fath Al-Qasid Fi Syarh Al-Qasid*, Jurnal Qiraat.

BAB 2

INOVASI TEKNOLOGI APLIKASI HAFAZAN AL-QURAN: SATU PEMERHATIAN

Fatin Nazmin Mansor¹, Hayati Hussin² & Muhammad Hafiz Salleh²

¹Universiti Islam Selangor (UIS)

²Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pendahuluan

Penggunaan teknologi maklumat tidak asing lagi pada masa kini dimana manfaatnya digunakan dalam setiap aspek kehidupan, antaranya pendidikan, kesihatan, perniagaan dan pengurusan, pertanian dan penternakan, perlombongan, pertahanan dan keselamatan, dan pengangkutan (Sanmorino, 2018). Dalam konteks menghafal ayat al-Quran, hafaz memberi maksud mengingat tanpa melihat kepada kitab al-Quran. Kaedah pengajaran yang digunakan dalam bidang pendidikan tahliz sering dianggap ketinggalan dan dilihat sebagai punca kepada masalah pembelajaran mencakupi perkembangan pelajar dan pembangunan teknologi semasa, jadi inovasi dan teknologi diperkembangkan bagi memudahkan pelajar untuk menghafal dan menarik minat mereka menerusi teknologi dan aplikasi terutamanya melalui penggunaan telefon bimbit.

Bahari, F. (2008) dari Universiti Teknologi Malaysia, didalam kajiannya iaitu “Al-Quran Interaktif (Iqra)” menyebut bahawa penggunaan teknologi boleh dijadikan alternatif dan jalan penyelesaian kepada masalah pembelajaran al-Quran. Kajian ini juga membahaskan tentang penggunaan teknologi dalam pembelajaran al-Quran dan mengkaji tentang kelemahan dalam aspek bacaan, tahap penguasaan al-Quran, amalan dan kesedaran membaca al-Quran serta kebolehan membaca al-Quran dalam kalangan pelajar.

Menurut Ihsan, M. Arinal (2015) , aplikasi “Muroja'ah Al-Qur'an” sebagai medium dicipta untuk membantu menghafal juz amma dalam bentuk android. Kajian ini menyebut bahawa telefon pintar berperanan penting dalam dunia teknologi pada zaman ini. Seiring perkembangan teknologi yang semakin canggih, “Muroja'ah Al-Qur'an” ini dibina bertujuan untuk membangunkan aplikasi mudah alih sebagai medium untuk membantu menghafal bacaan al-Quran. Aplikasi ini dibina berdasarkan android yang dilengkapi dengan kemudahan multimedia yang boleh menggabungkan antara teks, imej dan audio dalam satu peranti. Aplikasi ini dapat memudahkan para huffaz untuk menghafal dan mengulang kaji alQuran setiap masa.

Metod kualitatif digunakan sebagai pendekatan utama untuk mengumpul maklumat dalam kajian ini. Kaedah sekunder digunakan untuk meneliti data dalam kajian ini, yang merangkumi data daripada sumber bertulis dan bercetak sedia ada seperti buku dan jurnal. Pendekatan ini digunakan untuk mengumpul maklumat tentang definisi inovasi digital, pengertian pengajaran tahliz di Malaysia, sejarah dan evolusinya, dan asas ilmu yang penting kepada kajian ini. Di samping itu, daripada metod ini dapat menghuraikan tentang pengenalan beberapa aplikasi hafazan al-Quran beserta fungsi dan peranannya dalam membantu proses menghafaz al-Quran secara holistik memalui inovasi aplikasi teknologi.

Kepesatan teknologi maklumat dan penggunaan aplikasi telah lama digunakan bagi memudahkan proses PdP. Banyak aplikasi dibangunkan bagi membantu proses PdP di peringkat sekolah dan universiti. Abdul Qadir dan Muhammad (2020) menyatakan bahawa aplikasi menggunakan telefon pintar membantu pelajar dalam proses mendengar dan menghafal al-Quran mengikut kepada jadual mereka sendiri.


Inovasi dalam teknologi ialah kegiatan penelitian, pengembangan dan reka cipta yang menambah baik penerapan nilai dan ilmu pengetahuan yang baru melalui teknologi yang sedia ada dalam sesuatu produk. Zimmerer dan Scarborough (2005) berpendapat inovasi merupakan kebolehan untuk mengaplikasikan penyelesaian kreatif kepada masalah atau peluang untuk meningkatkan atau penggayaan kehidupan manusia.

Manakala tujuan inovasi teknologi dalam hafazan adalah supaya proses pembelajaran dan pengajaran dalam pengajaran tafsir menjadi mudah dan cepat berbanding secara konvensional. Bukan sahaja berperanan dalam memberi motivasi generasi muda untuk menghafal Al-Quran, namun memberi peluang generasi muda masa kini memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dan telefon pintar. Kajian perlu dijalankan bagi membangunkan aplikasi menggunakan Android supaya dapat memberi manfaat kepada pelajar dan masyarakat awam keseluruhannya.



EzHifz: Aplikasi Mudahkan Teknik Hafalan Quran


Pembelajaran yang melibatkan kemahiran menghafal Al-Quran adalah satu cabaran besar yang memberi penekanan kepada disiplin diri, daya ingatan dan teknik mengingat yang sistematis. Lazimnya, kebanyakan institusi tafsir cenderung untuk mengamalkan teknik tipikal bagi menghafal Al-Quran, iaitu melalui teknik pengulangan pada ayat Al-Quran menggunakan mushaf Quran. Kumpulan penyelidik diketuai oleh Ts. Dr Zulkifly Mohd Zaki dari Fakulti Sains & Teknologi (FST) USIM, memperkenalkan inovasi baru yang diberi nama "EzHifz: Quran Memorization Mobile Application" iaitu aplikasi hafalan Al-Quran yang direka bentuk dengan elemen kandungan multimedia yang mengintegrasikan teknik mengingat dan gaya pembelajaran VARK (Visual, Auditory, Reading, Kinesthetic) yang menyokong penggunaan kepelbagaiannya pancaindera. Aplikasi ini merupakan gabungan adaptasi teori kognitif pembelajaran multimedia dan model gaya pembelajaran VARK. Ini menjadi asas kepada pembentukan kandungan aplikasi tersebut.



Quran Companion

Quran Companion menawarkan antaramuka yang kemas, dan ditawarkan untuk pengguna Android buat masa ini. Menggunakan Quran Companion, pengguna boleh membuat profil tersendiri, dan menggunakan ia untuk menghafal ayat al-Quran. Ia berfungsi dengan menggunakan kaedah *swipe*, dimana selepas membaca dan mulakan hafalan, pengguna boleh menyembunyikan sementara ayat yang ingin dihafal, dan *swipe* untuk melihatnya dan menghilangkannya.

Ujian Hafalan Al-Quran



Aplikasi ujian hafalan al-Quran adalah aplikasi ujian hifz al-Quran mudah percuma yang boleh digunakan setiap orang Islam yang ingin menyemak semula hafalan mereka. Ini adalah aplikasi ujian kuiz Al-Quran / aplikasi hafalan al-Quran di luar talian yang mempunyai ciri kreatif yang membolehkan anda memperbaiki kesilapan anda. Anda akan mendapat kuiz surah Al-Quran dengan soal selidik pilihan ganda dan anda juga boleh merakam surah anda untuk menguji hafalan al-Quran.

Huffaz M



Aplikasi telefon pintar dikenali Huffaz-M dihasilkan sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi membantu pelajar pusat dan maahad tahniz untuk menghafal al-Quran bagi menjadi huffaz. Kumpulan diketuai Ketua Program Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan UMP, Dr Rashidi Abbas dengan disertai beberapa penyelidik lain turut dibantu pensyarah dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UMP.

Aplikasi berkenaan dihasilkan bagi membantu pusat dan maahad tahniz menggabungkan penggunaan teknologi supaya tidak bergantung kepada kaedah tradisional semata-mata seperti dilaksanakan sekarang. Penyelidikan dimulakan pada Disember 2014 sehingga Januari lalu dan pada masa kini aplikasi berkenaan sudah boleh dimuat turun menerusi Google Store. Penambahbaikan terutama dari segi kandungannya sedang dijalankan bagi menjaga kualiti aplikasi tersebut.

Kesimpulan

Kini sudah tiba masanya bidang tahniz di Malaysia melakukan anjakan besar yang melibatkan elemen teknologi bersesuaian dengan kehendak dan keperluan negara masa kini. Cadangan transformasi ini dikemukakan disebabkan tahniz merupakan bidang yang lama bertapak sejak 49 tahun yang lalu di negara kita. Seiring kemajuan teknologi dan perkembangan IR 4.0, inovasi dalam aplikasi hafazan al-Quran akan terus menjadi permintaan dan keperluan yang tinggi pada masa akan datang.

Rujukan

Syed Najihuddin bin Syed Hassan, Siti NurHajar Binti Mat Asa, Siti Nur Alya Binti Zamzuri, Aina Ellysa Binti Zulkarnain Nurul Izzatul Huda Mohamad Zainuzi (2022).Teknologi Maklumat Dan Inovasi Dalam Pembelajaran Tahfiz Quran, Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)Vol.2, No. 2: 2022 pp. 122 – 132.

Anis Syahirah Fauzan dan Sabri Mohamad. (2017). Kesan Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar, Jurnal al-Turath; Vol. 2, No. 2; 2017, pp. 54-59.

Ihsan, M.Arinal (2015), Aplikasi Muroja'ah Al-Qur'an Sebagai Media Untuk Membantu Menghafal Juz Amma Berbasis Android, University Of Muhammadiyah Malang.

Bahari, F. (2008). Al-Quran Interaktif (Iqra'). Tesis Sarjana dalam Sains Komputer, Fakulti Sains Komputer dan Maklumat yang tidak diterbitkan. Universiti Teknologi Malaysia.

<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/E-Jitu/article/view/16231>

https://play.google.com/store/apps/details?id=com.TimAnakSaleh.HafalanQuran&hl=en_US&pli=1

<https://play.google.com/store/apps/details?id=smartdatasoft.quranmemorizationtest&hl=ms>
<https://www.usim.edu.my/ms/berita/ezhifz-aplikasi-mudahkan-teknik-hafalan-quran/>
https://www.facebook.com/UtusanOnline/posts/aplikasi-hafazan-smart-aquran-memorization-smart-al-q-muncul-top-5-dalam-kalanga/10158066162416347/?locale=ms_MY
<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/12/221021/huffaz-m-bantu-mudahkan-hafal-al-quran>

BAB 3

SUMBANGAN MUHAMMAD ALI AL-DABBA' DALAM PENGAJIAN AL-QURAN DAN *AL-QIRAAAT*

Muhammad Fairuz A Adi¹, Mohd Mahfuz Jaafar¹ & Mohd Ikram Mohd Nawi¹

¹Universiti Islam Selangor (UIS)

Pendahuluan

Perkembangan pengajian al-Quran dan *al-Qiraat* pada setiap zaman hingga hari ini adalah usaha gigih yang telah disumbang oleh tokoh-tokoh al-Quran terdahulu. Nama-nama besar seperti Ibn Mujahid (w324H), al-Dani (w444H), al-Syatibi (w590H), Ibn al-Jazari (w833H) dan lain ramai lagi telah menyumbang jasa yang besar kepada kelangsungan dan perkembangan ilmu ini samada melalui periwayatan atau penulisan. Semangat dan kegigihan mereka sepatutnya menjadi contoh buat generasi terkini demi memastikan ilmu al-Quran dan *qiraat* sentiasa berada di persada yang sepatutnya. Artikel ini akan memperkenalkan salah seorang tokoh ilmu al-Quran dan *qiraat* abad ke 19 iaitu Ali al-Dabba' (1886M-1961M) yang merupakan ketua *qurra'* dan *al-maqari'* negara Mesir pada pemerintahan raja Faruq.

Latar Belakang Al-Dabba'

Nama penuh sheikh al-Dabba' ialah Ali bin Muhammad bin Hasan bin Ibrahim bin Abdullah. Gelaran yang diberi kepada beliau ialah Nur al-Din dan beliau banyak menggunakan dan masyhur dengan nama al-Dabba'. Beliau dilahirkan pada 10 November 1886 di daerah Qal'ah iaitu satu daerah dalam kawasan Kaherah (Zirkli, 2002; al-Marsafi, t.t).

Al-Dabba' mula menghafal al-Quran ketika umurnya antara 7-13 tahun. Ketika proses menghafal al-Quran, bakat beliau dalam ilmu-ilmu al-Quran telah dikesan oleh syeh Ahmad Mutawalli (w1313H) dan berpesan kepada guru kepada al-Dabba' agar mendidik beliau dalam hafazan, mengajarkannya ilmu *qiraat* serta mewasiatkan segala buku-buku al-Mutawalli kepada al-Dabba' setelah beliau wafat (Al-Barmawi, 2000).

Al-Dabba' merupakan satu-satunya *qurra'* yang sangat teliti dengan *qiraat* sepuluh. Beliau membaca keseluruhan *qiraat mutawatirah* begitu juga *qiraat shadhdhab*. Nama beliau begitu mashyur dalam kalangan negara-negara Islam. Bahkan Ramai *qurra* dari kebanyakkannya negara Islam datang mengambil riwayat dari beliau.

Pada 2 Januari 1961 Masihi bersamaan bulan Sya'ban tahun 1380 Hijriah ketika umurnya mencapai 75 tahun, al-Dabba telah dijemput mengadap Allah SWT. Beliau telah meninggalkan jasa yang besar dalam pengajian al-Quran dan disiplin ilmu *qiraat*.

Guru-Guru Al-Dabba'

Menurut al-Barmawi (2000) dan Tala'at (2006), Sheikh al-Dabba' mengambil riwayat *qiraat* dari guru beliau seperti senarai di bawah:

- 1- *Al-Muqri'* Hasan bin Yahya al-Kutbi
- 2- *Al-Muqri'* Abd al-Rahman bin Husin al-Sha'ar
- 3- *Al-Muqri'* Mahmud Amir al-Shibini
- 4- *Al-Muqri'* Ahmad bin Muhammad al-Sukkari

Murid-Murid Al-Dabba'

1. Sheikh Ibrahim 'Atwahl 'Awd
2. Sheikh Ahmad bin 'Abd al-'Aziz Muhammad al-Zayyat
3. Sheikh 'Abd al-Halim Badr
4. Sheikh 'Abd al-'Aziz bin Muhammad 'Ali 'Uyun al-Sud
5. Sheikh Ahmad bin Hamid bin 'Abd al-Razzaq al-Madani al-Makki
6. Sheikh Ahmad Malik Ahmad al-Seneghali
7. Sheikh Mahmud Khalil al-Husari

Sumbangan Dalam Masyarakat Islam Dunia

Sejarah penulisan al-Quran yang bermula dari zaman penurunan wahyu telah merekodkan bahawa setiap *nas* atau ayat yang ditulis dibimbing dan diperaku oleh Rasulullah SAW. Lanjutan dari sunnah tersebut, penulisan dan penyalinan al-Quran dibawah selian khaliah Abu Bakr RA dan Uthman RA mensyaratkan setiap *nas* al-Quran perlu kepada perakuan dan penyaksian dari sahabat RA untuk ditulis. Oleh yang demikian, sudah menjadi satu peraturan yang wajib, setiap kali al-Quran itu ditulis akan ada pihak yang melakukan semakan. Tanggungjawab ini dilakukan adalah untuk memastikan semua *nas* al-Quran yang ditulis termasuk huruf, kalimah, susunan ayat dan seumpamanya adalah betul dan tepat sebagaimana diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW (Khairul Anuar, 2011).

Sumbangan al-Dabba' dalam bidang pengajian al-Quran di peringkat tertinggi bermula pada pelantikan beliau sebagai *syeikh al-maqari'* di masjid al-Sultan Hasan, masjid Saidah Ruqayyah, Masjid Saidah Zainab di kawasan Kaherah (Tala'at, 2006). Tidak lama selepas itu, ketokotahan beliau dihidu oleh pemerintah Mesir Raja Faruk, dan al-Dabba' dilantik secara rasmi sebagai jawatan sebagai ketua *qurra'* Mesir atas pelantikan raja pada tahun 1368H/1949M menggantikan *al-'Allamah* Muhammad Khalaf al-Husaini al-Haddad (w.1357H). Pelantikan beliau ini disaksikan oleh para ulama' besar negara Mesir ketika itu (Tala'at, 2006).

Sumbangan Al-Dabba' dalam lapangan al-Quran tidak terhenti kepada pengajian al-Quran dalam negara Mesir sahaja. Beliau juga diberi tanggungjawab sebagai pentashih mashaf al-Quran Mesir sebelum diberi kebenaan untuk dicetak. Menurut Talaat (2006), sheikh al-Dabba' menjalankan urusan penyemakan al-Quran selama 52 tahun. Dalam tempoh itu, lebih 380 al-Quran telah disemak olehnya. Penyemakan yang dilakukan adalah helaian demi helaian dan setiap helaian ditanda khatam menandakan ia adalah betul dan tepat. Terdapat satu malajah berjudul "*Majalah Akhir Sa'ah*" dari Mesir yang mana di dalamnya dimuatkan satu artikel dengan tajuk "Tandatangan Seorang Lelaki pada al-Quran diiktiraf seluruh umat Islam". Lelaki yang dimaksudkan ialah Sheikh Ali Dabba'. Satu ketika dahulu, setiap tahun negara Mesir mencetak dan mengeluarkan empat juta naskhah al-Quran dalam pelbagai bentuk untuk diedarkan kepada 22 negara Islam termasuk Malaysia. Sebelum dicetak semua mushaf tersebut mestilah disemak dan disahkan kandungannya oleh Sheikh Ali Dabba' (Khairul Anuar, 2011). Tugas sebagai penyemak mashaf merupakan jasa yang sangat besar yang curahkan oleh al-Dabba'. Tugas yang dilakukan dengan sangat cermat dan beliau menggunakan segala ilmu dalam tugas semakan beliau sehingga mashaf yang dicetak menepati segala hukum yang berkaitan penulisan rasm mashaf.

Sumbangan Penulisan Dalam Khusus Dalam Bidang *Qiraat*

Sebanyak 33 buah buku direkodkan telah dihasilkan oleh al-Dabba' khusus dalam lapangan ilmu *qiraat* seperti senarai di bawah:

1. *Ittihad al-Murid bi Sharh Fath al-Majid fi Qiraat Hamzah min Tariq al-Qasid*
2. *Urjuzah Fi Ma Khalafa Fibi al-Kisaie Hafsan*
3. *Irshad al-Murid ila Maqsud al-Qasid fi Qiraat al-Sab'*

4. *Asrar al-Matlub fi Bayan al-Kalimat al-Mukhtalaf fiha 'an Abi Ya'qub*
5. *Al-Ida'ah fi Bayan Usul al-Qira'ah, bi al-Nisabah li al-Qurra al-'Asharah*
6. *Aqrab al-Aqwal 'Ala Fath al-Aqfal*
7. *Al-Aqwal al-Mu'ribah 'an Maqasid al-Tayyibah, fi al-Qira'at al-Ashr*
8. *Inshad al-Sharid min Ma'ani al-Qasid, fi al-Qiraat al-Sab'*
9. *Al-Badr al-Munir, fi Qira'at Ibn Kathir*
10. *Bulugh al-Umnijiyah, Sharh manzumah Ittihaf al-bariyyah bi Tahrir al-Shatibiyah*
11. *Al-Bahjah al-Mardiyyah fi Sharh al-Durrab al-Mudiyyah*
12. *Tadhkirah al-Ikhwan, fi Bayan Ahkam Riwayat Hafs bin Sulaiman*
13. *Tagrib al-Naf', fi al-Qira'at al-Sab'*
14. *Tanqib al-Taqrir*
15. *Al-Jawhar al-Maknun, Sharh Risalah Qalun*
16. *Al-Durar al-Fakhirah, fi Asanid al-Qira'at al-Mutawatirah*
17. *Al-Durr al-Nazim, Sharh fath al-Karim, fi Tahrir Anjubah al-Qur'an al-Karim, min Tariq al-Tayyibah*
18. *Risalah al-Dad*
19. *Risalah Qalun*
20. *Sharh Risalah Qalun*
21. *Sarib al-Nas, fi Bayan al-Kalimat al-Mukhtalaf fiha 'an Hafs*
22. *Fara'id al-Murattabah 'ala al-Fawaaid al-Muhadhabah*
23. *Al-Fawaaid al-Mudakhkharah, sharh al-Fawaaid al-Mu'tabarah, fi Qiraat al-Arba'ah alladhi Ba'd al-'Asharah*
24. *Al-Fawaaid al-Muhadhabah, fi Bayan Khulf Hafs min Tariq al-Tayyibah*
25. *Qatf al-Zabr min Nadhimah al-Zuhr fi Bayan 'Ad al-Ay*
26. *Al-Qaql al-Asdaq, fi Bayan ma Khalafa fibi al-Asbahaniy al-Azraq*
27. *Al-Qawl al-Mu'tabar fi al-Anjubah allati Bain al-Suwar*
28. *Muktahsar Bulugh al-Umnijiyah, fi Sharh Ittihaf al-Bariyyah fi Tahrir al-Shatibiyah*
29. *Al-Matlub, fi Bayan al-Kalimat al-Mukhtalaf fiha 'an Ya'qub*
30. *Mufradah al-Yazidi*
31. *Nadhm ma Khalafa fibi Qalun Warshan min Tariq al-Hirz*
32. *Al-Nur al-Sati', fi Qira'at al-Imam al-Nafi'*
33. *Hidayah al-Murid ila Riwayah Abi Sa'id al-Ma'ruf bi Wasib min Tariq Qasid*

Buku-Buku Rasm al-Quran

Dalam disiplin ilmu penulisan al-Quran atau disebut sebagai ilmu rasm, al-Dabba' telah menghasilkan 2 buah buku iaitu:

1. *Irshad al-Ikhwan ila Sharh Mawrid al-Zam'an fi Rasm wa Dabit al-Qur'an*
2. *Samir al-Talibin, fi Rasm wa Dabit al-Kitab al-Mubin*

Buku-Buku Ilmu Tajwid

Dari sudut disiplin ilmu tajwid pula, al-Dabba' telah menulis 5 buah kitab. Kitab yang dimaksudkan ialah seperti di bawah:

1. *Al-Sharb al-Saghbir/ Hashiyah 'ala Thufah al-Atfal*
2. *Al-Sharb al-Kabir 'ala Tuhfah al-Atfal/ Minhabah dhi al-Jalal*
3. *Al-Tajwid wa Masdaruh wa Haqiqah al-Nutq bi al-Dad*
4. *Jamil al-Nadhm, fi Ilmiy al-Ibtida' wa al-Khatm*
5. *Minhabah Dhi al-Jalal, fi Sharh Tuhfah al-Atfal*

Buku-Buku Ulum Al-Quran

Selain dari karya berteraskan *qiraat*, al-Dabba juga telah menghasilkan 4 kitab berkaitan ulum al-Quran seperti senarai di bawah:

1. *Al-Mukaddimah fi 'Ulum al-Quran*
2. *I'lam al-Ikhwan bi Ajza' al-Qur'an*
3. *Fath al-Karim al-Mannan, fi Adab Hamlah al-Qur'an*


Buku Biografi Imam *Qiraat*

1. *Nur al-'Asr, fi Tarikh Rijal al-'Ashr*

Artikel Dalam Ilmu Ulum Al-Quran Dan Ilmu-Ilmu Lain

1. *Ajwibah 'Ala As'ilah fi 'Ulum al-Qur'an*
2. *Jibril Anwal Mu'allim li al-Qur'an*
3. *Thubut al-Qira'at 'an Rasulullah SAW wa Tarikhuba*
4. *Man' Kitabah al-Mashaf bi al-Imla', wa Tanfid ma Nusibanila al-Imam Malik fi Dhalik*
5. *Mubatada'at al-Qurra'fi Qira'ah al-Qur'an al-Karim*
6. *Al-Waqf al-Lazim*
7. *Inayah al-Muslimin bi al-Qur'an*
8. *Al-Ahruf al-Sab'ah*
9. *Su'al min Makkah al-Mukarramah Hawl Wujub Ittiba' Rasm al-masahif al-Uthmaniyyah*
10. *Al-Ghunnah*
11. *Fadai'il al-Istighbal bi al-Qur'an*
12. *Al-Tajwid*
13. *Makharij al-Huruf wa Sifatuha wa Kaifiyah Isti'mal al-Huruf*
14. *Bab fi Ta'rif bi Hafs wa Dhikr Asanid bi Riyayatih*
15. *Fadl Tilawah al-Qur'an al-Karim wa Ma Yajib 'ala al-Qurra'*
16. *Al-Nadr bin Shumail*
17. *Rihlah al-Imam al-Shafie*
18. *Al-Islam wa al-'Ilm*
19. *Min A'lam al-Qurra' Ibn Mutarraf al-Kinani Sahib Kitab al-Qurtayn*
20. *Gharib Fatihah al-Kitab wa Mushkiluhu*
21. *Ibn Sina*
22. *Adab al-Qari*
23. *Muhammad Rasulullah SAW*
24. *Adab Mas al-Mushaf wa Hamlih wa Kitabih*
25. *Adab al-Mua'llim wa Shartuh*
26. *Adab al-Muta'allim*
27. *Adab al-Nas wa al-Sami'in*

Peratusan karya mengikut disiplin ilmu yang telah dihasilkan oleh syeikh al-Dabba' diterjemahkan dalam carta pai di bawah ini:



Carta 1: Karya al-Dabba

Sumbangan Al-Dabba Dalam Semakan, *Tashih* dan *Tahkik* Kitab-Kitab *Qiraat*

Selain dari menghasilkan karya-karya dalam beberapa bidang yang disebutkan dalam topik di atas, al-Dabba juga turut mencerahkan tenaga dan keilmuannya dalam bidang semakan atau pentashihan teks terhadap karya-karya ulama dalam bidang *qiraat*. Sebanyak 17 karya yang telah di semak dan di *tashih* semasa hayat beliau. Senarai karya yang telah ditahkik oleh al-Dabba' seperti senarai di bawah:

1. *Mandhumah al-Hirz al-Amani wa Wajib al-Tabaniy, fi Qira'at al-Sab'*-Imam al-Shatibi (w.590H)
2. *Siraj al-Qari al-Mubtadi wa Tadbkar al-Muqr'i al-Muntabi, fi Qira'at al-Sab' fi Sharh al-Shatibiyah*- Imam'Ali bin 'Uthman al-Qasih al-'Uzriy (w.801H)
3. *Mandhumah Taybah al-Nashr fi Qira'at al-'Asbr*- Imam Ibn al-Jazari (w.833H)
4. *Al-Nasr fi al-Qira'at al-'Asbr*- Imam Ibn al-Jazari(w.833H)
5. *Sharh Taybah al-Nashr, fi Qira'at al-'Ashr*-Imam Ibn al-Jazari (w.833H)
6. *Al-Hawashi al-Azhariyyah fi Halli Alfadhl al-Mugaddimah al-Jazariyyah*- Imam al-Azhari (w.905H)
7. *Ittihaif Fudala'al-Bashr bi al-Qira'at al-Arba'ah al-'Ashr*- imam al-Dimyati (w.1117H)
8. *Ghaith al-Nafi', fi Qira'at al-Sab'*- Imam al-Safaqusi (w.1118H)
9. *Nihayah al-Qawl al-Mufid, fi Ilm al-Tajwid*- Imam al-Juraysi. Hidup sekitar tahun 1305H
10. *Fath al-Majid, fi Qira'ath Hamzah min Tariq al-Qasid*- Imam al-Mutawalli (w.1313H)
11. *Ghayah al-Nihayah fi Tabqat al-Qurra'*-Imam Ibn al-Jazari (w.833H)
12. *Ittihaif al-Bararah bi al-Mutun al-'Asharah fi al-Qiraat wa Rasm al-Mushaf wan 'Ad al-Ayy wa al-Tajwid*-Imam al-Dimyati (w.1117H)
13. *Kanz al-Ma'ani Sharh Hirz al-Amani*- Imam Shu'lah (w.656H)
14. *Tarikh al-Qur'an wa Gharaib Rasmih wa Hikamih*- Imam Tahir al-Kurdi (w.1400H)
15. *Majallah Kunuz al-Qur'an*.
16. *Al-Qawl al-Sadid, fi Akhdam al-Tajwid*-Syeh Ahmad Hijazi al-Faqih

17. *Fath al-Mu'ti wa Ghunyah al-Muqri, fi Muqaddimah Warsh al-Misri*- Imam al-Mutawalli (w.1313H).

Penyalinan Semula Karya Lama

Selaian dari penulisan, semakan dan *tashib* karya-karya *qiraat*, al-Dabba' juga turut menyumbang dari sudut penyalinan semula karya-karya *qiraat*. Beliau menyalin semula karya-karya *qiraat* dengan menggunakan tangan beliau sendiri dan menulisnya setiap kalimah dengan rasm yang lebih besar dari karya asal dengan tujuan menjaga ilmu, memudahkan generasi mengambil manfaat dari karya-karya tersebut. Tala'at (2006) menyenaraikan karya-karya yang disalin semula oleh al-Dabba' seperti senarai di bawah:

1. *Al-Mufaradat li al-Qurra' al-Sab'ah*- Imam al-Dani (w.444H)
2. *Fath al-Muqhalat, Lima Tadammanah Nażm al-Shatibiyyah wa al-Durrah min al-Qira'at*- Imam al-Mukhallati (w.1311H)
3. *Bada'i al-Burhan 'ala Umdah al-Irfan fi Wujub al-Qur'an*- Imam Mustasa al-Izmiri (w.1155H)

Penutup

Sheikh Ali al-Dabba' terbukti seorang tokoh berjasa yang telah mencerahkan tenaga dan masanya untuk berkhidmat kepada al-Quran dan *al-Qiraat*. Sejarah telah membuktikan, beliau telah mewariskan begitu banyak khazanah ilmu yang amat bermanfaat untuk generasi terkemudian. Sumbangan beliau terbatas kepada penulisan Ilmu *Qira'at* dan ilmu yang berkaitan dengannya sahaja bahkan kepada penulisan al-Quran yang menepati syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh terdahulu. Kesungguhan dan kegigihannya terbukti dengan berhasilnya hampir 70 puluh karya dalam bidang al-Quran dan *al-Qiraat*. Antara hasil karya-karya beliau, ada yang telah dijadikan sebagai rujukan penting dalam pembelajaran terutamanya dalam bidang *Qira'at*. Semoga Allah SWT merahmati sheikh Ali al-Dabba' dan menempatkan beliau dalam kalangan orang-orang saleh.

Rujukan

- al-Barmawi, I. b. (2000). *Imta' al-Fudala' bi Tarajim al-Qurra' fi ma Ba'd Qarn al-Thamin al-Hijriy*. Kaherah: Dar al-Nadwah.
- Al-Mirsafi, A. a.-F. (t.t). *Hidayah al-Qari ila Tajwid al-Kalam al-Bari*. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Tayybah.
- al-Mutawalli, M. b. (1947). *Fath al-Mu'ti wa Ghunyah al-Muqri'*. Kaherah: Maktabah al-Qahirah.
- Tala'at, A. M. (2006). *Safir al-'Alamin fi Idah wa Tahrir Samir al-Talibin*. Kaherah: Dar Imam al-Bukhari.
- Zirikli, K. a.-D. (2002). *al-A'lām*. Kaherah: Dar al-'Ilm al-Malayin.
- (مشيخة عموم المقارئ المصرية - ويكيبيديا) wikipedia.org
- <https://www.utusan.com.my/premium/2021/04/kealiman-sheikh-qurra-mesir-sheikh-ali-dabba/>

BAB 4

PEMBELAJARAN ILMU QIRAAAT MELALUI TEKNOLOGI CAPAIAN INTERNET: KAJIAN TERHADAP PELAJAR DIPLOMA TAHFIZ DARUL QURAN

Ahmad Shahir Masdan¹, Mahmud Lutfi Abd Hadi¹, Ahmad Syahir Ahamad Nzly¹
& Ubaid Mohd Asri

¹Universiti Islam Selangor (UIS)

Pendahuluan

Pandemik Covid-19 telah memaksa manusia mengubah perilaku dalam pelbagai aspek dan pelbagai bidang, tidak terkecuali juga dalam bidang pendidikan. Inisiatif secara mendasar yang dilakukan oleh kerajaan untuk dunia pendidikan dalam semasa Pandemik Covid-19 adalah adanya inisiatif belajar dari rumah untuk semua peringkat pendidikan. Inisiatif ini mengubah cara kementerian pendidikan dengan melaksanakan proses pembelajaran, yang pada asalnya adalah secara bersemuka menjadi pembelajaran jarak jauh iaitu dalam talian. (Nurkholis 2022).

Pembelajaran dalam talian menjadi solusi dalam menjalankan pendidikan pada masa pandemik covid-19 ini sehingga pendidikan tetap dilaksana dengan baik (Rahayu et al. 2020). Namun pembelajaran dalam talian bukanlah suatu sistem pembelajaran yang umum dilakukan di Malaysia disebabkan selama ini pembelajaran dilakukan secara bersemuka (Ishak et al. 2022). Guru dan pelajar belum terbiasa dengan sistem pembelajaran dalam talian yang merupakan sistem pembelajaran yang baru diterapkan (Puspitasari and Mustain 2021). Pada masa perintah kawalan pergerakan (PKP) baru-baru ini, semua pelajar daripada semua jurusan terpaksa belajar dalam talian dan hal ini menyebabkan pelajar banyak menggunakan rujukan daripada internet berbanding perpustakaan. Tidak terkecuali kepada pelajar tafsir al-Quran dan Qiraat yang banyak masa menggunakan rujukan daripada internet. Menurut Zainora et al. (2012), para pelajar daripada aliran tafsir al-Quran wajib mempelajari ilmu pendidikan Qiraat kerana Qiraat adalah ilmu al-Quran. Qiraat juga ialah suatu mazhab daripada mazhab-mazhab bacaan al-Quran yang dipegang oleh seorang imam daripada imam-imam *Qurra'* sebagai suatu pegangan yang mempunyai perbezaan dengan pada pembacaan al-Quran dan bersambung sanadnya hingga ke Rasulullah (Rahim 2021).

Al-Quran dan Qiraat adalah dua aspek yang berbeza (Halim et al. 2022). Al-Zarqani berpendapat bahawa al-Quran ialah wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah (Purba 2016) sebagai *bayan* dan *i'jaż* manakala Qiraat ialah perbezaan para *Qurra'* dalam penyebutan lafadz wahyu (A'tarahim 2016) samada dari segi bentuk atau kedudukan huruf dari secara *takhfif* kepada *tasydid* yang diterima melalui *al-sima' wa al-musyafahah* (Zainora et al.,2012). Azmil Hashim dan Ab.Halim Tamuri (2012) juga telah mengemukakan persepsi kaedah amalan pembelajaran tafsir dan ilmu Qiraat di Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran negeri (MTQN) di Malaysia. Perbincangannya amat menarik sekali difokuskan kepada struktur, pendekatan, strategi serta teknik pembelajaran, tahap pengetahuan, kefahaman dan pencapaian para pelajar dalam bidang qiraat. Pada akhir kajian juga telah memberi cadangan bahawa satu kajian lanjutan perlu dilakukan agar dapat mempertingkatkan lagi pengajian qiraat di institusi pengajian.

Kajian ini merupakan kajian tinjauan hanya terhadap pelajar tahun akhir diploma tafsir Darul Quran syu'bah Qiraat. Kajian ini menggunakan soal selidik bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Oleh itu, dapatan kajian ini akan bergantung sepenuhnya kepada tahap kefahaman dan kejujuran responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan oleh penyelidik secara sukarela. Terdapat lebih kurang 70 orang pelajar tahun akhir diploma tafsir di Darul Quran yang mengambil

jurusan Qiraat dan penyelidik akan memberikan sebanyak 59 sampel kepada pelajar diploma tahniz Darul Quran syu'bah Qiraat mengikut perkiraan Krejcie dan Morgan dalam Educational and Psychological Measurement (Krejcie and Morgan 1970).

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dihuraikan secara deskriptif untuk meninjau tahap penggunaan internet dalam pembelajaran Qiraat dalam kalangan pelajar tahun akhir diploma tahniz Darul Quran syu'bah Qiraat, Kuala Kubu, Selangor. Kajian ini adalah kajian tinjauan yang dijalankan melalui pengedaran soal selidik. Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengumpul pembolehubah yang dijangka mempunyai kaitan dengan sesuatu peristiwa yang sedang berlaku (Konting 1990). Kajian tinjauan merupakan prosuder dalam penyelidikan kuantitatif yang mempunyai ciri-ciri tertentu (Sondakh 2022). Antara ciri-ciri tersebut adalah seperti penggunaan menyeluruh, cara pengendalian yang digemari, cara memungut data yang cepat, penggunaan saiz sampel yang besar, maklumat yang terus dan telus serta keupayaan keputusan kajian digeneralisasikan (Chua 2011).

Analisis Dapatan Kajian Secara Deskriptif

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menjawab persoalan kajian pertama iaitu untuk mengenalpasti tahap penggunaan teknologi capaian internet bagi pelajar-pelajar tahun akhir Darul Quran. Bagi menentukan dimensi tersebut maka data telah dianalisis menggunakan min. Seterusnya nilai min yang diperolehi ditafsirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Norasmah (2002) dan Azhar (2006). Norasmah (2002) dan Azhar (2006) telah membahagikan cara interpretasi dapatan deskriptif tersebut seperti dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik.

Skor min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi
4.01-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Azhar Ahmad, (2006) dan Norasmah (2001)

Analisis Dapatan Kajian

Proses penganalisaan data-data kuantitatif ini dilakukan secara deskriptif melalui analisis berkomputer menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences Version 21 (SPSS). Statistik deskriptif yang digunakan ialah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawaian yang bertujuan menjelaskan sifat pemboleh ubah yang nyata dengan lebih terperinci. Secara keseluruhannya, sebanyak 59 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terlibat iaitu peserta kajian yang dipilih secara rawak. Analisis deskriptif peratusan digunakan untuk menerangkan profil responden kajian dan digunakan bagi mengenalpasti tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar tahun akhir diploma tahniz Darul Quran syu'bah Qiraat. Dapatan kajian ini akan dilihat melalui kekerapan dan peratusan responden memilih jawapan serta melalui min yang diperolehi. Kesemua item soal selidik ini menggunakan skala likert kecuali pada jadual 3.5 yang menggunakan cara norminal, nilai skor yang diperolehi akan dijumlahkan seterusnya menghasilkan min dan diinterpretasikan bagi menghasilkan dapatan kajian yang sah dan boleh dipercayai.

Profil Demografi Responden

Pada bahagian demografi ini terdapat 3 soalan yang diajukan kepada pelajar yang terdiri daripada jantina, umur dan semester ke berapa. Bagi menganalisis data demografi kajian, analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan dan peratusan. Profil demografi kajian dipaparkan seperti Jadual 2 berikut.

Jadual 2: Jadual Demografi Responden

Demografi		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	35	59.3%
	Perempuan	24	40.7%
Umur	18-20	3	5.1%
	21-25	46	78%
	26-30	7	11.9%
	30 keatas	3	5.1%
Semester	Semester 5	48	81.4%
	Semester 6	11	18.6%

Sumber: Soal Selidik 2023

Jadual 2 menunjukkan seramai 35 orang (59.3%) pelajar lelaki dan seramai 24 orang (40.7%) pelajar perempuan. Ini menunjukkan majoriti responden kajian adalah dalam kalangan pelajar lelaki. Pemilihan responden ini adalah bertujuan melihat maklum balas yang diberikan di antara pelajar lelaki dan perempuan kerana pemikiran dan pemahaman antara lelaki dan perempuan ini seringkali berbeza. Kemudian, seramai 3 orang (5.1%) yang berumur 18-20 tahun, seramai 46 orang (78%) yang berumur 21-25 tahun, seramai 7 orang (11.9%) yang berumur 26-30 tahun dan seramai 3 orang (5.1%). Ini menunjukkan responden lebih ramai daripada kalangan umur 21-25 tahun. Seterusnya berdasarkan Jadual 3.7.1 juga, seramai 48 orang (81.4%) responden yang semester 6 dan seramai 11 orang (18.6%) responden yang semester 5. Ini menunjukkan responden lebih ramai yang semester 6 berbanding yang semester 5.

Tahap Kemahiran Pelajar Tahun Akhir Diploma Tahfiz Darul Quran Syu'bah Qiraat Terhadap Penggunaan Internet

Pada bahagian ini, penyelidik telah menyediakan 10 item soalan yang berkaitan dengan tahap kemahiran pelajar tahun akhir diploma tahfiz Darul Quran syu'bah Qiraat dengan menggunakan skala ordinal. Skala ordinal yang digunakan dalam bahagian B set soal selidik ini ialah 5 skala Liket dimana ia mewakili 5 item pilihan iaitu 1) Sangat tidak setuju 2) Tidak setuju 3) Kurang setuju 4) Setuju 5) Sangat setuju. Pelajar akan menjawab soalan bahagian ini mengikut apa yang dipersetujui mereka dan dirasai tepat dengan keadaan kecenderungan mereka semasa menjawab soalan. Pengukuran bagi menilai interpretasi nilai min adalah seperti yang digambarkan dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Nilai interpretasi bagi mengukur nilai min

Nilai Min	Interpretasi
1.0 hingga 2.0	Sangat Rendah
2.1 hingga 3.0	Rendah
3.1 hingga 4.0	Sederhana
4.1 hingga 5.0	Tinggi

Sumber: Sekaran, 2006

Analisis daptan kajian diuraikan untuk menjawab objektif kajian ini. Analisis daptan kajian secara terperinci dipaparkan melalui deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min yang dijalankan bagi menentukan tahap kemahiran pelajar tahun akhir diploma tafhiz Darul Quran syu'bah Qiraat terhadap penggunaan internet. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Tahap kemahiran pelajar tahun akhir diploma tafhiz Darul Quran syu'bah Qiraat terhadap penggunaan internet

Bil.	Item	Kekerapan/Peratus					Min	Sp	Interpreta si
		STS	TS	KS	S	SS			
		1	2	3	4	5			
1	Saya boleh menggunakan enjin pencari (search engine) untuk melayari maklumat	0 0%	2 3.4%	4 6.8%	27 45.8%	26 44.1%	4.31	0.749	Tinggi
2	Saya boleh menggunakan muat turun (download) untuk tujuan pembelajaran	0 0%	1 1.7%	4 8.5%	25 42.4%	29 47.5%	4.36	0.713	Tinggi
3	Saya mampu untuk mencari maklumat pembelajaran melalui teknologi baru	0 0%	1 1.7%	7 11.9%	27 45.8%	24 40.7%	4.25	0.733	Tinggi
4	Saya mampu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran	1 1.7%	0 1.7%	4 6.8%	30 50.8%	24 39%	4.24	0.795	Tinggi

5	Saya mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang cukup dalam penggunaan internet	0 0%	2 3.4%	6 10.2%	32 54.2%	19 32.2%	4.15	0.738	Tinggi
6	Saya boleh mereka bentuk dan membina aktiviti pembelajaran yang dapat mengintegrasikan melalui internet di dalam dan di luar kelas	0 0%	3 5.1%	12 20.3%	34 57.6%	10 16.9%	3.86	0.753	Sederhana
7	Saya boleh menggunakan pelbagai kaedah untuk menggalakkan proses pembelajaran dengan menggunakan internet	0 0%	1 1.7%	10 16.9%	33 55.9%	15 25.4%	4.05	0.705	Tinggi
8	Saya tahu untuk menilai bagaimana internet dapat mempelbagaikan aktiviti pembelajaran saya di dalam kelas	0 0%	3 5.1%	12 20.3%	27 45.8%	17 28.8%	3.98	0.841	Sederhana
9	Saya mampu menggunakan grafik dan video melalui internet	1 1.7%	0 0%	21 35.6%	22 37.3%	15 25.4%	3.85	0.867	Sederhana
10	Saya mampu menggunakan internet untuk membuat rujukan	0 0%	0 0%	8 13.6%	15 25.4%	36 61%	4.47	0.728	Tinggi
JUMLAH KESELURUHAN MIN									4.15

Sumber: Soal Selidik 2023

Jadual 4 menunjukkan bahawa majoriti item dalam tahap kemahiran pelajar tahun akhir diploma tafzil Darul Quran terhadap penggunaan intenet pada tahap tinggi ($\text{min} = 4.15$). Item yang mempunyai min yang paling tinggi adalah item yang terakhir iaitu item ke 10 iaitu saya mampu menggunakan internet untuk membuat rujukan ($\text{min} = 4.47$) yang berada pada tahap tinggi. Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan 0% menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju, seramai 8 orang (13.6%) pelajar menyatakan kurang setuju, seramai 15 orang (25.4%) menyatakan setuju dan seramai 36 orang (61%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa faktor terbesar tahap kemahiran pelajar tahun akhir diploma tafzil Darul Quran syu'bah Qiraat terhadap penggunaan internet adalah saya mampu menggunakan internet untuk membuat rujukan ($\text{min} = 4.47$).

Item yang mempunyai min kedua tertinggi ialah item ke dua iaitu saya boleh menggunakan muat turun (download) untuk tujuan pembelajaran (min = 4.36) yang berada pada tahap tinggi. Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan 0% yang menyatakan sangat tidak setuju, hanya seorang (0.7%) sahaja yang menyatakan tidak setuju, seramai 4 orang (8.5%) pelajar yang menyatakan kurang setuju, seramai 25 orang (42.4%) pelajar yang menyatakan setuju dan seramai 29 orang (47.5%) pelajar yang menyatakan sangat setuju.

Item yang mempunyai min ketiga tertinggi ialah item pertama iaitu saya boleh menggunakan enjin pencari (search engine) untuk melayari maklumat (min = 4.31). Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan 0% yang menyatakan sangat tidak setuju, seramai 2 orang (3.4%) pelajar yang menyatakan tidak setuju, seramai 4 orang (6.8%) pelajar yang menyatakan kurang setuju, seramai 27 orang (45.8%) pelajar menyatakan setuju dan seramai 26 orang (44.1%) pelajar menyatakan sangat setuju.

Jenis-jenis Aplikasi dan Laman Web yang digunakan oleh Pelajar Tahun Akhir Diploma Tahfiz Darul Quran Syu’bah Qiraat

Pada bahagian ini, penyelidik telah menyediakan 6 item yang berkaitan dengan jenis aplikasi dan laman web yang digunakan oleh pelajar tahun akhir diploma tahfiz Darul Quran syu’bah Qiraat dengan menggunakan norminal. Norminal yang digunakan dalam set soal selidik ini ialah 6 item iaitu 1) Facebook 2) Twitter 3) Instagram 4) Tiktok 5) Blog dan 6) Lain-lain. Pelajar akan menjawab soalan bahagian ini mengikut apa yang dipersetujui mereka dan dirasai tepat dengan keadaan kecenderungan mereka semasa menjawab soalan. Pengukuran bagi menilai kesemua item ini bergantung pada peratusan yang paling tinggi.

Analisis dapatan kajian dihuraikan untuk menjawab objektif kajian ini. Analisis kajian secara terperinci dipaparkan melalui kekerapan dan peratusan yang dijalankan bagi mengetahui jenis-jenis aplikasi dan laman web yang digunakan oleh pelajar tahun akhir Diploma Tahfiz Darul Quran syu’bah Qiraat. Hasil analisis seperti Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Jenis-jenis aplikasi dan laman web yang digunakan oleh pelajar tahun akhir diploma tahfiz Darul Quran syu’bah Qiraat

Bil.	Item	Jumlah Pelajar
1	Facebook	49 (83.1%)
2	Twitter	15 (25.4%)
3	Instagram	33 (55.9%)
4	Tiktok	31 (52.5%)
5	Blog	32 (54.2%)
6	Lain-lain	35 (59.3%)

Jadual 5 menunjukkan bahawa majoriti item dalam jenis-jenis aplikasi dan laman web yang digunakan oleh pelajar tahun akhir diploma tahliz Darul Quran syu'bah Qiraat pada tahap peratusan yang tertinggi ialah 83.1%. Item yang mempunyai peratusan yang paling tinggi adalah item yang pertama iaitu Facebook.. Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan 49 orang pelajar (83.1%) yang memilih Facebook sebagai aplikasi yang sering digunakan. Kemudian peratusan yang kedua tinggi ialah lain-lain. Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan 35 orang pelajar (59.3%) yang memilih lain-lain sebagai aplikasi yang sering digunakan. Seterusnya, peratusan yang ketiga paling tinggi ialah Instagram. Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan 33 orang pelajar (55.9%) yang memilih Instagram sebagai aplikasi yang sering digunakan. Keputusan bagi jenis-jenis aplikasi dan laman web yang digunakan oleh pelajar ialah Facebook. Pelajar lebih cenderung menggunakan facebook dalam mencari maklumat Qiraat berbanding aplikasi dan laman web yang lain.

Mengapakah Aplikasi dan Laman Web sering digunakan oleh Pelajar Tahun Akhir Diploma Tahliz Darul Quran Syu'bah Qiraat?

Analisis dapatan kajian dihuraikan untuk menjawab objektif kajian ini. Analisis kajian secara terperinci dipaparkan melalui kekerapan dan peratusan yang dijalankan bagi menjawab soalan yang di atas. Hasil analisis seperti Jadual 6 berikut:

Jadual 6: Mengapakah aplikasi dan laman web sering digunakan oleh pelajar tahun akhir diploma tahliz Darul Quran syu'bah Qiraat?

Bil.	Item	Jumlah Pelajar
1	Mudah untuk mendapatkan maklumat	51 (86.4%)
2	Banyak maklumat tentang ilmu Qiraat	42 (71.2%)
3	Mampu menarik minat pelajar ketika sesi pembelajaran online	32 (54.2%)
4	Mampu menarik fokus pelajar	29 (49.2%)
5	Mampu mengukur tahap pemahaman terhadap pembelajaran	18 (30.5%)
6	Terdapat pelbagai fungsi untuk memanfaatkannya	28 (47.5%)
7	Sesuai untuk digunakan dalam pembelajaran	33 (55.9%)

8	Memberi kesan yang baik dalam pembelajaran	37 (62.7%)
9	Lain-lain	29 (49.2%)

Sumber: Soal Selidik 2023

Jadual 6 menunjukkan bahawa majoriti item dalam mengapakah aplikasi dan laman web sering digunakan oleh pelajar tahun akhir diploma tahnfiz Darul Quran syu'bah Qiraat pada tahap peratusan paling tinggi (86.4%). Item yang mempunyai peratusan yang paling tinggi adalah item yang pertama iaitu mudah untuk mendapatkan maklumat. Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan 51 orang pelajar (86.4%) yang memilih mudah untuk mendapatkan maklumat. Kemudian peratusan yang kedua tertinggi ialah banyak maklumat tentang ilmu Qiraat. Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan 42 orang pelajar (71.2%) yang memilih banyak maklumat tentang ilmu Qiraat. Seterusnya, peratusan yang ketiga tertinggi ialah sesuai untuk digunakan dalam pembelajaran. Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan 33 orang pelajar (55.9%) yang memilih sesuai untuk digunakan dalam pembelajaran sebagai alasan mengapa aplikasi dan laman web sering digunakan oleh pelajar tahun akhir diploma tahnfiz Darul Quran syu'bah Qiraat yang. Keputusan bagi mengapakah aplikasi dan laman web sering digunakan oleh pelajar ialah mudah untuk mendapatkan Pelajar lebih cederung menggunakan facebook dalam mencari maklumat Qiraat berbanding aplikasi dan laman web yang lain kerana mudah untuk mendapatkan maklumat.

Tahap Penggunaan Internet dalam Pembelajaran Qiraat terhadap pelajar tahun akhir Diploma Tahfiz Darul Quran Syu'bah Qiraat

Pada bahagian ini, penyelidik telah menyediakan 12 item soalan berkaitan dengan tahap penggunaan internet dalam pembelajaran Qiraat terhadap pelajar tahun akhir diploma tahnfiz Darul Quran syu'bah Qiraat dengan menggunakan skala ordinal. Skala ordinal yang digunakan dalam bahagian ini ialah 5 skala Likert dimana ia mewakili 5 item pilihan iaitu 1) Sangat tidak setuju 2) Tidak setuju 3) Kurang setuju 4) Setuju 5) Sangat setuju. Pelajar akan menjawab soalan bahagian ini mengikut apa yang dipersetujui mereka dan dirasai tepat dengan keadaan kecenderungan mereka semasa menjawab soalan. Pengukuran bagi menilai interpretasi nilai min adalah seperti yang digambarkan dalam Jadual 7 berikut:

Jadual 7: Nilai interpretasi bagi mengukur nilai min	
Nilai Min	Interpretasi
1.0 hingga 2.0	Sangat Rendah
2.1 hingga 3.0	Rendah
3.1 hingga 4.0	Sederhana
4.1 hingga 5.0	Tinggi

Sumber: Sekaran, 2006

Analisis dapatan kajian dihuraikan untuk menjawab objektif kajian ini. Analisis dapatan kajian secara terperinci dipaparkan melalui analisis deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min yang dijalankan bagi mengetahui tahap penggunaan internet dalam pembelajaran Qiraat terhadap pelajar tahun akhir diploma tahnfiz Darul Quran syu'bah Qiraat. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti Jadual 8 berikut:

Jadual 8: Tahap penggunaan internet dalam pembelajaran Qiraat terhadap pelajar tahun akhir diploma tahniah Darul Quran syu'bah Qiraat

Bil.	Item	Kekerapan/Peratus					Min	Sp	Interprestasi
		STS	TS	KS	S	SS			
		1	2	3	4	5			
1	Penggunaan internet membantu saya dalam pembelajaran ilmu Qiraat	0 0%	0 0%	11 18.6%	31 52.5%	17 28.8%	4.10	0.687	Tinggi
2	Penggunaan internet memberi kesan yang baik dalam pembelajaran saya	0 0%	1 1.7%	7 11.9%	31 52.5%	20 33.9%	4.19	0.706	Tinggi
3	Penggunaan internet memberi kemudahan kepada saya untuk memahami ilmu Qiraat	0 0%	2 3.4%	10 16.9%	24 40.7%	23 39%	4.15	0.827	Tinggi
4	Bermanfaat untuk mencari dan mengumpul maklumat dalam masa yang singkat	0 0%	1 1.7%	7 11.9%	22 37.3%	29 49.2%	4.34	0.757	Tinggi
5	Penggunaan internet memberi kesan yang buruk kepada saya	28 47.5%	10 16.9%	9 15.3%	7 11.9%	5 8.5%	2.17	1.367	Rendah
6	Tidak banyak maklumat dalam penggunaan internet	27 45.8%	14 23.7%	9 15.3%	6 10.2%	3 5.1%	2.05	1.224	Sangat Rendah
7	Maklumat yang didapati dalam internet tidak semestinya tepat	15 25.4%	11 18.6%	14 23.7%	10 16.9%	9 15.3%	2.78	1.403	Sederhana

8	Saya menggunakan internet untuk meningkatkan keupayaan saya untuk belajar berfikir	0 0%	3 5.1%	8 13.6%	34 57.6%	14 23.7%	4.00	0.766	Tinggi
9	Penggunaan internet adalah salah satu bahan pembelajaran yang menarik dalam kelas	0 0%	2 3.4%	6 10.2%	33 55.9%	18 30.5%	4.14	0.730	Tinggi
10	Penggunaan internet memberi semangat kepada saya untuk belajar	0 0%	1 1.7%	12 20.3%	30 50.8%	16 27.1%	4.03	0.742	Tinggi
11	Saya tidak rasa terbeban dalam mencari maklumat pembelajaran melalui internet	0 0%	0 0%	8 13.6%	24 40.7%	27 45.8%	4.32	0.706	Tinggi
12	Saya menggunakan internet bukan untuk tujuan yang utama tetapi sebagai rujukan semata-mata	2 3.4%	1 1.7%	6 10.2%	15 25.4%	35 59.3%	4.36	0.978	Tinggi

JUMLAH KESELURUHAN MIN

3.72

Sumber: Soal Selidik 2023

Jadual 8 menunjukkan bahawa majoriti item dalam tahap penggunaan internet dalam pembelajaran Qiraat terhadap pelajar tahun akhir diploma tahniz Darul Quran syu'bah Qiraat pada tahap sederhana ($\text{min} = 3.72$). Item yang mempunyai min yang paling tinggi adalah item ke 12 iaitu saya menggunakan internet bukan untuk tujuan yang utama tetapi sebagai rujukan semata-mata ($\text{min} = 4.36$) yang berada pada tahap tinggi. Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan 2 orang (3.4%) pelajar menyatakan sangat tidak setuju dan seorang sahaja (1.7%) yang menyatakan tidak setuju, seramai 6 orang (10.2%) pelajar yang menyatakan kurang setuju, seramai 15 orang (25.4%) pelajar yang menyatakan setuju dan seramai 35 orang (59.3%) pelajar yang menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa faktor terbesar tahap penggunaan internet dalam pembelajaran Qiraat terhadap pelajar tahun akhir diploma tahniz Darul Quran syu'bah Qiraat adalah saya menggunakan internet bukan untuk tujuan yang utama tetapi sebagai rujukan semata-mata ($\text{min} = 4.36$).

Item yang mempunyai min kedua tertinggi ialah item ke empat iaitu bermanfaat untuk mencari dan mengumpul maklumat dalam masa yang singkat ($\text{min} = 4.34$) yang berada pada tahap tinggi. Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan 0% yang menyatakan sangat tidak setuju, hanya seorang (0.7%) sahaja yang menyatakan tidak setuju, seramai 7 orang (11.9%) pelajar yang menyatakan kurang setuju, seramai 22 orang (37.3%) pelajar yang menyatakan setuju dan seramai 29 orang (49.2%) pelajar yang menyatakan sangat setuju.

Item yang mempunyai min ketiga tertinggi ialah item ke 11 iaitu Saya tidak rasa terbeban dalam mencari maklumat pembelajaran melalui internet (min = 4.32). Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan 0% yang menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju, seramai 8 orang (13.6%) pelajar yang menyatakan kurang setuju, seramai 24 orang (40.7%) pelajar yang menyatakan setuju, seramai 27 orang (45.8%) pelajar menyatakan sangat setuju.

Perbincangan

Perbincangan dan rumusan ini merangkumi keseluruhan soalan yang telah dikemukakan mengikut objektif kajian yang telah dinyatakan.

Tahap Kemahiran Pelajar Tahun Akhir Diploma Tahfiz Darul Quran Terhadap Penggunaan Internet

Berdasarkan dapatan kajian, pelajar tahu akhir diploma tahfiz Darul Quran syu'bah Qiraat secara keseluruhannya mampu menggunakan internet untuk membuat rujukan. Ini dibuktikan melalui nilai min pada bahagian B berada di tahap yang tinggi iaitu sebanyak 4.15. Nilai min tertinggi pada bahagian ini adalah 4.47 pada item 10. Ini menunjukkan bahawa pelajar diploma tahfiz mampu menggunakan internet untuk membuat rujukan. Internet adalah bahan yang diperlukan pada masa ini selain dari buku-buku di perpustakaan. Internet juga mampu untuk memberi kemudahan kepada pelajar dalam mencari segala maklumat yang ingin dicari.

Dapatan kajian ini telah disokong oleh Sohail Aslam¹, Maqsood Ahmad² (2021) yang menjelaskan bahawa teknologi aplikasi Internet memberikan kesan kepada kredibiliti maklumat. Ini kerana ia dapat digunakan oleh pelajar untuk membuat rujukan. Selain itu, rujukan yang ada pada internet selalunya benar. Kita tidak nafikan terdapat juga yang tidak benar tetapi kebanyakkannya adalah benar (Nasution 2011). Maka dengan itu, internet adalah jalan yang terbaik untuk pelajar gunakan mencari maklumat atau rujukan.

Jenis-Jenis Aplikasi Dan Laman Web Yang Digunakan Oleh Pelajar Tahun Akhir Diploma Tahfiz Darul Quran

Berdasarkan dapatan kajian, pelajar tahun akhir diploma tahfiz Darul Quran syu'bah Qiraat secara keseluruhannya lebih cenderung memilih aplikasi Facebook untuk dijadikan rujukan dalam mencari maklumat tentang ilmu Qiraat. Ini dibuktikan melalui nilai kekerapan dan peratusan yang paling tinggi adalah aplikasi Facebook 49 (83.1%). Ini menunjukkan bahawa pelajar tahun akhir diploma tahfiz Darul Quran syu'bah Qiraat memilih aplikasi Facebook. Kalau kita lihat, aplikasi Facebook ini memang mudah untuk mendapatkan maklumat, dan ramai juga yang suka berkongsi tentang ilmu Qiraat di dalam aplikasi Facebook. Facebook juga antara aplikasi yang menjadi tumpuan pada masa kini.

Tahap Penggunaan Internet Dalam Pembelajaran Qiraat Terhadap Pelajar Tahun Akhir Diploma Tahfiz Darul Quran Syu'bah Qiraat

Berdasarkan dapatan kajian, pelajar tahu akhir diploma tahfiz Darul Quran syu'bah Qiraat secara keseluruhannya menggunakan internet bukan untuk tujuan yang utama tetapi sebagai rujukan semata-semata. Ini dibuktikan melalui nilai min pada bahagian D berada di tahap yang sederhana iaitu sebanyak 3.72. Nilai min tertinggi pada bahagian ini adalah 4.36 pada item 12. Ini menunjukkan bahawa pelajar diploma tahfiz menggunakan internet bukan untuk tujuan yang utama tetapi sebagai rujukan semata-semata. Benar sekali, pelajar menggunakan internet bukanlah tujuan yang utama, tetapi hanyalah sebagai rujukan semata-semata. Kerana tujuan yang utama

hanyalah berlandaskan al-Quran dan al-Hadith, itulah rujukan yang utama yang tiada keraguan darinya. Jika ingin mencari rujukan untuk meningkatkan pengetahuan, internet adalah jalan yang tepat kita gunakan.

Kesimpulan

Hasil daripada analisis dan perbincangan yang telah dijalankan, maka dapatlah disimpulkan bahawa pelajar lebih memilih belajar secara dalam talian berbanding bersemuka. Hal ini kerana pembelajaran dalam talian lebih menjimatkan masa. Mencari maklumat juga menjadi lebih mudah, menjimatkan masa dan tenaga serta tidak perlu bersusah payah dengan pergi ke perpustakaan untuk mencari maklumat. Seterusnya, ia juga lebih interaktif kerana banyak aplikasi dan sumber-sumber yang boleh meningkatkan mood untuk belajar. Pembelajaran dalam talian juga membolehkan pelajar untuk menjimatkan kos tanpa perlu bersusah payah menaiki pengangkutan. Cadangan-cadangan kepada pihak berkepentingan seperti pihak kerajaan, institusi pengajian, ibu bapa dan para pelajar itu sendiri sedikit sebanyak dapat meningkatkan lagi hasil-hasil carian yang lebih berkualiti kepada para pelajar. Kajian ini diharapkan dapat memberi kebaikan atau kelebihan kepada pelajar diploma tafsir Darul Quran mengenai tahap penggunaan internet dalam pembelajaran Qiraat. Kajian ini juga berpotensi untuk menaikkan taraf tahap penggunaan pelajar diploma tafsir Darul Quran dalam penggunaan internet.

Rujukan

- A'tarahim, Mohammad. 2016. "Qira'at Mutawatir Dan Kesannya Terhadap Hukum Fiqih." : 1–430.
- Azhar Ahmad. 2006. Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak. Tesis Dr. Falsafah. Bangi: UKM.
- Azmil Hashim, and Ab.Halim Tamuri. 2012. "Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz Al-Quran Di Malaysia." Journal of Islamic and Arabic Education 4(2): 1–10.
- Chua, Yan Piaw. 2011. 1 McGraw Hill (Malaysia) Sdn Bhd Kajian Penyelidikan.
- Creswell, John W. 2012. Educational Research. Fourth Edi. ed. Paul A. Smith. Boston: Pearson Education.
- Halim, I Abd, A Muhammad, I Adnan, and ... 2022. "Perbezaan Etimologi Dalam Qiraat Al-Quran Dan Kesannya Kepada Pentafsiran: Kajian Terhadap Perkataan Fa'azallahumā." RABBANICA-Journal ... 3(1): 73–88. <http://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/217%0Ahttp://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/download/217/173>.
- Ishak, Noor Syazwani, Yazilmiwati Yaacob, Muhamad Safwan, and A Mohd. 2022. 1 Seminar Mata Pelajaran Umum Peringkat Kebangsaan 2021 SIRI 1.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2012. "Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatitif." Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 (December). http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf.
- Konting, Mohd Majid. 1990. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, Robert V, and Daryle W Morgan. 1970. "Determining Sample Size for Research Activities." Educational and Psychological Measurement 38: 607–10.
- Nasution, M K M. 2011. "Web: Teknologi Yang Mengubah Aliran Informasi." Renungan (August 2011). https://www.researchgate.net/profile/Mahyuddin-Nasution/publication/327052440_Web_Teknologi_yang_mengubah_aliran_informasi_li_nks/5b7556d6a6fdcc87df809ddd/Web-Teknologi-yang-mengubah-aliran-informasi.pdf.

- Norasmah Othman. 2002. Keberkesanan Program Usahawan Muda di Sekolah Menengah. Tesis Ph.D Universiti Putra Malaysia.
- Nurkholis, Irfan. 2022. "Analisis Kelebihan Dan Kekurangan Dalam Pembelajaran Daring Di SDN Pesanggrahan 01 Kota Batu Malang." PTK: Jurnal Tindakan Kelas 2(2): 143–48.
- Purba, Fatimah. 2016. "Pendekatan Dalam Studi Al-Quran: Studi Tentang Metode Dan Pendekatan Al-Quran." Jurnal As-Salam 1(2): 27–38.
- Rahayu, Ahamad Bahtiar et al. 2020. "Peranan Dan Cabaran Pemimpin Pendidikan Dalam Memastikan Matlamat Dan Agenda Pendidikan Dilestari Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19." Institut Aminuddin Baki: Kementerian Pendidikan Malaysia 2(1): 1–23.
- Rahim, Mohd Zaini Shafai dan Mohamad Marzuqi Abdul. 2021. "Perbezaan Pandangan Terhadap Maksud Sab'atul Ahruf Dan Khilaf Bacaan Ilmu Qiraat." Journal of Islamic and Humanities Research 1(4): 104–12.
- Sohail Aslam¹, Maqsood Ahmad², Hafiz Fawad Ali³ and Sarmad Ejaz⁴. 2021. "Perpustakaan Pemangkin Peradaban." 7(2): 1–18. http://www.joi.isoss.net/PDFs/Vol-7-no-2-2021/03_J_ISOSS_7_2.pdf.
- Sondakh, Daniel. 2022. Unsrat Press Metodologi Penelitian Kuantitatif (Pertama). Unsrat Press.
- Zainora, Daud, A. Adi Muhammad Fairuz, and Abdullah Mustaffa. 2012. "Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Pengajian Qiraat Di Jabatan Al-Quran Dan Al-Qiraat, Kuis: Satu Tinjauan Awal." International Conference on Research in Islamic and Araic Language Education 2012 (ICRIALE 2012) (May): 473–86.
- Zakaria, Rohana & Mohd Izhar Daud. 2021. "Tahap Penguasaan Ilmu Qiraat Di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong: The Level of Mastery of Qiraat Knowledge in Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong." QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan isi-isu kontemporari 4(2): 51–63.

BAB 5

KHILAF QIRAAT DALAM SURAH AL-MULK DAN HUBUNGANNYA DENGAN *SAB'AH AHRUF*

Nik Mohd Nabil Ibrahim @ Nik Hanafi¹, Wan Hakimin Wan Mohd Nor¹, Ahmad Syahir Ahamed Nzly¹ & 'Uqbah Amer¹

¹Universiti Islam Selangor (UIS)

Pendahuluan

Kepelbagaiannya cara bacaan antara imam-imam dan perawi-perawi qiraat mempunyai hubungan yang begitu hampir dengan penurunan al-Quran daripada Allah S.W.T. dengan tujuh huruf. Para ulama telah berselisih pendapat sama ada semua qiraat tersebut ada mempunyai tujuh huruf, ataupun setiap qiraat itu mempunyai satu atau sebahagian dari tujuh huruf tersebut sahaja.

Sebahagian ulama menyatakan bahawa setiap qiraat itu ada mempunyai satu huruf sahaja dari tujuh huruf tersebut, iaitu huruf Quraish (lahjah). Pendapat ini dipersejuaui oleh Ibn al-Tin dan al-Harith al-Muhasabi (w. 243H). Mereka berdalilkan kepada kata-kata sayyidina Uthman r.a. kepada tiga orang Quraish yang dilantik sebagai penulis mashaf pada zamannya. Kata sayyidina Uthman r.a.: “Apabila kamu berselisih pendapat dengan Zaid bin Thabit, maka tulislah berdasarkan kepada lajhah Quraish, kerana al-Quran diturunkan dengan lajhah Quraish” (Muhammad Salim Muhsin, 1989).

Walau bagaimanapun jumhur ulama menyatakan bahawa semua qiraat itu masing-masing mempunyai tujuh huruf (Muhammad Salim Muhsin, 1989). Dengan erti kata yang lain, riwayat Qalun ada mempunyai tujuh huruf, Warsh ada mempunyai tujuh huruf, dan begitulah seterusnya pada riwayat-riwayat yang lain. Namun begitu, setelah diteliti secara mendalam, dengan mengambil kira perselisihan para qurra’ yang berlaku dalam setiap surah dan keseluruhan al-Quran, penulis berpandangan bahawa pendapat kedua yang mengatakan bahawa semua qiraat itu masing-masing ada mempunyai tujuh huruf, adalah pendapat yang lebih tepat dan betul. Pendapat ini bertepatan dengan maksud tujuh huruf berdasarkan pandangan kebanyakan ulama. Adapun pandangan yang berdalilkan kata-kata sayyidina Uthman r.a. itu tidak tepat, kerana maksud sayyidina Uthman r.a. ialah kebanyakan kalimah al-Quran itu diturunkan dalam lajhah Quraish, atau penurunan al-Quran pada peringkat permulaannya adalah dalam lajhah Quraish (Muhammad Salim Muhsin, 1989).

Hadis Mengenai *Sab'ah Ahruf*

Penurunan al-Quran dengan *Sab'ah Ahruf* (Tujuh Huruf), merupakan antara sebesar-besarnya dalil yang menunjukkan keagungan Allah S.W.T., dan ia juga memberikan satu *rukhsah* (keringanan) yang khusus kepada umat Arab pada ketika itu. Antara kekurangan yang terdapat dalam kalangan mereka ialah sebahagian mereka tidak dapat menuturkan sebahagian lajhah yang lain. Justeru itu, sekiranya al-Quran diturunkan dengan satu lajhah (satu huruf) sahaja, sudah pasti ramai dalam kalangan mereka tidak akan mampu membaca al-Quran.

Terdapat banyak hadis yang menerangkan bahawa al-Quran itu diturunkan dengan tujuh huruf. Antara hadis sahih yang menjelaskan kenyataan ini ialah:

Hadis pertama:

عن أبي بن كعب أن النبي صلى الله عليه وسلم كان عند أضمة بني غفار قال: فأتأه جبريل عليه السلام قال: إن الله يأمرك أن تقرأ أمتك القرآن على حرف فقال (أسأل الله معافاته ومغفرته، وأن أمري لا تطبق ذلك) ثم أتأه الثانية فقال: إن الله يأمرك أن تقرأ أمتك القرآن على حرفين فقال (أسأل الله معافاته ومغفرته، وأن أمري لا تطبق ذلك) ثم جاءه الثالثة فقال: إن الله يأمرك أن تقرأ أمتك القرآن على ثلاثة أحرف فقال (أسأل الله معافاته ومغفرته، وأن أمري لا تطبق ذلك) ثم جاءه الرابعة فقال: إن الله يأمرك أن تقرأ أمتك القرآن على سبعة أحرف، فأيما حرف قرعوا عليه أصابوا

(Muslim, Sahih Muslim, *Kitab Solat al-Musafirin, Bab Bayan ‘an al-Quran Unzil ‘ala Sab’ah Ahruf*, no hadis 2179)

Maksudnya:

“Dari Ubai bin Ka’ab, ketika Nabi S.A.W. sedang berada di takungan air kepunyaan Bani Ghaffar, baginda telah didatangi oleh Malaikat Jibril dan berkata: Sesungguhnya Allah S.W.T. menyuruh kamu membacakan al-Quran kepada umat kamu dengan satu huruf, maka Nabi S.A.W. menjawab: Aku mohon keampunan dan kemaafan kepada Allah S.W.T. kerana umatku tidak mampu membaca dengan satu huruf itu. Kemudian Jibril datang kali kedua dan berkata: Sesungguhnya Allah S.W.T. menyuruh kamu membacakan al-Quran kepada umat kamu dengan dua huruf, maka Nabi S.A.W. menjawab: Aku mohon keampunan dan kemaafan kepada Allah S.W.T. kerana umatku tidak mampu membaca dengan dua huruf itu. Kemudian Jibril datang kali ketiga dan berkata: Sesungguhnya Allah S.W.T. menyuruh kamu membacakan al-Quran kepada umat kamu dengan tiga huruf, maka Nabi S.A.W. menjawab: Aku mohon keampunan dan kemaafan kepada Allah S.W.T. kerana umatku tidak mampu membaca dengan tiga huruf itu. Kemudian Jibril datang kali keempat dan berkata: Sesungguhnya Allah S.W.T. menyuruh kamu membacakan al-Quran kepada umat kamu dengan tujuh huruf, maka mana-mana huruf pun yang kamu baca semuanya betul.”

Hadis kedua:

أقرأني جبريل على حرف فراجعته فلم أزل أستزیده ويزیدني حتى انتهى إلى سبعة أحرف

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari, Kitab Fadhai al-Quran, Bab Anzal al-Quran ‘ala Sab’ah Ahruf*, no hadis 4991)

Maksudnya:

“Jibril a.s. telah membacakan al-Quran kepadaku dengan satu huruf, maka aku sentiasa mengulangi huruf tersebut. Tetapi aku juga sentiasa meminta supaya Jibril a.s. menambah huruf tersebut. Akhirnya ia menambahkan huruf tersebut kepadaku sehingga selesai tujuh huruf (Sab’ah Ahruf).”

Perbezaan Pandangan Ulama Mengenai *Sab’ah Ahruf*

Terdapat banyak pandangan ulama mengenai maksud tujuh huruf sebagaimana yang dinyatakan dalam beberapa hadis yang lalu. Al-Suyuti menyatakan bahawa perbezaan ulama mengenai maksud tujuh huruf mencecah kepada lebih 40 pandangan (Jalal al-Din Abd Rahman al-Suyuti, 1987). Terdapat dua pandangan iaitu pandangan yang dikemukakan oleh Imam Fakhr al-Din al-Razi dan

Imam Ibn al-Jazari, merupakan antara pandangan yang menarik untuk dibincangkan memandangkan kerana banyak aspek perbahasannya dilihat begitu hampir dengan perselisihan yang berlaku dalam qiraat. Imam Fakhr al-Din al-Razi berpandangan, yang dimaksudkan dengan tujuh huruf adalah tujuh wajah yang berubah-ubah yang terjadi pada perselisihan qiraat (Muhammad Salim Muhaisin, 1989). Tujuh wajah tersebut ialah:

- i) Perselisihan pada *Isim* (nama), sama ada ia dibaca secara *mufrad* atau *jama'*. Contohnya , والذين هم لأمتهنهم , sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam surah al-Mukminun ayat 8: terdapat qiraat yang membaca dengan *mufrad* dan terdapat juga yang membacanya dengan *jama'*.
- ii) Perselisihan pada *wajah i'rab*. Contohnya sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah ayat 37: ، فتلقى ءادم من ربه كلامت ، terdapat qiraat yang membaca *dhammah* pada kalimah ءادم و *kasratain* pada kalimah كلامت ، dan terdapat juga yang membaca dengan *fathah* pada ءادم و *dhammatain* pada كلامت .
- iii) Perselisihan pada *wajah tasrif*. Contohnya pada firman Allah S.W.T. dalam surah Saba' ayat 19: ، رَبَّنَا بَعْدَ ، terdapat qiraat yang membaca dengan *fathah Ba'* رَبَّنَا و tanpa Alif selepas Ba', *kasrah* و *tasydid* pada 'Ain بَعْدُ ، ada qiraat yang membaca dengan *dhammah Ba'* رَبَّنَا ، dengan Alif selepas Ba' و *fathah* pada 'Ain بَعْدُ ، dan ada juga qiraat yang membaca dengan *fathah Ba'* رَبَّنَا ، dengan Alif selepas Ba' و *kasrah* pada 'Ain بَعْدُ .
- iv) Perselisihan pada mendahulukan atau mengkemudiankan (*al-Taqdim wa al-Ta'khir*). Ia boleh berlaku sama ada pada kalimah atau huruf. Contohnya kalimah استيئسوا dalam surah Yusuf ayat 80, Imam al-Bazzi membaca dengan menaqdimkan huruf Hamzah و menta'khirkan huruf Ya' pada salah satu qiraatnya (استيئسوا)، sementara para imam qiraat yang lain membaca dengan menaqdimkan Ya' و menta'khirkan huruf Hamzah (استيئسوا).
- v) Perselisihan pada penukaran huruf (*ibdal*). Contohnya seperti kalimah ننشرها di dalam surah al-Baqarah ayat 259. Imam Ibn 'Amir dan *Kufiyun* membaca dengan huruf Zai، sementara *qurra'* lain membaca dengan huruf Ra' .
- vi) Perselisihan sama ada menambah atau mengurang (*al-Ziyadah* atau *al-Nugsan*). Contohnya pada firman Allah S.W.T. di dalam surah al-Taubah ayat 100: جنت تجري تحتها الآخر ، Imam Ibn Kathir membaca dengan menambahkan huruf ، manakala para *qurra'* lain membaca dengan mengurangkan atau membuang kalimah tersebut.
- vii) Perselisihan pada *lahjat*, sama ada pada *tafkhim* atau *tarqiq* seperti pada kalimah الصلوة ، *fathah* atau *imalah* seperti pada kalimah والضحي ، *izhar* atau *idgham* seperti pada kalimah فيه هدى و sebagainya.

Pandangan Imam Fakhr al-Din al-Razi ini turut dipersetujui oleh ramai dalam kalangan ulama salaf dan khalaf. Antaranya ialah Ibn Qutaibah, al-Qadhi Abu al-Tayyib, al-Syeikh Muhammad Bakhit al-Muti'i, al-Syeikh Muhammad Abd al-Azim al-Zarqani dan ramai lagi yang lain. Sekiranya diperhatikan secara mendalam, sememangnya didapati bahawa pandangan ini sangat bertepatan dengan perselisihan qiraat dalam kalangan *qurra'* yang terdapat pada semua surah dalam al-Quran.

Manakala Imam Ibn al-Jazari pula berpandangan, maksud tujuh huruf itu ialah tujuh wajah perselisihan yang terjadi iaitu:

- i) Perselisihan pada *harakat* (baris) tanpa perubahan pada makna dan surah (bentuk tulisan). Contohnya seperti أَيْحُسْبٌ , Imam Ibn 'Amir, 'Asim, Hamzah dan Abu Ja'far membaca dengan *fathah* Sin, sementara *qurra'* lain membaca dengan *kasrah* Sin (Abd al-Fattah al-Qadi, 1981).
- ii) Perselisihan pada makna tanpa berbeza pada huruf dan surah (bentuk tulisan). Contohnya seperti firman Allah S.W.T. di dalam surah al-Baqarah ayat 37: فَلَقَىٰ إِدْمَ مِنْ رِبِّهِ كَلْمَتَ , Imam Ibn Kathir membaca dengan *fathah* pada إِدْمَ dan *dhammatain* pada كَلْمَتَ , manakala *qurra'* lain membaca dengan *dhammah* pada إِدْمَ dan *kasratain* pada كَلْمَتَ (Jamal al-Din Muhammad Syaraf, 2004).
- iii) Perselisihan pada huruf dan makna, tanpa berubah *surah* (bentuk tulisan). Contohnya Imam Hamzah, al-Kisaie dan Khalaf al-'Asyir membaca dengan dua huruf Ta' bersebelahan pada kalimah تَتَلَوَ , sementara para *qurra'* lain membaca dengan Ta' dan huruf Ba' selepasnya (تَبَلُو).
- iv) Perselisihan pada huruf dan *surah* (bentuk tulisan), tanpa berubah makna. Contohnya seperti الْصَّرْطَ , Imam Qunbul dan Ruwais membaca dengan huruf Sin, Imam Khalaf 'an Hamzah membaca dengan Zai yang diisytirahatkan, sementara para *qurra'* lain membaca dengan huruf Sad (Jamal al-Din Muhammad Syaraf, 2004).
- v) Perselisihan pada huruf, *surah* (bentuk tulisan) dan makna. Contohnya seperti يَأْتِلُ , Imam Abu Ja'far membaca dengan يَتَأْلُ , dan para *qurra'* lain membaca dengan يَأْتَلُ .
- vi) Perselisihan pada mendahului atau mengkemudiankan (*al-Taqdim wa al-Ta'khir*). Contohnya seperti وَقَاتَلُوا وَقَتَلُوا , Imam Hamzah, al-Kisaie dan Khalaf al-'Asyir membaca dengan menaqdimkan *maf'ul bib* dan menta'khirkan *fa'il*, sementara *qurra'* lain membaca dengan sebaliknya.
- vii) Perselisihan sama ada menambah atau mengurang (*al-Ziyadah atau al-Nuqsan*). Contohnya pada firman Allah S.W.T. di dalam surah al-Taubah ayat 100: جَنَتٌ بَخْرٍ تَحْتَهَا الْأَنْهَرُ , Imam Ibn Kathir membaca dengan menambahkan huruf من , manakala para *qurra'* lain membaca dengan mengurangkan atau membuang kalimah tersebut.

Penulis berpandangan bahawa antara dua pendapat tersebut, pendapat yang dikemukakan oleh Imam Fakhr al-Din al-Razi adalah lebih menyeluruh, manakala pendapat Imam Ibn al-Jazari terdapat sedikit kekurangan kerana beliau tidak memasukkan aspek *lahjah* dalam salah satu dari tujuh huruf tersebut. Sedangkan aspek *lahjah* merupakan aspek yang paling banyak berlakunya *khilaf* dalam kalangan para *qurra'*.

Khilaf Qiraat Dalam Al-Quran

Terdapat pelbagai bentuk khilaf bacaan antara para *qurra'*. Namun para ulama membahagikan khilaf tersebut kepada dua bahagian iaitu *Usul Qiraat* dan *Farsh al-Huruf*. *Usul Qiraat* adalah *khilaf* yang terjadi pada hukum-hukum yang berlawanan dalam al-Quran disebabkan kaedah-kaedah atau hukum-hukum yang tertentu (Sayyid Lasyin Abu al-Farh & Khalid Bin Muhammad al-Hafiz, 2003). Dengan erti kata lain, *khilaf* yang terjadi pada semua kalimah al-Quran berdasarkan hukum-hukumnya yang tertentu. Termasuk dalam bahagian ini ialah hukum-hukum seperti Mad Munfasil, Mad Muttasil, *Idgham*, *Naqal*, *Ibdal*, *Imalah*, *Tarqiq Ra'*, *Saktab* dan lain-lain lagi. Contohnya kalimah جاء , hukumnya adalah Mad Muttasil (huruf Mad bertemu Hamzah dalam satu kalimah). Sekiranya bertemu dengan kalimah-kalimah yang seumpamanya di mana-mana tempat dalam al-Quran, contohnya أولئك ، maka cara bacaan akan sama sahaja bagi para *qurra'* iaitu *isyba'* (6 harakat) untuk Imam Warsh dan Hamzah, manakala *qurra'* lain membaca dengan *tawassut* (4 harakat).

Farsh al-Huruf pula adalah *khilaf* yang terjadi pada kalimah-kalimah tertentu sahaja dalam al-Quran (Sayyid Lasyin Abu al-Farh & Khalid Bin Muhammad al-Hafiz, 2003). Dengan erti kata yang lain, sesuatu kalimah yang serupa akan dibaca dengan qiraat yang berbeza pada satu tempat dan qiraat yang lain pula pada tempat yang lain. Contohnya kalimah ملک ، dalam surah al-Fatihah ada *khilaf* bacaan pada kalimah tersebut iaitu Imam ‘Asim, al-Kisaie, Ya’qub dan Khalaf al-‘Asyir membaca dengan *ithbat* Alif, sementara *qurra'* lain membaca dengan *hazaf* Alif. Namun kalimah yang sama dalam surah al-Nas tiada *khilaf* bacaan dalam kalangan *qurra'*.

Dari sudut *Sab’ah Ahruf* pula, sekiranya khilaf itu berlaku pada *Farsh al-Huruf*, maka terdapat berbagai-bagai huruf yang boleh dikategorikan padanya. Akan tetapi sekiranya khilaf itu berlaku pada *Usul Qiraat*, kebiasaannya *Sab’ah Ahruf* yang berkaitan hanyalah melibatkan *lahjab* sahaja. Contohnya *khilaf* bacaan yang melibatkan *imalah*, *taqlil*, *naqal*, *ibdal*, *tarqiq* dan *tafkhim*, *isymam* dan sebagainya, hanyalah disebabkan *lahjab* yang berbeza dalam kalangan orang-orang arab.

*Sab’ah Ahruf*Dalam Surah Al-Mulk

Terdapat lebih kurang 106 kalimah dalam surah al-Mulk yang menjadi perselisihan dalam kalangan *Qurra'* ‘Asharah. Berikut dinyatakan kalimah-kalimah tersebut, cara bacaannya dengan dinisbahkan kepada *qurra'* berkaitan (mengikut ‘Asharah Sughra) dan klasifikasinya dari *Sab’ah Ahruf* yang dibincangkan (Jamal al-Din Muhammad Syaraf, 2004).

Bil.	Kalimah	Cara Bacaan	Nama <i>Qurra'</i>	Tujuh Huruf
1	وهو على، وهو العزيز، وهو حسير، وهي تفور، وهو اللطيف	<i>Iskan Ha'</i> <i>Dhamm al-Ha'</i>	Qalun, Abu ‘Amr, al-Kisaie & Abu Ja’far Baki <i>Qurra'</i>	<i>Lahjab</i>
2	شيء قدير، شيء إن، شيء بصير	<i>Tawassut & isyba'</i> <i>Lin</i>	Warsh	<i>Lahjab</i>

		<i>Saktah</i> <i>Qasr Lin</i>	Hamzah Khallas & baki <i>Qurra'</i>	
3	لبلوكم أيكم، أيكم أحسن، أنتم إلا، قولكم أو، يرزقكم إن، أروع يتم (إن، ٢٨، ٣٠)	<i>Silah Mim Jama'</i> <i>Saktah</i> <i>Sukun Mim Jama'</i>	Nafi', Ibn Kathir & Abu Ja'far Khalaf Qalun, Khalaf & baki <i>Qurra'</i>	 <i>Lahjab</i>
4	عملا وهو، خاسئا وهو، شهيقا وهي، مغفرة وأجر، أن يخسف، أن يرسل، صفت ويقبضن، عتو ونفور، أ فمن يمشي، أمن يمشي، فمن يجبر، فمن يأتيكم	Tanpa dengung Dengung	Khalaf Baki <i>Qurra'</i>	 <i>Lahjab</i>
5	ما ترى، هل ترى	<i>Taqlil</i> <i>Imalah</i> <i>Fathah</i>	Warsh Abu 'Amr, Hamzah, al-Kisaie & Khalaf al-'Ashir Baki <i>qurra'</i>	 <i>Lahjab</i>
6	تفوت	<i>Tashdid al-Waw</i> <i>ma'a al-Dhamm</i> <i>bila Alif</i> <i>Bi al-Alif baina</i> <i>al-Fa' wa al-Waw</i> <i>wa takhfif al-Waw</i>	Hamzah & al- Kisaie Baki <i>qurra'</i>	Wajah <i>tasrif</i>

7	هل ترى	<i>Idgham</i> <i>Izhar</i>	Abu 'Amr, Hisham, Hamzah & al-Kisaie Baki <i>qurra'</i>	<i>Lahjah</i>
8	ينقلب إليك، شيء إن أنتم، أم أمنتكم، يروا إلى، إن أمسك، قل أرعيتم (٣٠، ٢٨)، إن أهلكنـي، عذاب أليم، إن أصبح	<i>Naql</i> <i>Saktah</i> <i>Tabqiq</i>	Warsh Khalaf Khalaf & baki <i>Qurra'</i>	<i>Lahjah</i>
9	خاسـنا	<i>Ibdal</i> <i>Bi al-Hamzah</i>	Abu Ja'far Baki <i>Qurra'</i>	<i>Lahjah</i>
10	ولقد زينا	<i>Idgham</i> <i>Izhar</i>	Abu 'Amr, Ibn 'Amir, Hamzah, al-Kisaie & Khalaf al-'Ashir Ibn Zakwan & baki <i>Qurra'</i>	<i>Lahjah</i>
11	السماء (١٧، ١٦، ٥)، جاءـنا، سيـئت، مـاؤـكمـ، بـاءـ	<i>Tawassut</i> <i>Ishba'</i>	Baki <i>Qurra'</i> Warsh & Hamzah	<i>Lahjah</i>
12	الـدـنيـا	<i>Taqlil</i> <i>Imalah</i> <i>Fathab</i>	Warsh & Abu 'Amr Hamzah, al-Kisaie & Khalaf al-'Ashir Warsh & baki <i>Qurra'</i>	<i>Lahjah</i>

13	لهم، برهم، سألهُمْ، يأتكم، بذنبِهم، رَبِّهم، لهم مغفرة، أَمْنَتْمُ، أَمْنَتْمُ، عَلَيْكُمْ، قَبْلَهُمْ، فَوْقَهُمْ، جَنْدُكُمْ، يَنْصُرُكُمْ، أَنْشَأْكُمْ، ذَرْأَكُمْ، كَنْتُمْ (٢٥، ٢٦)، مَا وَرَكُمْ، يَأْتِيكُمْ	<i>Silah Mim Jama'</i> <i>Sukun mim</i>	Qalun, Ibn Kathir & Abu Jaafar Qalun & baki <i>Qurra'</i>	<i>Lahjab</i>
14	وبَعْسُ، يَأْتِكُمْ، يَأْتِيكُمْ	<i>Ibdal</i> <i>Bi al-Hamzah</i>	Warsh, al-Susi, Hamzah (<i>wagħi</i>) & Abu Ja'far Hamzah (<i>wasl</i>) & baki <i>Qurra'</i>	<i>Lahjab</i>
15	إِذَا أَلْقَوَا، كَلِمًا أَلْقَى، خَزِنَتْهَا أَلْمَ، فِي أَصْحَابٍ، بِهِ إِنَّهُ، وَجْهَهُ أَهْدَى أَمْنٌ، الَّذِي أَنْشَأْكُمْ، وَإِنَّا أَنَا	<i>Qasr</i> <i>Tawassut</i> <i>Ishba'</i>	Qalun, Ibn Kathir, Abu 'Amr, Abu Ja'far & Ya'qub Qalun, al-Duri, Ibn 'Amir, 'Asim, al-Kisaie & Khalaf al-'Ashir Warsh & Hamzah	<i>Lahjab</i>
16	تَكَادُ تَمِيزُ	<i>Tashdid al-Ta'</i> (<i>wasl</i>) <i>Takhfif</i>	Al-Bazzi Baki <i>Qurra'</i>	<i>Lahjab</i>
17	بَلِي، أَهْدَى، مَتَى	<i>Taqlil</i> <i>Imalah</i>	Warsh Hamzah, al-Kisaie & Khalaf al-'Ashir	<i>Lahjab</i>

		<i>Fathah</i>	Warsh & baki <i>Qurra'</i>	
18	قد جاءنا	<i>Idgham</i>	Abu 'Amr, Hisham, Hamzah, al-Kisaie & Khalaf a-'Ashir	<i>Lahjah</i>
		<i>Izhar</i>	Baki <i>Qurra'</i>	
19	جاءنا	<i>Imalah</i>	Ibn Zakwan, Hamzah & Khalaf al-'Ashir	<i>Lahjah</i>
		<i>Fathah</i>	Baki <i>Qurra'</i>	
20	نذير(٩٠٢٦)، مغفرة، وأسروا، الكفرون، بغير	<i>Tarqiq</i>	Warsh	<i>Lahjah</i>
		<i>Tasfkhim</i>	Baki <i>Qurra'</i>	
21	فسحقا	<i>Dham al-Ha'</i>	Al-Kisaie & Abu Ja'far	<i>Lahjah</i>
		<i>Iskan al-Ha'</i>	Baki <i>Qurra'</i>	
22	يعلم من، جعل لكم، يرزقكم، وجعل لكم	<i>Idgham</i>	Al-Susi	<i>Lahjah</i>
		<i>Izhar</i>	Baki <i>Qurra'</i>	
23	لهم الأرض، بكم الأرض، والأبصار، والأفئدة، في الأرض	<i>Naql</i>	Warsh & Hamzah(waqaf)	<i>Lahjah</i>
		<i>Saktah</i>	Hamzah	
		<i>Tabqiq</i>	Khallad & baki <i>qurra'</i>	
24	أَمْنَتْمُ	<i>Tashil al-Hamzah al-Thaniah ma'a al-Idkhol</i>	Qalun, Abu 'Amr, Hisham & Abu Ja'far	<i>Lahjah</i>

		<i>Tashil al-Hamzah al-Thaniah</i>	Warsh, Ibn Kathir & Ruwais	
		<i>Ibdal al-Hamzah al-Thaniah Alifan ma'a al-Qasr</i>	Warsh	
		<i>Al-Tabqiq ma'a al-Idkhol</i>	Hisham	
		<i>Tabqiq al- Hamzatain</i>	Baki <i>qurra'</i>	
25	السماء أَن (١٧، ١٦)	<i>Ibdal al-Hamzah al-Thaniah ya'a</i> <i>Tabqiq al- Hamzatain</i>	Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amr, Abu Ja'far & Ruwais Baki <i>qurra'</i>	<i>Lahjab</i>
26	نَذِيرٌ، نَكِيرٌ	<i>Ithbat al-Ya' waslan</i> <i>Ithbat al-Ya' waqfan</i> <i>Haṣf al-Ya' waslan wa waqfa</i>	Warsh & Ya'qub Ya'qub Baki <i>qurra'</i>	<i>Lahjab</i>
27	يَنْصُرُكُمْ	<i>Iskan al-Ra'</i> <i>Ikhtilas dhommatusha</i> <i>Itmam dhommatusha</i>	Abu 'Amr Al-Duri Baki <i>qurra'</i>	<i>Lahjab</i>

28	صرط	Huruf <i>al-Sin</i> <i>Isymam al-Shod zaaya</i> Huruf <i>al-Shod</i>	Qunbul & Ruwais Khalaf Baki <i>qurra'</i>	<i>Lahjab</i>
29	وإليه تحشرون، رأوه زلفة، وعليه توكلنا	<i>Silab al-Ha'</i> <i>Tanpa silab</i>	Ibn Kathir Baki <i>qurra'</i>	<i>Lahjab</i>
30	سيئت	<i>Isymam</i> <i>Al-Kasr</i>	Nafi', Ibn 'Amir, al-Kisaie, Abu Ja'far & Ruwais Baki <i>qurra'</i>	<i>Lahjab</i>
31	قيل	<i>Isymam</i> <i>Al-Kasr</i>	Hisyam, al-Kisaie & Ruwais Baki <i>qurra'</i>	<i>Lahjab</i>
32	تدعون	<i>Iskan al-Dal</i> <i>Fath al-Dal al-Musyaddadah</i>	Ya'qub Baki <i>qurra'</i>	<i>Wajah tasrif</i>
33	أرع يتم(٢٨، ٣٠)	<i>Tashil al-Hamzah al-Thaniah</i> <i>Ibdal al-Hamzah alifan ma'a al-Mad al-Musyabba'</i> <i>Haqf al-Hamzah</i> <i>Tabqiq</i>	Nafi' & Abu Ja'far Warsh Al-Kisaie Baki <i>qurra'</i>	<i>Lahjab</i>

34	أهلْكَنِي اللَّهُ	<i>Iskan al-Ya' waslan</i> <i>Fath al-Ya' waslan</i>	Hamzah Baki <i>qurra'</i>	<i>Lahjab</i>
35	معِي أَوْ	<i>Iskan al-Ya' waslan</i> <i>Fath al-Ya' waslan</i>	Syu'bah, Hamzah, al-Kisaie, Ya'qub & Khalaf al-'Asyir Baki <i>qurra'</i>	<i>Lahjab</i>
36	الْكُفَّارِينَ	<i>Taqlil</i> <i>Imalah</i> <i>Fathab</i>	Warsh Abu 'Amr, Duri al-Kisaie & Ruwais Baki <i>qurra'</i>	<i>Lahjab</i>
37	عَامِنَا	<i>Tathlith al-Badal</i> <i>Al-Qasr</i>	Warsh Baki <i>qurra'</i>	<i>Lahjab</i>
37	فَسْتَعْلَمُونَ	<i>Bi al-Ya'</i> <i>Bi al-Ta'</i>	Al-Kisaie Baki <i>qurra'</i>	<i>Wajah tasrif</i>

Rumusan

Daripada lebih kurang 126 kalimah yang diperselisihkan antara *qurra'* yang terdapat dalam surah al-Insan, hanya terdapat 37 bentuk perselisihan yang melibatkan kedua-dua aspek *Usul Qiraat* dan *Farsh al-Huruf*. Daripada perselisihan-perselisihan itu juga, hanya lapan sahaja perselisihan yang termasuk dalam aspek *Farsh al-Huruf*, sementara 29 perselisihan yang lain adalah daripada aspek *Usul Qiraat*. Daripada perselisihan-perselisihan ini, maka jelas menunjukkan bahawa perselisihan yang terdapat dalam surah ini kebanyakannya adalah berkaitan dengan *lahjab* sahaja, iaitu satu daripada tujuh pengertian tujuh huruf penurunan al-Quran yang telah dinyatakan dalam hadis-hadis yang lalu. Sementara itu, perselisihan yang lain adalah berkaitan jenis *wajah tasrif*. Ini bermakna dalam surah al-Insan hanya terdapat 2 huruf sahaja daripada jumlah Tujuh Huruf penurunan al-Quran jika dilihat dari sudut perselisihan qiraat.

Penutup

Sebagai kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa Tujuh Huruf penurunan al-Quran itu tidak semestinya berlaku pada setiap surah al-Quran. Semakin banyak perselisihan berlaku terutamanya yang melibatkan *Farsh al-Huruf*, mungkin banyaklah huruf yang terdapat padanya. Tetapi sekiranya ia hanya melibatkan aspek *Usul Qiraat* sahaja, maka sudah pastilah ia hanya berkaitan dengan satu huruf sahaja iaitu *lahjah*.

Begitulah perbahasan mengenai Tujuh Huruf penurunan al-Quran yang dikaitkan dengan surah-surah tertentu dalam al-Quran. Dapatkan kajian akan menunjukkan jumlah huruf yang terdapat dalam setiap surah. Daripada pemerhatian yang penulis lakukan, semua surah dalam al-Quran pasti akan mempunyai sekurang-kurangnya satu daripada Tujuh Huruf tersebut, walaupun surah tersebut surah yang pendek, seperti surah al-Kauthar, al-Ikhlas dan sebagainya. Kajian-kajian seumpama ini perlu dilakukan kepada semua surah al-Quran bagi mengetahui jumlah huruf yang terdapat pada setiap 114 surah al-Quran agar terzahirlah kemukjizatan al-Quran itu.

Rujukan

- Abd al-Fattah al-Qadhi (1981). *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qiraat al-Ayar al-Mutawatirah min Tariqai al-Syatibiyah wa al-Durrab*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Syeikh Muhammad Kuraim Rajih (1994). *Al-Qiraat al-Ayar al-Mutawatirah min Tariqai al-Syatibiyah wa al-Durrab fi Hamisy al-Quran al-Karim*. Cet. 3. Madinah al-Munawwarah: Dar al-Muhajir.
- Dr. Muhammad Salim Muhaisin (1988). *Al-Mughni fi Tanjih al-Qiraat al-Ayar al-Mutawatirah*. Cet. 2. Beirut: Dar al-Jalil & Kaherah: Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah.
- Jamal al-Din Muhammad Syaraf (2006). *Mushaf Dar al-Sahabah fi al-Qiraat al-Ayar al-Mutawatirah min Tariq al-Syatibiyah wa al-Durrab*. Cet. 2. Tanta: Dar al-Sahabah li al-Turath.
- Sayyid Lasyin Abu al-Farh, Dr. Khalid bin Muhammad al-Hafiz (2003). *Taqrib al-Ma'ani fi Syarb Hirz al-Amami fi al-Qiraat al-Sab'*. Cet. 5. Madinah al-Munawwarah: Dar al-Zaman.
- Dr. Sya'ban Muhammad Ismail (2004). *Al-Qiraat Ahkamuha wa Masdaruhu*. Cet. 3. Kaherah: Dar al-Salam.
- Dr. Sya'ban Muhammad Ismail (1978). *Ma' al-Quran al-Karim fi Tarikhah, Khasaisih, Ahkamih, Asrarih, Qiraatih, Adab Tilawatih, Nasikhah wa Mansukhah*. Kaherah: Dar al-Ittihad al-Arabi li al-Taba'ah.
- Dr. Abduh al-Rajihi (t.t). *Al-Lahjat al-Arabiyyah fi al-Qiraat al-Quraniyyah*. Iskandariah: Dar al-Ma'rifah al-Jam'iyyah.
- Manna' al-Qattan (1991). *Nuzul al-Quran 'ala Sab'ah Abruf*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Dr. Muhammad Salim Muhaisin (1989). *Fi Rihab al-Quran*. Beirut: Dar al-Jil.
- Badr al-Din al-Zarkasyi (t.t). *Al-Burhan fi Ulum al-Quran*. Kaherah: Dar al-Turath.
- Jalal al-Din Abd Rahman al-Suyuti (1987). *Al-Itqan fi Ulum al-Quran*. Kaherah: Dar al-Turath.

BAB 6

HUBUNGAN STRATEGI KADEAH HAFAZAN DAN MOTIVASI PELAJAR TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB (TMUA)

Muhammad Nadzri Ab Rahim¹ & Harun Baharudin²

¹SBPI Rawang

²Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pendahuluan

Pendidikan tahfiz adalah antara pendidikan terawal dalam sejarah pendidikan Islam bertujuan menjaga kemutawatiran al-Quran dan penyelidikan yang membina martabat pendidikan di institusi tahfiz. Kajian ini juga menjelaskan perkaitan kurikulum, pemerhatian terhadap penilaian kurikulum dan model-model serta teori kurikulum yang membina jati diri pelajar dengan bermotivasi diri dengan kaedah hafazan yang dilaksanakan. Pendidikan tahfiz al-Quran merangkumi sejarah pendidikan tahfiz, pendidikan tahfiz di Malaysia, konsep pendidikan tahfiz dan pendidikan tahfiz Darul Quran dan Maahad Tahfiz diperingkat negeri.

Pelaksanaan kurikulum tahfiz memerlukan strategi yang membina kemenjadian jati diri pelajar dengan perancangan pelbagai kaedah, aktiviti-aktiviti dan motivasi hafazan yang berkualiti memerlukan kebersamaan antara pendidik, keluarga dan masyarakat. Motivasi dianggap faktor keupayaan yang mengarahkan tindakan, faktor penglibatan individu adalah aktif. Pengkaji mengemukakan aspek pembinaan kerohanian (motivasi intrinsik) dan jasmani (motivasi ekstrinsik) (Ahmad & Rahman 2014).

Pelaksanaan kurikulum tahfiz merupakan antara pendidikan terawal dalam sejarah sistem pendidikan islam perlu dipelihara demi membina generasi yang dapat mengadaptasikan pendidikan tahfiz dan matapelajaran akademik yang lain. Hafazan al-Quran pada hakikatnya ialah suatu usaha periwayatan yang paling tinggi darjat kesahihannya sama ada dari segi lafadz dan makna (Ashraf Ismail 2018). Peranan wahyu berperanan melalui penurunan al-Quran melalui perantaraan Jibril a.s melalui talaqqi dan musyafahah seterusnya dihafaz dan disampaikan kepada umatnya.

Perkembangan pendidikan tahfiz di kebanyakan negeri di Malaysia berkembang pesat dengan bertambahnya bilangan sekolah tahfiz model ulul albab dari hari ke hari (Azmil Hashim & Misnan Jemali 2015). Berdasarkan perkembangan tersebut strategi hafazan diberi penumpuan kepada pendekatan dan motivasi dengan melihat jurang perbezaan kaedah pelaksanaan kurikulum terhadap pelajar beserta piawaian mengikut keadaan, menjelaskan dan menilai kurikulum, menentukan bidang terhadap pencapaian berkaitan kurikulum, melihat kepada analisis maklumat yang boleh diterima berdasarkan bidang dengan tindakan analisis yang telus terhadap penilaian proses dalam pembinaan kurikulum.

Fungsi Model Tyler merupakan peneraju terhadap pemerhatian serta penilaian kepada kurikulum pendidikan yang mengutamakan aspek matlamat pembinaan kurikulum. Sekiranya objektif kurikulum boleh menghasilkan pencapaian yang sederhana, walau bagaimanapun ianya mempunyai kekurangan pilihan terhadap model yang dikemukakan oleh Nasywan (1991) kerana model ini kurang memberi perhatian terhadap kualiti penilaian seperti tahap kesesuaian objektif pembelajaran kepada pelajar dan kehendak terhadap seseorang pelajar dan masyarakat amnya.

Tinjauan Literatur

Pengkaji telah meneliti beberapa kajian lepas untuk mendapatkan gambaran umum dan meneliti aspek-aspek yang berkait langsung dengan objektif kajian, sama ada kajian sebegini telah dilakukan atau sebaliknya. Pengkaji telah menemui beberapa kajian lepas yang berkaitan, antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Kajian yang dilakukan oleh Mohammad Zulkifli Abd Rahman (2017) pula menyimpulkan bahawa perlunya mempelajari keajaiban bahasa alQuran sebagai satu ilmu yang ada kaitan dengan kefahaman dalam hafazan al-Quran. Dapatan kajian di atas disokong oleh kajian yang dijalankan oleh al-Syarbini (2011) yang menyatakan bahawa kaedah kefahaman merupakan kaedah yang membantu dalam menghafaz dan mengukuhkan hafazan kerana dengan memahami maksud ayat dan makna kalimat pelajar akan dapat menumpukan perhatian terhadap ayat yang dihafaz serta menambahkan kekhusukan dalam menghafal ayat al-Quran.

Program TMUA diperingkat sekolah Menengah agama telah menghasilkan beberapa generasi yang terus mencipta kejayaan terhadap kemanjadian jati diri pelajar tahniz yang berdedikasi di mana pandangan sesetengah masyarakat yang menyatakan pendidikan tahniz tidak mempunyai prestasi yang memberangsangkan dalam pembelajaran yang berkualiti (Muhaidi Mustafa, 2010). Proses kemanjadian pelajar tahniz ini dapat perhatian pihak kerajaan dengan memastikan aspek rohani dan jasmani menjadi keutamaan selari dengan dasar pendidikan negara yang diperkenalkan.

Motivasi yang tinggi akan mendorong pelajar untuk menghafaz dan menjaga hafazan mereka dengan baik. Terdapat beberapa seruan al-Quran yang memberikan motivasi kepada para penghafaz al-Quran. Antara faktor utama yang mendorong pelajar untuk menghafaz al-Quran ialah faktor niat. Pembelajaran hafazan al-Quran adalah merupakan satu ibadah untuk menghampiri Allah SWT. Oleh itu, syarat untuk sesuatu amalan itu menjadi ibadah ialah amal yang ikhlas dan bersesuaian dengan syariat (Abdul Hafiz & Hashimah, 2004).

Al-Qabisi (1955) memberi penekanan kepada aspek strategi menghafal al-Quran yang berkesan dengan memastikan fungsi panca indera dapat dimanfaatkan dengan menggunakan hafazan dengan anggota kurniaan ilahi. Kepelbagaiannya penggunaan deria semasa sesi PdPc dapat membina pengetahuan ingatan dapat ditembah dan jika hanya menggunakan dengan satu deria sahaja ianya kurang memberi rangsangan yang kurang membantu pelajar. As-Syarbini (2004) bahawa pelajar perlu bijak mengurus masa yang diberikan dengan menetapkan waktu yang mengikut jadual yang tersusun baik untuk menghafal al-Quran serta bertadabbur mencari ketenangan dan bersesuaian.

Penulisan al-Quran juga diperkenalkan kepada pelajar disekolah program TMUA dengan bertujuan untuk meningkatkan lagi daya ingatan melalui hafazan dan ingatan melalui penulisan yang dinamakan sebagai tahriri. Penulisan ini akan disemak dan dinilai oleh guru dan pihak Darul Quran sebagai eviden yang perlu dilaksanakan sehingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Proses penilaian ini akan diberi pengiktirafan sekiranya pelajar dapat menyelesaikan hafazan 30 juzuk al-Quran dan menulis keseluruhan ayat-ayat suci al-Quran dengan mendapat sijil yang dikeluarkan oleh pihak Darul Quran dan Lembaga Peperiksaan (Darul Quran. 2007).

Metodologi

Kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif dijalankan dengan menemuramah responden yang terlibat sama ada pelajar atau pun pihak pentadbir sekolah. Melalui kaedah ini juga soal selidik turut dijalankan bagi memenuhi kehendak objektif kajian ini. Pengkaji memilih pendekatan ini kerana kaedah ini dapat mengumpul dan mendapat data terpiawai dengan lebih tepat dan mudah. Disamping itu, pengkaji juga menjelaskan menghasilkan tatacara penjelasan data dengan

bersistematik melalui sistem SPSS dan bersistematik dengan memastikan hubungan yang membentuk pemboleh ubah yang membantu pengkaji dalam menghasilkan rumusan melalui data yang diperolehi.

Kerlinger (1970) dan McMillan & Schumacher (1997) menyatakan proses menganalisis reka bentuk kajian, tatacara atau strategi penghasilan data yang dikemukakan berkait rapat hubungannya dengan jawapan terhadap persoalan kajian. Penghasilan reka bentuk disenaraikan adalah untuk memastikan perkara yang dikaji dapat dikawal serta boleh mengenal pasti permasalahan kepada data dapatan kajian.

Pengumpulan sampel memerlukan saiz sampel pula ditentukan mengikut saiz sampel kajian berdasarkan penentuan yang telah digaris panduan oleh Kejcie dan Morgan (1970) berdasarkan jadual yang akan dijelaskan telah memberi penentuan bilangan jumlah populasinya 50 orang, maka jumlah hasil dari dapatan persampelan adalah berjumlah 44.

Menurut Noraini Idris (2010), kebiasaan dalam melaksanakan pendekatan kuantitatif, jumlah pengumpulan sampel tidak diambil kira bagi keadaan yang populasinya kecil saiznya. Sehubungan dengan itu, jika data yang dihasilkan tidak mempunyai jumlah besar, sebagai contoh, N tidak melebihi 100 orang daripada perolehan data berdasarkan keseluruhan populasi. Sehubungan itu, sebanyak 60 soal selidik mewakili keseluruhan sampel akan diedarkan bagi memenuhi kehendak kajian dapat dilaksanakan.

Instrumen Kajian

Dalam menghasilkan instrument berdasarkan kajian yang djlankan merupakan alat untuk mengukur tahap motivasi pelajar dalam melaksanakan kurikulum KBT. Oleh itu, ukuran berpotensi menghasilkan pengskoran yang dapat diterima serta memberi kebolehpercayaan bagi mencerminkan motivasi yang perlu diukur (Alias 1999). Soal selidik yang dikemukakan kepada peserta responden adalah mengikut tingkat skala likert yang perlu dipilih satu diantara keempat skala yang diberikan.

Soal selidik yang bersesuaian dipilih oleh responden adalah skala 4 dengan memerlukan penandaan jawapan responden berkaitan mengikut situasi kenyataan terhadap satu skala berkaitan yang lain. Antara lain menjadi keperluan kepada peringkat pilihan persetujuan dengan tahap penskoran 1 sehingga 5 dengan menggunakan analisis data melalui perisian aplikasi SPSS bagi menentukan tahap perbezaan bagi pelajar lelaki dan pelajar perempuan dengan menghasilkan data melalui crosstab. Berikut contoh persetujuan responden yang perlu dipilih dalam menghasilkan data persetujuan responden.

Jadual 1 : Pemberian Skor Bagi Bahagian B, C dan D

Skor	Skor Tahap Persetujuan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Pembinaan item kaji selidik yang dikemukakan terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D. Penghasilan instrumen adalah bagi memastikan setiap bahagian tersebut mengukur pelaksanaan strategi kaedah hafazan bagi pelajar program TMUA.

Prosedur Pemerolehan Data

Pelaksanaan terhadap kajian yang akan dilaksanakan, memerlukan strategi awal dengan memohon kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sekiranya kajian dijalankan di kawasan premis kerajaan atau sekolah di bawah kementerian Pendidikan. Prosedur ini akan melibatkan kepada beberapa Jabatan pendidikan negeri dan diperingkat daerah. Seterusnya pihak pengkaji perlu berjumpa dengan ketua jabatan atau pengetua sekolah bagi memohon keizinan melaksanakan kajian di sekolah yang terpilih dengan mengadakan sesi perbincangan bagi melancarkan proses kajian. Berdasarkan pengumpulan data yang dihasilkan adalah merupakan terdiri dari hasil respond dari soal selidik melalui data pencapaian ujian soal selidik pelajar program TMUA. Aplikasi (SPSS) sebagai penghasilan analisis data ini.

Penganalisaan dengan menggunakan statistic Deskriptif dan statistic Inferensi antara menjadi pilihan pengkaji dalam menghasilkan data. Penjelasan berkaitan bab ini telah diterangkan secara terperinci oleh pengkaji dengan memberikan penekanan bermula dari melihat kepada penentuan saiz sampel sehingga memberikan bagaimana responden dipilih dan mengikut populasi berdasarkan jadual yang telah disenaraikan melalui rajah di atas.

Dapatan Kajian

Dapatan penyelidik mendapati item yang keempat perlu diberi pemerhatian yang baik. Bagi keseluruhan item 1 hingga 5, mean yang diperolehi 4.72 dengan sisih piawai 0.28, soalan memberi fokus kepada strategi bagaimana persediaan sebelum menghafaz. Hal yang demikian, pengkaji beranggapan data yang diperolehi boleh dikatakan responden memberi pengakuan terhadap strategi sebelum merupakan dari diri mereka sendiri. Pengkaji juga mendapati jawapan yang diberikan mungkin dipengaruhi rakan-rakan.

Seterusnya item dalam fasa semasa menghafaz juga berada pada tahap yang menunjukkan sebanyak empat item berada tahap interpretasi min yang tinggi. Item-item mengikut urutan tertinggi adalah seperti berikut ; item A9 iaitu mencintai al-Quran (min 4.58, sp = 0.781) dengan nilai peratus sangat kerap 71.6% dan kerap 18.6%, item A13 merasa beruntung kerana menghafaz al-Quran (min 4.17, sp = 1.030) dengan nilai peratus sangat kerap dan kerap 76%, item A12 berusaha mengulang ayat hafazan sehingga fasih (min 3.82, sp = 1.061) dengan peratus sangat kerap dan kerap 63.1%, item A1 mengikhlaskan niat kerana Allah (min 3.69, sp = 1.067) dengan peratus sangat kerap dan kerap 59.3%. Ternyata masih ada dalam kalangan responden tidak mengetahui kepentingan tempat dalam membantu hafazan mereka.

Jadual 2: Motivasi Kaedah al-Qabisi (1995) Selepas proses Hafazan

Bil.	Item	Min	Max	Mean	Sisih Piawai
1	Saya tahu taat dan jauhi larangan Allah adalah kewajipan hafazan	5.00	5.00	5.0000	.00000

2	Saya yakin memelihara ingatan hafazan dengan mentaati Allah	5.00	5.00	5.0000	.00000
3	Saya percaya kelancaran hafazan dengan usaha mentaati perintah Allah	5.00	5.00	5.0000	.00000
4	Saya melaksanakan hafazan dengan taat dan jauhi tegahan Allah	5.00	5.00	5.0000	.00000
5	Saya terus menjauhi larangan Allah dan istiqamah dalam ulangan hafazan	4.00	5.00	4.6167	0.39
6	Saya tahu murajaah perlu kepada disiplin daya ingatan yang kuat	5.00	5.00	5.0000	.00000
7	Saya membina jadual murajaah hafazan dengan penuh kesedaran	5.00	5.00	5.0000	.00000
Valid	Mean	Median	Std.Devision	Range	Minimum
60	4.61	4.7	0.39	1.25	3.75
					5.00

Berdasarkan jawapan dari responden terhadap motivasi hafazan selepas pelaksanaan proses hafazan, dapatan soal selidik yang diberi pendedahan pendekatan nilai-nilai penghayatan disamping dapatan menyeluruh purata menunjukkan kepada tahap yang tinggi.

Perbincangan

Pengenalan terhadap strategi kaedah hafazan melalui kajian-kajian lepas dapatan menunjukkan beberapa kesimpulan mengikut kepada perancangan kerangka teoritikal penyelidikan terhadap al-Qabisi merupakan model yang membantu pengkaji mengemukakan akses untuk memajukan pendidikan tahniz dengan penambah baikan sesi Pdpc dengan mempelbagaikan gaya pengajaran guru agar memberi semangat kepada persediaan pelajar sebelum memulakan hafazan dengan emosi yang baik. Ahli akademik dalam bidang tahniz juga berperanan membantu institusi tahniz dengan mengambil pandangan pakar-pakar psikologi seterusnya strategi yang dilaksanakan akan memberi impak yang positif kepada pelajar.

Pembinaan jadual hafazan yang bersistematis merupakan proses membina persediaan awal sebelum menghafal dengan menal pasti ayat-ayat yang sukar dan ayat-ayat yang mudah. Sesi Tahdir dapat membantu pelajar dibantu oleh guru-guru hafazan dengan menyemak bacaan pelajar dan membantu untuk meningkatkan kualiti hafazan melalui aktiviti semasa hafazan. Proses hafazan memerlukan teknik yang berkesan dengan guru menetapkan susunan tingkat ayat hafazan, nada hafazan, suara yang bersesuaian. Pelajar juga perlu sentiasa ingat akan pesanan pihak sekolah, seperti sekolah yang dipilih oleh pengkaji mengamalkan rukun 15 Sepintar dimana ianya perlu

diulang pada setiap sesi aktiviti harian mereka agar mereka sentiasa berdisiplin sebagai pelajar tafhiz.

Strategi kaedah pelaksanaan hafazan pelajar Menurut Cole and Chan. (1994), di mana ianya memerlukan penelitian dan perancangan yang rapi dalam memastikan pembelajaran tidak tersasar dari kurikulum garis panduan yang positif perlu dilaksanakan untuk memastikan senarai objektif Pdpc dapat tercapai. Ibnu Khaldun. (2000) memberi pandangan pelaksanaan strategi Pdpc pelajar perlu mengikuti bimbingan guru melalui aktiviti kelas ulangkaji hafazan bermula jam 7.00 malam dengan membuat panduan melalui guru hafazan yang hadir sesi malam turut menjelaskan bahawa strategi pengajaran dan pembelajaran ialah guru hendaklah memastikan setiap aktiviti topik pembelajaran dapat dikuasai oleh pelajar kemudian rancang penambahbaikan terhadap matapelajaran yang akan datang perlu kepada ulang kaji aktiviti Pdpc yang sebelumnya.

Abu al-Fida' (2006) pendedahan aktiviti ini memerlukan perhatian semasa aktiviti Pdpc khususnya pelajar program TMUA dan ianya juga merupakan kaedah dalam penurunan wahyu apabila ilmu atau kalam Allah diturunkan melalui perantaraan Jibrail a.s dan Rasulullah s.a.w berperanan membimbang penerimaan wahyu. Antara kaedah yang meningkat daya motivasi pelajar adalah pelajar berperanan dalam melaksanakan kaedah tasmik ini pelajar tidak mampu sepenuhnya bergantung kepada guru hafazan, sebaliknya mengikut garis panduan yang diberikan melalui perancangan Pdpc dengan aktiviti semak bacaan mengikut kumpulan.

Dapatkan disekolah yang dikaji, pelajar melaksanakan kaedah tasmik secara tasmiq dan bertalaqqi mengikut guru muda yang dilantik oleh pihak sekolah membantu pelajar yang lemah. Oleh itu kaedah tasmik ini merupakan kaedah untuk menilai bacaan dan hafazan pelajar dan seterusnya memperbaiki serta mengukuhkan ingatan hafazan ayat al-Quran (Abu al-Fida', 2006). Dapatkan juga mendapati strategi penumpuan kepada ayat yang berada di aras kesukaran ditambah lagi dengan aktiviti fiqh ayat memberikan kesan yang mencabar kepada pelajar melalui proses hafazan pelajar perlu berkali-kali membiasakan diri dengan hafazan dan memerdengarkan kefahaman intisari ayat-ayat yang dihafaz (Abu Najihat, 2002).

Melaksanakan dengan ketetapan lima ayat dengan secara ulangan berperingkat merupakan teknik semasa hafazan yang boleh diamalkan. Dapatkan menunjukkan pelajar yang mengamalkan aktiviti ulangan dengan perancangan masa yang berkualitmelalui aktiviti Tasmiq. Dengan amalan hafazan 5 ayat dapat membantu pengurusan emosi pelajar agar mereka tidak mudah tertekan dengan pemberatan ayat yang dihafaz dan membantu untuk mempertingkatkan daya ingatan yang sihat terhadap minda. Bersesuaian dengan dapatan kajian lepas penurunan ayat pertama (al-Alaq 1-5) memberikan pendedahan awal kepada hafazan (Abu al-Fida', 2006).

Dapatkan juga menunjukkan pelajar memerlukan strategi semasa hafazan dengan membayangkan ayat-ayat seperti awal ayat dan penghujung ayat hafazan memerlukan memastikan dapat digambarkan melalui peta i-think seperti gambaran ayat yang berwarna mengikut susunan kedudukan ayat yang dihafal. Dengan amalan kaedah tersebut akan memberikan keasan kepada pelajar melihat mushaf yang digunakan terbayang dihadapannya (Abdul Hafiz dan Hasimah, 2004). Lebih menarik pelajar memerdengarkan hafazan dalam solat melalui solat Tarawih, solat jumaat dan sebagainya seterusnya memberi contoh tauladan kepada keluarga dan masyrakaPelajar digalakkan menyertai ujian-ujian hafazan al-Quran sebagai menguji kemahiran hafazan di samping memperkuuhkan dan memantapkan hafazan. Aktiviti-aktiviti ini akan meningkatkan motivasi pelajar untuk mengulang hafazan secara berulangkali di samping menguji kemampuan dalam menghafaz ayat al-Quran (Abdul Hafiz et al., 2003).

Kesimpulan

Kesimpulannya, pelajar program TMUA perlu menerapkan diri dengan strategi kaedah hafazan dengan membina perancangan berdasarkan jadual kendiri serta mengaplikasikan al-Qabisi sebagai panduan pembelajaran hafazan. Pelajar perlu bersedia bermula dari sebelum hadir Pdpc dengan melengkapkan penulisan tahriri sebelum sesi tasmik semasa bersama guru hafazan. Seterus menghayati objektif pembelajaran dan sentiasa ingatkan diri dengan kesedaran akan kefahaman ayat agar dapat memotivasi dengan bermuhasabah diri agar membentuk keperibadian yang boleh dicontohi masyarakat.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

SPSS

- Al-Qabisi, Abu Hasan Ali Muhammad (1955). *Al-Risalah al-Mufassolah li Ahwal al-Muallimin wa Ahkam al-muallimin wal Mutaallimin*. Kaherah: Dar al-Ihya' Kutub al-Arabiyyah.
- Al-Zarnuji (2004). *Ta'līm al-Mutaallim Thariq al-Ta'alum*. Sudan: Dar al-Sudaniah lilKutub.
- Abdullah, A. H., Safar, A., Mustari, M. I., Muhammad, A., & Ismail, I. (2003). Keberkesanan Kaedah Hafazan di Pusat Tahfiz. Retrieved from <http://eprints.utm.my/2836/1/71871.pdf>
- Abu Mazaaya (2010). *Kaedah Mudah dan Cepat Menghafaz al-Quran*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher.
- Ahmad, M. Z. & Rahman, M. Z. A. 2014. Intrinsik dan ektrinsik: Tinjauan motivasi dalam kalangan pelajar sekolah agama. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC). 17-18 November 2014
- Ahmad Mohd. Salleh. (1997). *Pendidikan Islam falsafah, sejarah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Abdul Hafiz bin Kaji Abdullah. (2004). *Kaedah Hafazan Al-Quran Yang Sistematik Dan Praktikal Dalam Melahirkan Para Huffaz Yang Rasikh*. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Najihat Al-Hafiz. (2001). *Panduan bagi haiz-hafizah dan qari-qariah*. Selangor: Penerbitan Darul Iman Sdn. Bhd.
- Al-Bukhari, Muḥammad ibn Isma'il Abū 'Abdullāh. (1422H). *al-Jāmi' al-Musnad al-Sahīh al-Mukhtaṣar min Umūr Rasulillah S.A.W wa sunanīhi wa Ayāmīhi*. Al-Sultaniyyah: Dār Turuq al-Najāḥ.
- Al-Ghawthāni, Yahya 'Abd al-Razzāq. (1998). *Kayfa Tahfaz al-Qur'an: Qawa'id Asāsiyyah wa Turuq 'Amaliyyah*. Gaza: Dār Nūr al-Maktabāt. Salinan percuma boleh dimuat turun daripada: <http://k-tb.com/book/> [Quraan03768D](#) dan <https://islamhouse.com/ar/books/411768/>
- Al-Syarbini, Ibrahim Abdul Munim. (2011). *Cara Mudah Menghafaz AlQuran*. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Anas Ahmad Karzun. (2006). *Warattil Al-Qurana Tartila*. Washaya Wa Tanbihat Fi At-Tilawah wa Al-Hifzh Wa Al-Muraja'ah: Jakarta.
- Anwar Fahkri bin Haji Omar. (1996). *Adab-adab bersama Al-Quran*. UKM: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bakarman, A. A. (2005). Attitude, skill, and knowledge: (ASK) a new model for design education. *Proceedings of the Canadian Engineering Education Association (CEEA)*.

- Cresswell, J.W. (2008). *Research design: Pendekatan Kualitatif, Kuantitatif dan Mixed*. Yogyakarta: Penerbit Pustaka Pelajar.
- Kamarul Azmi dan Ab.Halim, (2007). Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran. Skudai: Penerbit UTM Press
- Mustafa, & Md Sawari, S. S. (2018). Managing standardize memorization strategy in tahfiz centres: A guideline for quality performance in Qur`anic memorization. International Journal of Research, 5(16), 1409-1417.
- Shahin, Abdul Sobur. (1995). Tarikhul Quran. Kaherah: Matbacah As-Sacadaah
- Solahuddin bin Ismail. (2016). Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran. Simposium Antarabangsa Tahfiz sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran.Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertempat di Institut Latihan IslamMalaysia (ILIM) Bangi Selangor pada 23-24 November 2016.
- Sedek Ariffin (2012). Kaedah Menghafaz al-Quran di Institusi Tahfiz di Malaysia: KajianPerbandingan antara Kaedah Darul Quran dan Kaedah al-Huffaz. Tesis DoktorFalsafah, Universiti Malaya
- Stephen Billet dan Amanda Henderson (2011). Developing Learning Profession. London : Springer. *Journal of Contemporary Islamic Studies*
- Mohamad Zulkifli Abd Rahman. (2017). *Keajaiban Bahasa Al-Quran*. Selangor: Tihani Cetak Sdn. Bhd.
- Mohd Majid Konting. (1993). *Memahami Penyelidikan Pendidikan: Satu Pengenalan (Edisi ke-4)*. Fakulti Pengajian Pendidikan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Yusof Ahmad. (2005). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhaidi Mustaffa. (2010). *Hafazan Al-Quran dan Hubungan Dengan Kecemerlangan Pelajar*. Kajian di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan Dari Tahun 1997 Hingga 2007 / Muhaidi Hj. Mustaffa. Masters Thesis, University Of Malaya.
- Muhammad Muhsin Syeikh Ahmad. (1994). *Al-Quran dan Cara-Cara Menghafaz*. Shah Alam: Perpustakaan Darul Quran
- Muslim Ibn al-Hajaj Abu al-Hasan ak-Qushayri al-Naysaburi. (1998). *Al- Musnad al-Sahīḥ al-Mukhtaṣar bi Naql al-‘Adl ilā Rasulullah S.A.W*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turāth al-‘Arabi.
- Norhanan binti Abdul Rahman. (2009). *Kaedah Hafazan al-Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz al-Quran Darul Tuba*. (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia).
- Zamri bin Mat Isa. (2005). *Panduan Kecemerlangan Pelajar*. Kota Bharu: ABK Bakti Enterprise.

BAB 7

CIRI-CIRI TASĀHUL PENGIJAZAHAN SANAD TALAQQI AL-QURAN

Mohamad Redha Mohamad¹, Muhammad Zaid Shamshul Kamar¹,
& Sharifah Noorhidayah Syed Aziz¹

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

Pendahuluan

Al-Quran merupakan sumber rujukan utama bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian. Ia mengandungi penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia (Fadzil, 2018). Umat Islam mempelajari al-Quran dengan bimbingan guru bagi memperolehi dan mendapatkan cara bacaan yang sah. Al-Quran diwariskan kepada setiap generasi dengan kaedah mengambil bacaan daripada guru iaitu *talaqqi* secara *mushâfâhah* (A'Tarahim, Hisham & Shaifulbahri, 2009). Rasulullah SAW mengambil bacaan al-Quran dari Jibril AS, para sahabat mengambil dari baginda, para tabiin mengambil dari sahabat dan begitulah seterusnya sehingga sampai bacaan al-Quran kepada generasi kita (Ahmad Sa'ad, 2013).

Pengambilan sanad *talaqqi* al-Quran semakin dititikberatkan di Malaysia (Alias, Mohamad & Ahmad, 2015). Ini berikutan beberapa faktor penting yang membawa kepada hasil positif apabila tradisi sanad sentiasa diamalkan. Antara program-program sanad al-Quran yang popular masa kini di Malaysia adalah sanad *talaqqi* surah al-Fâtihah dan sanad *talaqqi* al-Quran 30 juzu'. Begitu juga penubuhan pusat pengajian dan institusi pengajian *talaqqi* al-Quran bersanad di Malaysia sudah mula memberangsangkan (Alias, Mohamad & Ahmad, 2015). Antara hadith yang menunjukkan kepentingan bertalaqqi al-Quran adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad (1995) seperti berikut:

عَنْ عَمْرُو بْنِ الْعَاصِ أَنَّهُ سَمِعَ رَجُلًا يَقْرَأُ آيَةً مِنَ الْقُرْآنِ فَقَالَ مَنْ أَقْرَأَكَهَا؟ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَقَدْ أَقْرَأْنِيهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى عَيْرٍ هَذَا فَدَهَبَ إِلَيْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَخْدُهُمَا يَا رَسُولَ اللَّهِ آيَةً كَذَا وَكَذَا ثُمَّ قَرَأَهَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَكَذَا أَنْزَلْتُ فَقَالَ الْآخَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَرَأَهَا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَلَيْسَ هَكَذَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ هَكَذَا أَنْزَلْتُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أَنْزَلَ عَلَى سَبْعَةِ أَخْرَفٍ فَأَيَّ ذَلِكَ قَرْآنٌ فَقَدْ أَحْسَنْتُمْ وَلَا تَمَارِرُوا فِيهِ فَإِنَّ الْمِرَاءَ فِيهِ كُفُرٌ أَوْ آيَةُ الْكُفُرِ .

[Ahmad, *al-Musnad*, no hadis 17821]

Maksudnya:

"Dari pada Amru bin al-'As RA: sesungguhnya dia mendengar seorang lelaki membaca sepotong ayat dari al-Quran, maka dia bertanya: siapa yang membacakan ayat ini kepada engkau? Maka dia menjawab: Rasulullah s.a.w., dia (Amru) berkata: sesungguhnya baginda membacakan ayat ini kepada aku dengan bacaan yang lain! Maka mereka berdua pergi bertemu dengan Rasulullah dan salah seorang dari mereka bertanya: wahai Rasulullah, ayat sekian sekian kemudian dia membacanya, baginda menjawab: begitulah ia diturunkan, maka berkata seorang lagi: wahai Rasulullah! Maka dibacanya ayat itu dan bertanya: bukankah begini wahai Rasulullah?

Baginda menjawab: begitulah ia diturunkan. Maka baginda berkata: sesungguhnya al-Quran diturunkan dengan sab'ah abruf, maka yang mana saja kamu baca ia adalah sahib, dan jangan kamu ragu padanya, kerana keraguan kepadanya akan menyebabkan kamu kafir atau pun ia adalah tanda-tanda kafir.”

Berdasarkan hadith di atas, dua intipati utama yang boleh kita simpulkan adalah keprihatinan ulama terhadap sanad al-Quran dan sumber sanad al-Quran datangnya dari Rasulullah SAW (Ahmad Sa'ad, 2013). Intipati yang pertama boleh dilihat melalui kata-kata sahabat iaitu (مَنْ أَفْرَأَكَهَا؟) yang menunjukkan sahabat bertanya dari siapa bacaan al-Quran tersebut diambil. Ini membuktikan para sahabat mengambil berat dan prihatin terhadap jalur sanad sesuatu bacaan. Setiap bacaan al-Quran perlu diketahui dari mana asal jalur sanadnya bagi memastikan kesahihannya. Intipati yang kedua pula boleh diambil dan diterjemahkan dari jawapan sahabat iaitu (رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) yang bermaksud mereka menerima bacaan al-Quran tersebut dari Rasulullah SAW. Ini menunjukkan bahawa baginda adalah sumber sanad bacaan al-Quran. Setiap bacaan yang sah pasti berasal dari baginda SAW. Kesemua ini juga merupakan bukti bahawa kemunculan ilmu sanad al-Quran telah pun bermula dari zaman Rasulullah SAW. Para sahabat mengambil sanad bacaan al-Quran dengan kaedah *talaqqi* secara *mushafahah* daripada baginda. Kaedah *talaqqi* secara *mushafahah* ini terus diamalkan pada setiap zaman oleh para *qurra'* dan ahli-ahlinya sehingga ke masa kini.

Definisi Sanad *Talaqqi Al-Quran*

Sanad secara bahasa berasal dari perkataan سَنَدَ yang bermaksud menopang, menyandar atau menyangga (Zainuddin, Zainuddin & Mohd Isa, 2010). Dalam istilah ilmu *qira'at*, sanad diertikan sebagai rangkaian *muqri'* daripada *muqri'* sehingga sampai kepada Rasulullah SAW (Said & Adam, 2011). Dalam pengertian yang lebih khusus sanad atau *isnād* bermaksud sandaran, sijil tauliah atau kesaksian dalam penerimaan sesuatu *qira'at* (al-Jazarī, 2002). Manakala Sayyidī (2004) pula menyatakan sanad di sisi *qurra'* adalah salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan, riwayat, *tariq*, dan wajah daripada sumber utama.

Menurut Zainuddin, Zainuddin & Mohd Isa (2010), *talaqqi* merupakan perkataan yang diambil daripada kata dasar لَقِيَ iaitu bertemu, bersemuka atau bertembung. Al-Zarqanī (2001) menyatakan *talaqqi* bermaksud pengambilan bacaan al-Quran daripada seorang yang dipercayai daripada guru yang dipercayai dan seorang imam daripada imam sehinggalah kepada Nabi Muhammad SAW. Al-Majidī (2000) pula berpandangan *talaqqi* adalah satu metode pembelajaran lafaz-lafaz al-Quran di mana seorang guru akan membacakan sepotong ayat kepada murid, lalu murid tersebut akan membacakan semula ayat tersebut dengan cara bacaan guru tadi. Zaidar (2014) menyatakan *talaqqi* daripada sudut istilah bermaksud mengambil atau belajar ilmu secara langsung di hadapan guru.

Oleh itu sekiranya dihubungkan, sanad *talaqqi* al-Quran membawa maksud salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan al-Quran secara bersambung daripada sumber utama iaitu Rasulullah SAW yang diperolehi secara bersemuka di hadapan guru. Ada pun dalam konteks kajian ini, penulis bermaksud untuk mengkaji berkaitan ciri-ciri bermudah-mudah (*tasâbul*) pengijazahan sanad *talaqqi* al-Quran.

Permasalahan Kajian

Masyarakat Islam arus perdana di Malaysia mulai didedahkan dengan amali periwatan sanad *talaqqī* dalam konteks pengajian al-Quran. Kini, banyak pihak berlumba-lumba untuk mendapatkan ijazah sanad *talaqqī* al-Quran. Sistem ini merupakan tradisi yang dititikberatkan oleh para *qurrā'* dan mulai tersebar di Malaysia. Namun, masyarakat Malaysia masih asing dan belum memahami secara mendalam berkenaan sanad *talaqqī* al-Quran (Norazman Alias, Khairul Anuar Mohamad, Zulhilmi, & Nor Hazirah, 2018). Situasi berlumba-lumba mendapatkan sanad *talaqqī* al-Quran telah menyebabkan sanad diijazahkan secara bermudah-mudah (*tasāḥul*). Terdapat sebahagian guru al-Quran yang *tasāḥul* memberikannya sehingga dikira melampaui batas (Dakhil 'Abd Allah, 2008). Justeru, kajian dilakukan untuk menganalisis berkaitan ciri-ciri *tasāḥul* pengijazahan sanad *talaqqī* al-Quran. Data-data kajian dikumpul secara analisis dokumen kepustakaan, manakala metode analisis data pula dilakukan secara deskriptif.

Tuntutan *Talaqqī Al-Quran* Bersanad

Tradisi pengambilan sanad *talaqqī* al-Quran perlu diteruskan kerana wujudnya beberapa kepentingan. Kepentingan utama pengambilan sanad adalah kerana ianya merupakan sunnah Rasulullah SAW (Redha, Zaidar & Alias, 2020),. Baginda membaca al-Quran dengan Jibril AS secara *bertalaqqī* dan mengulangnya pada bulan Ramadhan setiap tahun. Hal ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA katanya:

كَانَ يُعِرِضُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْقُرْآنَ كُلَّ عَامٍ مَرَّةً، فَعَرَضَ عَلَيْهِ مَرَّيْنَ فِي الْعَامِ الَّذِي قِصَّ فِيهِ.

[al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, no hadis 4998]

Maksudnya:

“Telah dibacakan (Jibril) al-Quran ke atas Nabi SAW sekali pada setiap tahun, dan dibacakan (Jibril) al-Quran ke atas Nabi SAW sebanyak dua kali pada tahun kewafatan baginda.”

Hadis di atas menerangkan kaedah bagaimana Rasulullah SAW mengambil bacaan al-Quran daripada Jibril AS. Al-‘Asqalānī (2013) menjelaskan perkataan يُعِرِضُ dalam hadis tersebut bermaksud Jibril bertemu dengan baginda untuk membacakan al-Quran, dan baginda akan mendengarnya. Kemudian baginda pula akan membaca al-Quran dan Jibril mendengarnya. Hadis ini adalah asas dan dalil bahawa al-Quran perlu dipelajari secara berguru bagi memastikan kesahihan pembacaannya. Guru yang berkeahlilan dan berkemahiran adalah sebagai penjamin kesahihan setiap bacaan muridnya. Kaedah yang sama juga turut diterapkan oleh para sahabat dan tabiin (Ahmad Sa'ad, 2013).

Setiap surah dan ayat al-Quran disampaikan oleh Jibril kepada baginda menerusi kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* iaitu Jibril membaca ayat al-Quran dan diikuti oleh baginda, seterusnya dihafaz ayat-ayat tersebut oleh baginda. Bermula dari surah al-‘Alaq hingga ke ayat yang terakhir, kaedah ini berterusan digunakan turun-temurun untuk mewariskan al-Quran sehingga ke hari ini (Hazim, 2012). Daripada baginda kepada para sahabat, kemudian diwariskan kepada tabiin dan sehingga sampai kepada kita ayat-ayat al-Quran, yang mana semua ini membuktikan kesinambungan sanad al-Quran yang terjaga rapi oleh para guru al-Quran. Baginda sentiasa memperdengarkan ayat-ayat al-Quran kepada para sahabat sama ada ketika berkhutbah, berdakwah, mengeluarkan fatwa, solat berjemaah dan sebagainya (Abd Ghani, 2009). Hal ini sekaligus menunjukkan pengambilan sanad al-Quran adalah merupakan sunnah Rasulullah SAW

yang perlu dijaga dan diamalkan secara berterusan. Firman Allah SWT dalam surah al-Qiyāmah ayat 16 hingga 18:

لَا تُحِرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۚ ۱۶ إِنَّ عَلَيْنَا جَمِيعَهُ وَقُرْءَانَهُ ۱۷ فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ ۱۸

Maksudnya:

“Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendak cepat menghafaz al-Quran yang diturunkan kepadamu, menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.”

Berdasarkan surah al-Qiyāmah ayat 16 hingga 18 di atas, Qutb (2018) menyatakan Rasulullah SAW memberi sepenuh perhatian kepada wahyu yang turun dan amat bimbang akan terlupa ayat-ayat al-Quran tersebut. Inilah yang mendorong baginda untuk mengikuti bacaan Malaikat Jibril AS ayat demi ayat dan perkataan demi perkataan agar baginda benar-benar yakin telah mengingati kesemuanya. Begitu juga al-Nasafi (2011) menyatakan ayat 18 bermaksud Jibril membacakan al-Quran kepada baginda, maka baginda mengambil bacaan tersebut sebagaimana yang dibacakan Jibril. Baginda bertalaqqī dan mengambil bacaan al-Quran daripada Malaikat Jibril AS dengan sepenuh perhatian dan fokus. Ayat ini menjelaskan konsep talaqqī secara mushāfahah yang betul, iaitu Rasulullah SAW perlu mendengar terlebih dahulu sehingga Jibril AS selesai membaca, kemudian barulah baginda mengikuti bacaan Jibril AS. Ayat ini menegur baginda SAW agar tidak membaca sebelum Jibril AS selesai membaca.

Ayat al-Quran ini jelas menunjukkan proses pembelajaran al-Quran yang sahih adalah secara berguru dan perlu dipelajari dengan sepenuh perhatian dan fokus. Menurut Redha, Zaidar & Alias (2020), terdapat lima faktor utama relevansi pewarisan sanad talaqqī al-Quran iaitu sunnah Rasulullah SAW, kesahihan bacaan, kebanggaan penuntut ilmu, kelangsungan sanad ‘āli dan bimbingan yang berterusan. Kesemua ini jelas menunjukkan pengamalan talaqqī al-Quran secara bersanad adalah sangat dituntut dan perlu dimasyhurkan di Malaysia.

Kepentingan Ijazah Sanad Talaqqī Al-Quran

Ijazah dari sudut bahasa bermaksud keizinan atau kebenaran melakukan sesuatu (Zaidar, 2014). Ijazah juga bermaksud izin, kebenaran, ataupun surat akuan yang diberikan oleh universiti sebagai tanda tamat belajar dan telah lulus dalam peperiksaan (Kamus Dewan, 2015). Manakala ijazah di sisi para *qurrā'* bermaksud keizinan yang diberikan kepada pembaca al-Quran (murid) untuk membaca al-Quran dalam satu riwayat ataupun lebih, dan disyaratkan secara mushāfahah (Dakhil 'Abd Allah, 2008). Maka ijazah adalah seperti penyaksian daripada guru untuk murid yang berkeahlian dalam bacaan al-Quran (al-Suyūtī, 2008).

Dalam ilmu pengajian al-Quran bersanad, ijazah boleh berbentuk kata-kata akuan daripada guru atau dokumen berbentuk jalur sanad guru yang bersambung pada setiap individu tanpa terputus di mana-mana serta sampai kepada Rasulullah SAW secara bertulis (Said & Adam, 2011). Simbol kepada pengijazahan tersebut adalah dengan memberikan sehelai kertas atau buku kecil dan ditulis sanad-sanad bacaan al-Quran yang diterimanya sehingga kepada muridnya. Pengijazahan sanad secara bertulis dapat memberikan keyakinan kepada muridnya untuk mengamalkan bacaan al-Quran yang diperolehi dan seterusnya mengajar individu lain (Al-Sayyid Ahmad, 2005). Sebahagian yang lain pula cukup dengan sekadar berjabat tangan dan ditauliahkan dengan menyebut sanad-sanad al-Quran yang diterimanya sehingga kepada anak muridnya. Pengijazahan yang dilakukan secara lafadz adalah berdasarkan perlakuan Rasulullah SAW kepada para sahabat. Sebagai contoh, baginda mengiktiraf Ubay bin Ka‘ab sebagai sahabat yang terbaik

dalam bacaan al-Quran. Sebagaimana yang disebut oleh Imam Ahmad (1995) dalam musnadnya, daripada Anas bin Mālik RA berkata:

فَالْرَّسُولُ اللَّهُ عَلَيْهِ السَّلَامُ وَأَقْرَبُهَا لِكِتَابِ اللَّهِ أَبِيهِ.

[Ahmad, *al-Musnad*, no hadis 12904]

Maksudnya:

“Rasulullah SAW telah bersabda: Dan orang yang terbaik bacaan al-Qurannya adalah Ubay”.

Adapun begitu, ketiadaan ijazah daripada guru bukanlah bukti seseorang itu tidak berkeahlian dalam bacaan al-Quran (Dakhīl ‘Abd Allah, 2008). Ketidadaan ijazah tidak menjatuhkan atau merendahkan martabat keilmuan seseorang (Hasan Muṣṭafā, 2008). Fungsi ijazah adalah sebagai hujah dan bukti untuk menepis segala sangkaan buruk dan keraguan dari pihak yang lain. Telah berkata Imam al-Suyūṭī (2008):

الإِجَارَةُ مِنَ الشَّيْخِ عَيْرُ شَرْطٍ فِي جَوَازِ التَّصْدِي لِلِّإِقْرَاءِ وَالِإِفَادَةِ، فَمَنْ عَلِمَ مِنْ نَفْسِهِ الْأَهْلِيَّةَ جَازَ لَهُ ذَلِكَ وَإِنْ لَمْ يُجِزِّهُ أَحَدٌ، وَعَلَى ذَلِكَ السَّلَفُ الْأَوَّلُونَ وَالصَّدِرُ الصَّالِحُ، وَكَذَلِكَ فِي كُلِّ عِلْمٍ وَفِي الإِقْرَاءِ وَالِإِفْتَاءِ، خِلَافًا لِمَا يَتَوَهَّمُهُ الْأَغْيَاءُ مِنْ اعْتِقَادِ كَوْنِهِ شَرْطًا، وَإِنَّمَا اصْطَلَحَ النَّاسُ عَلَى الإِجَارَةِ لِأَنَّ أَهْلِيَّةَ الشَّخْصِ لَا يَعْلَمُهَا غَالِبًا مِنْ يُرِيدُ الْأَخْذَ عَنْهُ مِنَ الْمُبْتَدِئِينَ وَنَحْوِهِمْ، لِفُصُورِ مَقَامِهِمْ عَنْ ذَلِكَ، وَالْبَحْثُ عَنِ الْأَهْلِيَّةِ قَبْلَ الْأَخْذِ شَرْطٌ، فَجَعَلَتِ الإِجَارَةَ كَالشَّهَادَةِ مِنَ الشَّيْخِ لِلمُجَازِ بِالْأَهْلِيَّةِ.

Maksudnya:

“Ijazah dari seorang syeikh (guru) itu bukanlah syarat untuk kemampuan seseorang dalam mengajarkan bacaan dan memberikan faedah, maka siapa yang mengetahui bahawa dirinya memiliki kemampuan dan keahlian, boleh baginya untuk mengajarkan bacaan dan memberikan faedah, walaupun tidak ada seorang pun yang memberikan kepadanya ijazah dalam hal itu. Inilah jalan yang dilakukan oleh para salaf generasi awal dan orang-orang soleh yang terkemuka, dan ini berlaku dalam segala bidang ilmu dan dalam masalah pembacaan dan juga dalam masalah mengeluarkan fatwa, berbeza dengan apa yang difahami orang jahil apabila mereka menyakini ijazah itu merupakan syarat. Dan ada pun masyarakat mempopularkan istilah “ijazah” ini kerana keahlian dan keilmuan seseorang itu kadang-kala tidak diketahui oleh orang yang ingin belajar dan mengambil faedah dari mereka terutamanya dari kalangan orang yang baru mula belajar, kerana keterbatasan keilmuan mereka dalam menilai kemampuan dan keilmuan seseorang (maka mereka hanya mampu menilai berdasarkan ijazah saja). Dan mengambil tahu mengenai keahlian dan keilmuan seseorang sebelum menadah ilmu dari mereka adalah syarat. Maka (untuk mempermudah) dijadikan ijazah itu seperti penyaksian syeikh (guru) terhadap keahlian dan keilmuan muridnya”.

Ijazah juga menjadi bukti seseorang individu telah mencapai tahap yang sepatutnya untuk melayakkan dirinya mengajarkan ilmu tersebut kepada orang lain. Telah berkata Dr. Muhammad ‘Abd al-Laṭīf (1983):

كَانَتِ الْإِجَازَةُ مِنَ الضرُورَاتِ الَّتِي يَجِبُ عَلَى الْعَالَمِ الْحُصُولُ عَلَيْهَا، لِكَيْ يَثْبِتَ أَنَّهُ وَصَلَ إِلَى دَرَجَةٍ كَافِيَةً مِنَ الْعِلْمِ تَوَهِلَهُ لِتَدْرِيسِ مَا سَمِعَهُ أَوْ تَلَقَّاهُ عَنْ شَيْخِهِ أَوْ أَسْتَاذِهِ أَوْ رَوَايَتِهِ لَهُ.

Maksudnya:

"Ijazah adalah satu perkara yang sangat mustahak yang perlu bagi seorang ilmuan untuk mendapatkannya agar yakin bahwasanya dia telah mencapai darjah yang secukupnya dalam bidang ilmu, seterusnya melayakkannya untuk mengajarkan ilmu yang telah dipelajari dan diambil dari gurunya".

Ciri-Ciri *Tasābul* Pengijazahan Sanad *Talaqqī Al-Quran*

Tasābul bermaksud bermudah-mudah. Maksud *tasābul* dalam kajian ini adalah bermudah-mudah mengijazahkan sanad *talaqqī al-Quran* kepada individu lain. Perbuatan *tasābul* ini perlu dielakkan bagi memastikan ijazah sanad *talaqqī al-Quran* hanya dimiliki oleh orang yang berkelayakan sahaja. Ramai ulama yang memberi saranan agar tidak mengambil ijazah sanad *talaqqī al-Quran* daripada guru al-Quran yang *tasābul*. Sebagai contoh, Dr. Dakhīl ‘Abd Allah (2008) tidak menggalakkan mempelajari al-Quran daripada guru yang *tasābul* atau *shadīd* kerana sebaik-baik perkata adalah pertengahan (*mu’tadi*). Manakala Dr. Ahmad Sa‘ad (2013) menyatakan guru al-Quran yang *tasābul* dan *tasāmūh* termasuk dalam kategori guru yang bersifat tidak adil dan tergolong dalam perawi *da’īf*.

Dalam proses pengijazahan sanad, terdapat sebahagian guru al-Quran yang *tasābul* memberikannya sehingga dikira melampaui batas (Dakhīl ‘Abd Allah, 2008). Oleh itu, kajian ini membentangkan ciri-ciri *tasābul* pengijazahan sanad *talaqqī al-Quran* bagi memberi kesedaran dan penambahan ilmu pengetahuan terhadap masyarakat. Pengkaji mendapati terdapat tiga ciri-ciri *tasābul* pengijazahan sanad *talaqqī al-Quran* iaitu:

- i) mengambil bacaan dalam tempoh waktu yang cepat dan singkat
- ii) guru atau pelajar yang tidak teliti
- iii) pelajar membaca serentak lebih daripada seorang

Mengambil Bacaan Dalam Tempoh Waktu Yang Cepat Dan Singkat

Mutakhir ini, wujud segelintir pihak yang menawarkan pengajian *talaqqī al-Quran* bersanad secara cepat dan pantas dalam tempoh waktu yang singkat. Hanya mengambil tempoh beberapa hari atau minggu sahaja sudah boleh memperolehi ijazah sanad *talaqqī al-Quran*. Masyarakat rasa teruja dengan tawaran-tawaran yang menarik seperti ini. Walau bagaimanapun, keadaan ini seolah-olah menjadikan pengajian *talaqqī al-Quran* bersanad ini sebagai satu bentuk perniagaan.

Sebagai contoh, Imam al-Dhahabī (1995) telah menceritakan mengenai Ibn Ṣāḥib al-Ṣalāḥ (w. 625H) yang sangat *tasābul* dalam mengijazahkan bacaan al-Quran apabila membenarkan sebahagian pelajar mengambil daripadanya *qirā’at* Imam Nāfi‘ secara khatam hanya dalam tempoh satu malam. Syeikh Ḥasan Muṣṭafā al-Warrāqī (2008) juga pernah menyatakan mengenai perkara ini:

وَمِنْ تَسَاهُلٍ أَيْضًا: إِقْرَاءُ الْمُبْتَدِئِ أَوْ غَيْرِ الْمُتُقْنِ فِي فَتْرَةٍ وَجِيزةٍ دُونَ إِفَادَتِهِ بِشَيْءٍ.

Maksudnya:

“Dan diantara bentuk-bentuk tasâbul juga: seorang pelajar yang masih di peringkat asas atau tidak mutqin membaca dalam tempoh yang singkat tanpa memperolehi apa-apa faedah.”

Menurut Redha, Zaidar & Alias (2020), pengajian al-Quran dalam tempoh yang panjang boleh menghasilkan bimbingan berterusan dan hubungan baik di antara seorang guru dengan pelajarnya. Dr. Ayman Suwaid (2018) juga menasihatkan supaya pengkhataaman al-Quran tidak berlaku dalam tempoh waktu yang cepat dan singkat, walaupun dengan alasan murid itu berada dalam permusafiran. Hal ini kerana, tempoh yang singkat tidak mampu untuk menerangkan hukum-hakam bacaan ayat-ayat al-Quran yang penting. Beliau berkata:

إِنَّ كَثِيرًا مِنَ الْأَحْكَامِ الَّتِي يُحِبُ عَلَيْهِ مَعْرِفَتَهَا نَظَرِيًّا لَا تُشَرِّحُ لَهُ، وَيَجِدُ مَنْ غَيْرُهُ أَنَّ يَعْرِفُهَا بِحَجَةٍ ضيقٍ الْوَقْتِ. فَمَا فَائِدَةُ إِجَازَةِ كَهْدِهِ؟

Maksudnya:

“Sesungguhnya kebanyakkan hukum-hakam yang wajib diketahui tidak diterangkan, dan diberikan ijazah kepadanya tanpa dia mengetahuinya, dengan alasan waktu yang tidak mencukupi. Maka apakah faedah ijazah seperti ini?”

Walau bagaimanapun, Syeikh Hasan Muṣṭafā al-Warrāqī (2008) mengecualikan tempoh masa singkat ini kepada pelajar-pelajar yang *mutqin* dan mahir, seperti contoh berikut:

- i) Syeikh Najm al-Dīn ‘Abd Allah membaca kepada Imam Taqī al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Ṣā’igh dengan khatam *qirā’at ‘asharah* secara *jama* hanya dalam tempoh masa 17 hari.
- ii) Syeikh ‘Abd al-Fattāḥ al-Miṛṣāfī membaca kepada Syeikh Aḥmad al-Zayyāt dengan khatam *qirā’at ‘asharah kubrā* hanya dalam tempoh masa 44 hari.

Guru Atau Pelajar Yang Tidak Teliti

Prosedur yang digunakan dalam penganugerahan sanad sangat teliti dan ketat. Keadaan ini dipengaruhi oleh rasa keimanan dan tanggungjawab seorang guru al-Quran terhadap ilmu yang diperolehi (Said & Adam, 2011). Secara asasnya, ijazah hanya diberikan kepada mereka yang berkelayakan dari sudut ilmu dan agama sahaja (Norazman Alias, Khairul Anuar Mohamad, Zulhilmi, & Nor Hazirah, 2018). Pengijazahan sanad perlu berlaku secara cermat dan teliti.

Ini membawa kepada ciri kedua *tasâbul* iaitu sikap tidak teliti oleh guru al-Quran atau pelajar. Contoh tidak teliti berlaku apabila guru al-Quran tidak menegur kesalahan-kesalahan bacaan yang dilakukan oleh pelajarnya. Begitu juga dari sudut pelajar, tidak teliti berlaku apabila pelajar tersebut membaca al-Quran dengan sambil lewa tanpa mengambil berat hukum-hakam tajwid. Berkata Syeikh Hasan Muṣṭafā al-Warrāqī (2008):

فَأَصْبَحَ الْكَثِيرُ يَسْأَهُلُونَ فِي الْإِقْرَاءِ، فَتَرَى الطَّالِبُ يَقْعُدُ فِي أَخْطَاءٍ كَثِيرَةٍ دَقِيقَةٌ وَغَيْرُ دَقِيقَةٍ، وَمَعَ ذَلِكَ الشَّيْخُ يَسْمَعُ وَلَا يَرِدُ، وَبَعْضُهُمْ يَرِدُ فِي أَشْيَاءٍ وَيَتَرَكُ أَشْيَاءٍ أُخْرَى... .

Maksudnya:

“Banyak berlaku tasābul dalam bacaan, apabila pelajar melakukan kesalahan yang banyak sama ada daqīq ataupun tidak daqīq, guru mendengar tetapi tidak menegur, dan sebahagian guru menegur sesekali dan tidak menegur pada ketika yang lain...”

Ulama-ulama terdahulu tidak berselindung dalam memperkenalkan guru-guru al-Quran yang *daīf* atau tidak teliti. Dr. Ahmad Sa'ad (2013) menyarankan supaya dikaji dan diterangkan perihal guru-guru al-Quran yang *daīf* zaman kini, sepertimana yang dilakukan oleh ulama al-Quran terdahulu. Imam al-Dhahabī (1995) dalam kitabnya memberi contoh guru al-Quran yang tidak teliti, beliau berkata ketika memperkenalkan Yahyā bin al-Husīn bin Ahmad: *“Beliau seorang yang tinggi sanadnya, tetapi tidak mutqin, dan beliau seorang yang tasābul ketika mengambil bacaan al-Quran dan merivayatkannya.”*

Pelajar Membaca Serentak Lebih Daripada Seorang

Hasbie al-Shiddique, Khairul Anuar & Samer Najeh (2019) menyatakan salah satu situasi yang perlu diambil perhatian adalah penganugerahan ijazah sanad *talaqqī* al-Quran tanpa pengawasan yang sewajarnya. Perbuatan mencari sanad yang tinggi telah menyebabkan pengijazahan sanad menjadi satu bentuk perniagaan dan alat untuk mendapatkan kekayaan (Al-Sayyid Ahmad, 2013). Keadaan ini boleh menimbulkan bimbingan yang kurang telus dari kedua-dua belah pihak yang mempunyai kepentingan yang tersendiri jika keimanan dan ketakwaan tidak mampu menjadi pemandu dan pelindungan dalam aktiviti pihak yang terlibat.

Sebagai contoh, wujud segelintir guru al-Quran yang membenarkan pelajar membaca al-Quran secara beramai-ramai di hadapan beliau supaya para pelajar lebih cepat khatam dan menyerahkan bayaran kepada beliau. Amalan membaca secara beramai-ramai ini tidak digalakkan kerana guru tidak dapat mengesan kesalahan setiap individu secara efektif (Al-Sayyid Ahmad, 2005). Amalan ini merupakan satu bentuk perbuatan guru al-Quran yang tidak amanah terhadap ilmu sendiri. Seharusnya setiap guru al-Quran berlaku jujur dan amanah terhadap sanad yang telah diijazahkan kepada mereka. Perbuatan ini seolah-olah menjual sanad iaitu memberi sanad dengan mudah dan cepat.

Pelajar-pelajar membaca secara beramai-ramai ini adalah salah satu ciri *tasābul*. Syeikh Hasan Muṣṭafā al-Warrāqī (2008) menyatakan:

وَمِنْ أَلْوَانِ التَّسَاهُلِ فِي هَذَا الْوَقْتِ، هُوَ إِقْرَاءُ أَكْثَرَ مِنْ شَخْصٍ فِي وَقْتٍ وَاحِدٍ.

Maksudnya:

“Antara jenis tasābul yang berlaku pada masa kini adalah seorang guru mendengar lebih daripada seorang pelajar membaca dalam satu-satu masa.”

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad boleh ditambah baik dari sudut pengijazahannya. Amalan *tasābul* perlu dielakkan bagi melahirkan pelajar al-Quran yang berilmu dan berkualiti. Kajian mendapati terdapat tiga ciri-ciri *tasābul* pengijazahan sanad *talaqqī* al-Quran iaitu mengambil bacaan dalam tempoh waktu yang cepat dan singkat, guru atau pelajar yang tidak teliti dan pelajar membaca serentak lebih daripada seorang. Ketiga-tiga ciri ini boleh dielakkan atas

rasa amanah dan tanggungjawab terhadap ilmu al-Quran yang dimiliki. Di samping itu, pengajian *talaqqi* al-Quran bersanad perlu dimasyhurkan di Malaysia bagi menarik minat masyarakat untuk membaca al-Quran. Pemeliharaan kualiti pengajian *talaqqi* al-Quran bersanad boleh meningkatkan tahap kepercayaan masyarakat terhadap proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Guru-guru al-Quran juga lebih dipercayai dan dipandang tinggi oleh masyarakat. Ini menunjukkan secara ilmiahnya, tidak mudah untuk memperolehi ijazah sanad *talaqqi* al-Quran. Setiap penuntut ilmu bacaan al-Quran perlu mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu yang berkaitan sebelum diiktiraf dan diberikan ijazah sanad daripada gurunya. Kajian ini mampu memberi impak dalam menaikkan minat umat Islam di Malaysia untuk mengkaji dan mendalami ilmu sanad *talaqqi* al-Quran.

Rujukan

- al-‘Asqalānī, I. H. (2013). *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*. Mesir: Dar al-Risāla al-‘Alamīyya.
- Abd Ghani, A. R. (2009). Pemeliharaan Al-Quran: Kajian di Unit Kawalan Teks al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Malaysia.
- Aḥmad, tahaqqiq: Shu‘aib al-Arnauṭ & ‘Adil. (1995). *Musnad*. Muassasa al-Risāla.
- Aḥmad Sa‘ad. (2013). *Asānīd al-Qira’āt wa Manhaj al-Qurra’ fī Dirāsatihā*. Riyad: Maktaba al-Malik Fahd al-Waṭanīyyah.
- Alias, N., Mohamad, K. A. & Ahmad, A. M. (2015). Fenomena Talaqqi Al-Quran Bersanad Riwayat Hafs ‘An ‘Asim Menurut Tariq Al-Syatibiyah: Sumbangannya Dalam Perkembangan Pengajian Al-Quran Di Malaysia. E-Prosiding: Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa. Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Diakses dari: <https://smk.ukm.my/erep/fail3.cfm?komp=TPP2015640>.
- A’Tarahim, M., Hisham, A. & Shaifulbahri, M. (2009). Perkembangan Awal Ilmu Qira’at. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. 2. <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/47/44>
- Ayman Suwayd. (2018). *Talaqqi al-Qur’ān al-Karīm ‘Abr al-Ūṣūr*. Istanbul: Dār al-Ghawthānī li al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah.
- Dakhil ‘Abd Allah. (2008). *Iqrā’ al-Qur’ān al-Karīm: Manhajuhu wa Shurūtuhu wa Asalibuhu wa Ādābuhu*. Arab Saudi: Markaz al-Dirāsāt wa al-Ma’lūmāt al-Qur’āniyyah.
- al-Dhahabī. (1995). *Ma’rifah al-Qurrā’ al-Kibār ‘ala Ṭabaqāt wa al-Āṣār*. Kaherah: Markaz al-Buhūth al-Islamiyyah.
- Fadzil, A. (2018). The Amazing Al-Quran. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Hasan Muṣṭafā. (2008). *Al-Ijāzāt wa al-Asānīd al-Qur’āniyyah: Su’āl wa Jawāb*. Mesir: Dār Āli Yāsir.
- Hasbie al-Shiddique, Khairul Anuar, Samer Najeh. (2019). Talaqqi Al-Quran Bersanad: Satu Tinjauan Di Pusat Pengajian Al-Quran. Jurnal Qiraat Vol 2.
- Hazim, W. M. (2012). Al-Quran dan Talaqqi Mushafahah. Kuala Terengganu: Makalah Dakwah Masjid Abidin.
- al-Jazarī, I. (2002). *Tayyiba al-Nashr fī Qira’āt al-‘Ashr*. Kaherah: Makatabat al-Sunna.
- Kamus Dewan. (2015). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Majidī. (2000). *Talaqqi al-Nabī SAW Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*. Beirut: Muassasa al-Risāla.
- Muhammad ‘Abd al-Laṭīf. (1983). *Adab al-Ijāzāt ‘ind ‘Ulama’ al-Muslimīn*. Majallah Thaqafiyah, Majallah al-Faiṣal al-‘Adad 79 (hlm. 67-72). Riyad: Markaz al-Malik Faiṣal.
- al-Nasafī. (2011). *Madārik al-Tanzīl wa Haqaīq al-Ta’wil*. Beirut: Dar Ibn Kathīr.
- Norazman Alias, Khairul Anuar Mohamad, Zulhilmi, M., & Nor Hazirah, M. (2018). Sanad Qiraat Dan Hadis: Analisa Terhadap Proses Pengijazahan. Journal of Ma’alim al-Quran wa al-Sunnah.
- Qutb, S. (2008). *Fī Zilal al-Qur’ān*. Mesir: Dar al-Shuruq.

- Redha, M., Zaidar, F. & Alias, N. (2020). Relevansi Pewarisan Sanad Talaqqi Al-Quran. *Jurnal al-Turath*. 5(1). <http://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/article/view/108>
- Said, K. & Adam, J. (2011). Corak Tariq Sanad Pengajian Al-Quran Di Negeri Pahang. *International Journal on Quranic Research*. 1(1). <https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/5283/3078>
- al-Sayyid Ah̄mad. (2005). *Asan̄id al-Qurra' al-'Asharah Waruwātihim al-Bararab*. Riyād: Al-Jam'iyyah al-Khairiyah li Tahfīz al-Qur'ān al-Karīm.
- al-Sayyid Ah̄mad. (2013). *Āfatu 'Uluwi al-Asan̄id*.
- Sayyidi, M. (2004). *Al-Isnād 'inda 'Ulamā' al-Qirā'āt*. Madinah al-Munawwarah: Majalla al-Jāmi'a al-Islamīyya.
- al-Suyūtī. (2008). *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Zaidar, F. (2014). Faktor-faktor Dorongan Aplikasi Talaqqi Bersanad (TB) Dan Keperluannya Dalam Pengajian Hadis Di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Zainuddin, K., Zainuddin, N. & Mohd Isa, M. F. (2010). Kamus Pelajar. Negeri Sembilan: Al-Azhar Media Enterprise.
- al-Zarqānī. (2001). *Mañāhil al-Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Hadīth.

BAB 8

PERBANDINGAN KANDUNGAN KITAB RIWAYAT ANTARA *AL-SIRR AL-MASUN FI RIWAYAT QALUNDAN* *AL-JISR AL-MA'MUN ILA RIWAYAT QALUN*

Mahmud Lutfi Abd Hadi¹, Ahmad Shahir Masdan¹, Shaharuddin Pangilun¹
& Ahmad Syahir Ahamad Nzly¹

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

Pendahuluan

Ilmu Qiraat adalah suatu ilmu yang dengannya diketahui cara-cara menuturkan kalimah-kalimah Quraniyyah, mengetahu cara-cara *ada'*nya sama ada yang *ittifaq* atau *khilaf* serta menyandarkan setiap wajah itu kepada yang membacanya (Abdul Fattah al-Qadi, 1955). Dalam mendalami ilmu qiraat setiap bacaan imam dan rawi diteliti satu persatu. Bacaan yang dinisbahkan kepada seorang imam dalam kalangan imam Qiraat `Asyarah yang disepakati oleh para perawi imam dinamakan qiraat, manakala bacaan yang dinisbahkan kepada rawi imam adalah riwayat (Abdul Fattah al-Qadi, 1955).

Dalam kitab-kitab ilmu qiraat, kategori perbahasannya juga adalah pelbagai. Ianya dapat dibahagikan kepada beberapa kategori kecil seperti kitab-kitab yang menyentuh keseluruhan bacaan imam-imam qiraat (sama ada mensyarahkan matan qiraat atau tidak) seperti al-Wafi fi Syarh al-Syatibiyyah fi al-Qiraat al-Asyr (Abdul Fattah al-Qadi, 1992M), al-Taysir fi al-Qiraat al-Sab (Al-Dani, 1996) dan al-Muhadhdhab fi al-Qiraat al-`Asyr (Muhammad al-Muhaisin, 1997).

Selain itu, terdapat kitab-kitab yang ditulis menerangkan qiraat atau riwayat tertentu sahaja seperti Mursyid al-A'izzah ila Syarh Risalah Hamzah (Mahmud Hafiz, 1964) yang menerangkan qiraat Hamzah dan al-Thamar al-Yani^c fi Riwayat Warsy an Nafi (Tawfiq Ibrahim, 2009) yang hanya menerangkan bacaan riwayat Warsy. Terdapat juga kitab yang ditulis menyatakan perbandingan antara qiraat atau riwayat. Kitab yang akan diketengahkan oleh penulis ialah dua kitab yang mengkhususkan riwayat Qalun iaitu al-Sirr al-Masun fi Riwayat Qalun dan al-Jisr al-Ma'muni Ilia Riwayat Qalun. Penulis akan membuat analisa kandungan yang terdapat dalam kedua-dua kitab ini.

Pengenalan Ringkas Imam Dan Perawi

Nafi al-Madani

Beliau ialah Nafi bin `Abd al-Rahman bin Abi Nu`aim, berasal daripada Asbahan. *Kunya* beliau ialah Abu Ruwaim (al-Dani, 1996). Lahir pada tahun 70H dan meninggal di Madinah pada tahun 169H. Telah talaqqi qiraat daripada 70 orang tabiin antaranya Abu Jaafar, Syaibah bin Nasah, Muslim bin Jundab, Yazid bin Ruman dan Muhammad bin Muslim bin Syihab al-Zuhri. Beliau dalam kalangan qurra pada tabaqat keempat (al-Dhahabi, 1997). Perawi beliau yang masyhur ialah Qalun dan Warsy, kedua-duanya mengambil bacaan secara musyafahah.

Qalun

Beliau ialah Isa bin Mina al-Madani al-Zuraqi. *Kunya*nya ialah Abu Musa dan *laqab* beliau ialah Qalun. Diriwayatkan bahawa gurunya (Nafi al-Madani) yang menggelarkan beliau dengan gelaran Qalun kerana kebagusan bacaannya. Qalun dalam bahasa Rum ialah “bagus” (al-Dani, 1996). Beliau dilahirkan pada tahun 120H dan meninggal pada tahun 220H semasa pemerintahan khalifah al-Makmun. Beliau ada seorang yang tidak boleh mendengar. Akan tetapi apabila dibacakan al-Quran beliau dapat mendengarnya serta membetulkan bacaan yang didengarnya (Khair al-Din Khaujah, 2012). Qalun adalah dalam kalangan qurra tabaqat kelima (al-Zahabi, 1997).

Warsy

Beliau ialah Abu Said, Uthman bin Abdullah bin Amr bin Sulaiman Ibrahim. Berbangsa Qibti dan merupakan sosok yang masyhur di Mesir. Terdapat perselisihan pada tahun kelahirannya, dan pendapat yang paling kuat ialah pada 111H. Meninggal di Mesir pada 197H semasa pemerintahan khalifah al-Makmun (Khamis, 2004). Menjadi tonggak ilmu qiraat di Mesir pada zamannya, mempunyai keterampilan dalam ulum arabiyyah dan Tajwid. Dikatakan bahawa beliau membaca dengan gurunya, Nafi^c empat kali khatam dalam satu bulan dan kemudiannya kembali ke Mesir (Abdul Fattah al-Qadi, 1998). Warsy merupakan seorang daripada qurra tabaqat kelima (al-Zahabi, 1997).

Pengenalan Ringkas Pengarang Kitab Pertama (*Al-Sirr al-Masun fi Riwayat Qalun*)

Pengarang ialah Fadhilah al-‘Alim al-‘Allamah wa al-Bahr al-Fahhamah al-Syaikh ‘Abd al-Fattah bin Abd al-Ghani bin Muhammad al-Qadi. Dilahirkan di kota Damanhur, muhafazah al-Buhairah Republik Arab Mesir pada 25 Syaaban 1325H, bersamaan 14 Oktober 1907 masihi. Beliau membesar di negeri kelahirannya, menghafal al-Quran, talaqqi ilmu Qiraat dan Tajwid kepada pemuka-pemuka qurra pada zamannya di Iskandariyyah dan Kaherah (Khair al-Din, 2012).

Di antara guru-guru beliau ialah al-Syaikh Ali Iyadah yang beliau menghafal al-Quran melaluiinya, Syeikh Mahmud Muhammad al-Ghazzal, Syaikh Mahmud Muhammad Nasr al-Din yang kedua-duanya itu merupakan guru al-Quran dan Qiraat al-‘Asyarah, Syeikh Hammam bin Qutb bin ‘Abd al-Hadi, Syeikh Muhammad Subhi, Syeikh Mahmud ‘Abd al-Daim, seorang Syeikh al-Azhar iaitu Syeikh Mahmud Syaltut, Duktur Abdulah al-Darras, Syeikh Yusuf al-Dijwi, Syeikh Ahmad Makki, Syeikh Muhammad al-al-Khadar Husain dan banyak lagi.

Beliau telah belajar di Maahad al-Azhar di Iskandariah sehingga memperolehi Syahadah Thanawiyyah. Kemudian beliau telah merantau ke Kaherah dan belajar di peringkat pengajian tinggi di Universiti al-Azhar. Kemudian beliau menyambung dalam al-Takhassus al-Qadim bahagian Tafsir dan Hadis sehingga memperolehi Syahadah Antarabangsa daripada al-Azhar pada tahun 1352H bersamaan 1932 masihi. Syahadah Takhassus Tafsir dan Hadis itu (menyamai darjah kedoktoran ketika ini), beliau memperolehi nya pada tahun 1355H bersamaan 1935 masihi.

Keperibadian Syeikh Abd Fattah al-Qadi adalah istimewa. Beliau dikatakan menjadi tanda kebesaran Allah pada kecerdikan, kecantikan uslub bahasa, penyampaiannya yang mengesankan, nyata kealiman pada ilmu-ilmu naqliah dan aqliah dalam bidang qiraat dan ulum al-Quran, fikah dan usulnya, tafsir dan hadis serta lain-lain ilmu yang dipelajarinya. Beliau apabila berkata-kata, jelas apa kandungan yang diucapkannya. Telah mengajar ribuan manusia kerana telah lama tempoh mengajar di al-Azhar dan Universiti Islam di Madinah al-Munawwarah. Salah seorang daripada

anak murid beliau berkata bahawa karangan beliau mencapai sehingga 25 buah kitab. Ianya mencakupi ilmu dalam bidang ulum al-Quran, ilmu qiraat dan karangan ilmu syar`iyah.

Pengenalan Ringkas Pengarang Kitab Kedua **(*Al-Jisr al-Ma'mun ila Riwayat Qalun*)**

Beliau ialah Syeikh Dr. Taufiq Ibrahim Damrah berasal daripada Amman di Jordan. Dilahirkan di Amman pada 1 Februari 1963. Pendidikan peringkat sarjana muda beliau adalah dalam Kuliah Dakwah dan Usuluddin dengan mendapat pangkat *imtiyaz*. Dalam peringkat master, beliau masih dalam kuliah yang sama dengan pengkhususan Fiqh dan Usul al-Fiqh dengan mendapat pangkat *Jayyid Jiddan*. (Temubual Tawfiq, 2023).

Beliau merupakan Imam dan Khatib di Masjid Khalid bin al-Walid di Amman. Pada masa yang sama juga beliau mengajar tilawah dan Tajwid di masjid itu dan beberapa masjid lain antaranya Masjid al-Husaini al-Kabir dan Masjid al-Syahid al-Malik Abdullah bin al-Husain. Beliau juga merupakan anggota Lajnah Al-Fahs Li Daur Al-Quran Al-Karim dan anggota Lajnah al-Musabaqah al-Hasyimiyyah peringkat kebangsaan (Temubual Tawfiq, 2023).

Syeikh Taufiq Ibrahim Damrah dahulunya sering melazimi Syeikh Bakri bin al-Syeikh Abd Majid bin Bakri al-Tarabishi al-Dimasyqi. Pada umurnya 12 tahun, ayah beliau telah membawanya untuk belajar dengan Syeikh Abd al-Wahhab Dabs untuk belajar al-Quran dan Tajwid. Dengannya, Syeikh Taufiq membaca surah al-Fatihah, al-Falaq dan al-Nas dalam masa 15 hari. Syeikh Bakri tegas dalam pengajarannya, beliau amat mengambil penting makraj-makhraj huruf dan kualiti bacaan, sehingga merasa berat oleh Syeikh Taufiq dan beliau meninggalkan talaqqinya. Kemudian ayah beliau membawanya kepada syeikh `Izz al-Din al-`Arqasusi. Di sini, beliau sentiasa diberi semangat untuk menghafal al-Quran sehingga beliau dapat menghafalnya pada usia 15 tahun. (Al-Arab, 2016).

Selepas itu Syeikh Taufiq belajar dengan Syeikh Abd al-Qadir al-Sabbagh yang merupakan imam di Masjid Umawi. Syeikh Taufiq juga belajar dengan Syeikh al-Qurra' Syam, Syeikh Ahmad al-Hulwani al-Kabir, dan kemudian beliau bertalaqqi pula dengan syeikh Muhammad Salim al-Hulwani, dan dengan beliaulah beliau membaca *Qiraat Sab`ah al-Syatibiyah* dan memperolehi ijazahnya pada tahun 1942. (Al-arab, 2016).

Syeikh Taufiq Ibrahim Damrah sehingga hari ini adalah sihat dan amat aktif dalam menghidup dan menyebarkan ilmu Qiraat. Sosok beliau dapat dilihat dalam klip-klip video pembacaan dan talaqqi al-Quran, syarahan dan perbahasan ilmu Qiraat di internet seperti youtube dan facebook. Manakala karangan-karangan beliau pula, dapat dilihat dan dimuat turun daripada banyak laman di internet. Karangan beliau adalah banyak, antaranya ialah *al-Arba`un fi Fadli al-Quran al-Karim wa Ahlibi*, *Tashil al-Amr ila Qiraati Abi `Amr al-Basri*, *Sab` Rasail fi al-Qiraat*, *Nazm al-Juman fi Qiraati A`masy Bin Mahran*, *Fath al-Muhaimin fi Qiraati Ibn Muhaisin*, *al-Thamar al-Yani` fi Riwayat Wary `An Nafi`* dan berbagai judul lagi.

Ciri-ciri Kitab Pertama **(*Al-Sirr al-Masun fi Riwayat Qalun*)**

1. Kitab *al-Sirr al-Masun fi Riwayat Qalun* ini merupakan antara kitab karangan Syeikh Abdul Fattah al-Qadi. Kitab yang ada dalam tangan penulis ini telah dicetak oleh al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, merupakan cetakan yang pertamanya iaitu tahun 1999 bersamaan 1420H.

2. Kitab ini mempunyai 40 halaman tidak termasuk kulit. Ianya disyarahkan dengan ringkas sahaja sepertimana yang disebutkan pada muqaddimahnya bahawa penulis menyusunnya dengan ibarah-ibarah yang mudah dan tidak disyarah dengan syarah yang panjang.

Kata pengarang:

"هذا شرح وجيزة لنظمى رواية قالون المسمى السر المصنون فى رواية قالون عمدت فيه إلى سهولة العبارة
وسلامة التركيب والبعد عن الحشو والفضول".

3. Walaupun pengarang mengatakan kitab ini disyarah dengan syarah yang mudah, ianya tidak bermakna terlalu ringkas sehingga apa yang disyarahkan tidak dihuraikan dengan jelas. Bahkan Syeikh Abd Fattah ada kalanya turut menjelaskan dengan terperinci makna kalimah-kalimah yang ada dalam matan dengan menambah "faidah" atau "khulasah" dan seumpamanya.

Contohnya pengarang menjelaskan dengan terperinci dalam bab Muqaddimah:

كتابه وبالرسول خصنا	الحمد لله الذي أورثنا
وآله ومن لدینه انتمى	صلى الله عليه وسلم

Dalam bait-bait matan di atas, pengarang telah menjelaskan apakah dia makna "al-hamd", "awrathana", "wa bi al-rasul khassana", "ali" dan "wa man ladaibi intama" dengan satu persatu, dengan katanya:

"الحمد لله معناه الثناء على الله تعالى على جهة التعظيم والتبجيل. وأورثنا: أعطانا من التوريث وهو الإعطاء".

Contoh "faidah" pula ialah seperti dalam bab *Hukm Mim Jam*, selepas beliau menyebutkan matan dan syarah, beliau menyebutkan keadaan dan wajah-wajah yang ada seraya mengatakan:

"فائدة إذا اجتمع في آية مد منفصل وميم جمع يكون فيها أربعة أوجه سواء تقدم المنفصل على ميم الجمع
أم تأخر عنها ...".

Contoh "khulasah" pula seperti dalam bab *al-Hamzatan Min Kalimatain*, pada bicara kalimah بالسوء إلا , seraya mengatakan:

"والخلاصة أن مذهب قالون في الممزيتين المتلاصقتين الواقعتين في الكلمتين المتفقين في الحركة إسقاط الأولى منها إن كانتا مفتوحتين وتسهيل الأولى إن كانتا مكسورتين أو مضمومتين وله في قوله تعالى (بالسوء إلا وجهان".

Adakalanya beliau menjelaskan maksud beliau dalam matan seperti berikut:

"وقيدت هذه الكلمات بوقوع لفظ (فيها) بعدها احترازا عن التي لم تقع بعدها (فيها) وهي في ثلاثة مواضع: الأولى (وما كان لي عليكم من سلطان) بإبراهيم، والثانى (ولى نعجة واحدة) والثالث (ما كان لي من علم بالملأ الأعلى) كلامها بصاد فإن قالون يوافق ورشا في قراءتها في هذه الموضع بإسكان الياء".

4. Setelah dimulakan dengan *basmalah*, *hamdalah*, selawat dan doa buat baginda Rasulullah s.a.w, keluarga dan para sahabat baginda Syeikh Abdul Fattah al-Qadi mengatakan bahawa beliau menulis dalam kitab ini berdasarkan *Hirz al-Amani a Wajh al-Tabani*, iaitu diambil daripada *al-Qasidah al-Lamiah* ataupun lebih dikenali dengan matan *al-Syatibiyah*. Bermakna perbahasan ini terhad dalam ruang lingkup perbezaan antara Qalun dan Warsy dalam *tariq al-Syatibi* sahaja.

Beliau mangatakan:

وهاك ما قالون فيه خالفا ورشا من الحرز ودع ما ائتلغا

5. Dalam senarai isi kandungan, dalam kitab yang membicarakan ketidakmuafakatan antara Qalun dengan Warsy ini, ianya hanya mengandungi 12 bab sahaja, merangkumi Muqaddimah, 10 bab *usul* dan satu bab *fary al-huruf*, sedangkan bilangan tajuk-tajuk yang ada dalam matan *Hirz al-Amani* adalah sebanyak 76 bab (merangkumi 28 bab dalam *usul* dan 48 bab *fary al-huruf*, sehingga bab *Makharrij al-Huruf wa Sifatihā allati Yabtaj al-Qari Ilaiha*).

Bab-bab yang terdapat dalam kitab ini:

- a. *Muqaddimah*
- b. *Hukm Ma Baina al-Suratain*
- c. *Hukm Mim al-Jam*
- d. *Ha al-Kinayah wa al-Mad wa al-Qasr* (gabungan 2 tajuk bab)
- e. *Al-Hamzatan Min Kalimah*
- f. *Al-Hamzatan Min Kalimatain*
- g. *Al-Hamzah al-Mufrad*
- h. *Al-Naql*
- i. *Al-Izhar wa al-Idgham wa al-Fath wa al-Imalah wa al-Ra wa al-Lam* (gabungan 3 tajuk bab)
- j. *Yaat al-Idafah*
- k. *Yaat al-Zavaidah*
- l. *Fary al-Huruf* (surah-surah yang terlibat).

6. Dalam kitab ini, ianya mensyarahkan matan *al-Sirr al-Masun Fi Riwayat Qalun* yang bilangannya adalah 40 bait. Bilangan matan yang sedikit ini adalah kerana ketidakmuafakatan antara Qalun dan Warsy adalah beberapa bab sahaja dalam usul, dan beberapa kalimah sahaja dalam *farsy al-huruf*.

Perkara-perkara yang tidak dimuafakati antara kedua perawi dalam *usul al-qiraat* adalah sebagaimana yang telah disebutkan di atas, manakala dalam *farsy al-huruf* pula, antaranya adalah seperti berikut:

- a. Perbicaraan pada *harakat* kalimah و هو , و هى , ف ه و , ف ه ي , ه و , ه ي , ثم هو
 - b. Baacaan *kasrah* pada kalimah بيوت , البيوت .
 - c. Bacaan *sukun* dan *ikhtilas* pada kalimah “نعم“ dalam surah al-Baqarah dan al-Nisa.
 - d. Bacaan *sukun* dan *ikhtilas* pada kalimah ”يخصمون“ dalam surah Yasin.
 - e. Bacaan *sukun* dan *ikhtilas* pada kalimah ”لا تدعوا في السبت“ dalam surah al-Nisa.
 - f. Bacaan *sukun* dan *ikhtilas* pada kalimah ”يهدى“ dalam surah Yunus a.s.
7. Dalam bab-bab dalam kitab ini, matan paling sedikit ialah 1 bait (bab *Hukm Mim al-Jam*) dan paling banyak ialah 10 bait (*farsy al-huruf*).
8. Akhir syarah ini diakhiri dengan doa, memohon kepada Allah mudah-mudahan keampunan dan pertolongan di dunia dan akhirat dengan kata al-Syeikh:

”وأَسْأَلُ اللَّهَ عَظِيمَ الْمَغْفِرَةِ وَالنَّصْرِ فِي الدُّنْيَا وَفُوزِ الْآخِرَةِ“

CIRI-CIRI KITAB KEDUA (*Al-Jisr al-Ma'muni la Riwayat Qalun*)

Kitab yang berada pada penulis ialah kitab berformat pdf yang disalin daripada cetakan pertama pada tahun 2015 bersamaa 1436H terbitan kerajaan negara Jordan, *al-Mamlakah al-Urduniyyah al-Hasyimiyyah*. Ianya bernombor (1797/7/2006) dalam rekod al-Maktabah al-Wataniyyah. Mempunyai 264 muka surat tidak termasuk kulit. Walaupun *tariq* yang digunakan dalam kitab ini ialah *tariq al-Syatibiyah*, pengarang melengkapkan kitab ini dengan riwayat Qalun dalam *tariq Tayyibah*.

Kandungan Kitab

Pengarang telah meletakkan sebanyak 75 tajuk dalam kitab ini. Secara mudahnya penulis membahagikannya kepada beberapa bahagian iaitu Kata-kata aluan, Muqaddimah, Biodata, Usul Riwayat Qalun, 114 Surah al-Quran, Riwayat Qalun *min al-Tayyibah, al-Farq Baina al-'Addi al-Kufi wa al-'Addi al-Madani al-Arwah, Tafarrudat Qalun, Khatimah, Fibris al-Maraji'* dan *Fibris al-Muhtawiyat*.

Dalam kata-kata aluan, kitab ini telah mencatatkan kata-kata 3 orang tokoh iaitu Syeikh Bakri al-Tarabisyi, Syeikh Muhammad Abd Hamid dan Syeikh Ali al-Nahhas. Ketiga-kita tokoh ini merupakan guru-guru yang telah bertalaqqi Syeikh Tawfiq Ibrahim Damrah kepada mereka. Dalam

muqaddimah, pengarang memuji Allah dan berselawat kepada baginda Rasulullah sallallah alaihi wasallam serta menyatakan kandungan kitab ini yang berupa syarah yang sederhana dan menerangkan beberapa perkara dalam berkaitan metod penulisannya. Beliau menyatakan bahawa kita ini mengandungi usul riwayat Qalun, *farsy al-kalimah* yang dibandingkan dengan riwayat Hafs mengikut *tariq al-Syatibiyah* dan kemudiannya meletakkan perbezaan antara *tariq al-Syatibiyah* dengan *tariq al-Tayyibah*. Biodata imam Nafi' dan perawinya, Qalun dicatat dengan ringkas dalam 4 muka surat.

Setelah itu kitab ini diteruskan dengan perbincangan *usul al-qiraat* bagi riwayat Qalun. Dalam tajuk ini, 11 bab sahaja yang berkaitan dengan Qalun diterangkan iaitu *al-Basmalah*, *al-Mad wa al-Qasr*, *Ha al-Kinayah*, *al-Hamz al-Mufrad*, *al-Hamzatan Min Kalimah*, *al-Hamzatan Min Kalimatain*, *al-Idgham*, *al-Sakt wa al-Idraj*, *al-Taqlil wa al-Imalah*, *Ya`at al-Idafah* dan *Ya`at al-Zawaiid*. Dalam tajuk ini pengarang tidak hanya menerangkan usul riwayat sahaja, bahkan menyertakan *matan al-Syatibiyah* beserta nombor dan kitab rujukan beliau yang diletakkan pada nota kaki.

Contoh, dalam muka surat 17, bab *al-Basmalah*:

البِسْمِلَةُ :

قرأ بإثبات البسمة بين السورتين.

وبسم بين السورتين بسنة رجال نوها درية وتحملا (١)

(١) الحز الأمانى للشاطىء بيت رقم ١٠٠ ، الوافى للقاضى ص ٣٧ .

Contoh dalam bab *al-Mad wa al-Qasr*:

المد والقصر :

١ - له في المد المتصل التوسط (٤ حركات)

إذا ألف أو ياؤها بعد كسرة أو الواو عن ضم لقي الهمز طولا (٣)

(٢) حز الأمانى للشاطىء بيت رقم ١٦٩ ، سراج القارى لابن القاصح ص ٥٠ .

Akan tetapi, pada beberapa tempat yang lain pengarang tidak menyertakan matan dan rujukan seperti yang disebutkan sebelum ini. Contohnya dalam bab *al-Hamz al-Mufrad* (pengarang membahagikan bab ini kepada 4 bahagian iaitu *al-Ibdal*, *al-Hadhf*, *al-Hamz al-Naql* dan *al-Tashih*), pengarang tidak menyertakan matan ketika menerangkan *al-Ibdal* “dua hamzah dalam dua kalimah” (*al-Hamzatan min Kalimatain*) yang diibdalkan kepada huruf wau (و) seperti kalimah (السفهاء ولا) (ألا) akan dibaca (السفهاء ولا) (ورعيا) dalam surah Maryam ayat 74 yang dibaca dengan (وريما). Kedua-dua contoh ini mempunyai matan khusus dalam *al-Syatibiyah*.

Setelah selesai menerangkan usul riwayat Qalun, pengarang melanjutkan penerangannya dengan masuk kepada 114 surah (daripada al-Fatihah sehingga al-Nas). Dalam penerangan surah-surah ini pengarang menyenaraikan semua 114 surah walaupun surah yang tidak terdapat khilaf di dalamnya. Sekiranya terdapat khilaf, pengarang akan meletakkannya dalam jadual berkotak,

menerangkan perbezaan, meletakkan nombor ayat dan membandingkannya dengan riwayat Hafs an Asim, dan sekiranya tiada khilaf pengarang akan menyatakan *la khilafa fiha* (لا خلاف فيها) seperti yang terdapat dalam surah al-Lail, al-Dhuha dan al-Syarth. Ianya seperti berikut:

Contoh surah yang mempunyai khilaf:

(٨٩) سورة الفجر

رواية قالون	البيان	رواية حفص	الآية
يسـرـ	بالياء وصلا	يسـرـ	4
ربـيـ	فتح الياء	ربـيـ	15

Contoh surah yang tidak mempunyai khilaf:

(٩٢) سورة الليل

لا خلاف فيها

(٩٣) سورة الضحى

لا خلاف فيها

(٩٤) سورة الشرح

لا خلاف فيها

Setelah selesai menyenaraikan khilaf dalam surah-surah al-Quran, pengarang masuk pula kepada menerangkan riwayat Qalun dalam *tariq Tayyibah*. Dalam bab ini diterangkan bahawa *matan al-Hirz al-Amani* merupakan suatu matan yang masyhur dalam kalangan penuntut ilmu Islam sehingga tidak mengetahui bahawa ada *tariq* lain selain *tariq al-Syatibiyah*. Pengarang juga menerangkan bahawa dalam matan kitab *al-Nasyr fi al-Qiraat* imam Ibnu al-Jazari telah mengumpulkan sebanyak 58 kitab yang menyenaraikan *tariq* Imam Qiraat Sepuluh berserta para perawinya sehingga mencecah 980 *tariq*. *Tariq* bagi Qalun sahaja adalah sebanyak 83 *tariq*. Pengarang menyertakan rajah dan senarai kitab yang Ibnu al-Jazari mengambil *tariq* riwayat Qalun daripadanya.

Tajuk seterusnya ialah berbezaan bilangan ayat dengan dituliskan tajuknya ‘*Bayan Ma Ikhlafa Fibi Min Iddi al-Ayat*’. Dalam tajuk ini diterangkan mengenai bilangan Kufi dan al-Madani al-Thani, serta siapakah yang berpegang dengan bilangan tersebut. Faedah daripada mengetahui bilangan ayat juga disertakan pengarang. Beliau hanya menyatakan di sini 2 faedah sahaja iaitu supaya dapat diketahui *ra’s al-ayat* (akhir ayat) yang merupakan suatu sunnah berhenti padanya, dan supaya dikatahui tempat-tempat yang diwaqafkan dengan bacaan *taqlil* pada *ra’s al-ayat* (akhir ayat). Di sini juga pengarang menyertakan jadual senarai ayat yang terdapat khilaf pada pengiraannya sebagai *ra’s al-ayat*. Pengarang menuliskan ayat-ayat serta surah dalam al-Quran. Sekiranya tidak terdapat khilaf dalam surah tersebut maka akan dituliskan “*la khilafa fiha*” dalam jadual tersebut.

Seterusnya, pengarang melanjutkan dengan bab *Tafarrudat al-Imam al-Nafi al-Madani Aw Riwayat Qalun*. Dalam tajuk ini disenaraikan bacaan qiraat yang tersendiri dalam qiraat Nafi (merangkumi Qalun dan Warsy) atau yang tersendiri pada riwayat Qalun. Ianya diterangkan dalam jadual berkotak.

Contoh:

البيان	الكلمة	الآية	السورة
نافع: بالهمز عدا (لنبي إن) [الأحزاب: ٥٠]، (لنبي إلا) [الأحزاب ٥١]، لقالون وصلا والباقيون بلا همز	باب النبي وجميع ما ورد منها		حيث ورد
نافع: ضم اللام، والباقيون بالفتح	يقول	214	البقرة

Semua perkataan yang terlibat disenaraikan oleh pengarang, ianya berjumlah 34 sahaja dan berakhir pada surah al-Ghasyiah.

Khatimah kitab ini adalah kata-kata daripada al-Syaikh al-Tabib Said Salih Za'imah yang merupakan guru kepada Syeikh Ahmad Muhammad Abd al-Aziz yang merupakan guru kepada pengarang, Syeikh Tawfiq Ibrahim Damrah. Kemudian pengarang meletakkan senarai rujukan dan diakhiri kitab ini dengan senarai kandungan.

Penutup

Kedua-dua kitab yang diketengahkan oleh penulis ini adalah antara kepelbagaiannya dalam ilmu qiraat. Kedua-dua kitab itu berbeza dalam membandingkan riwayat (Qalun dengan Warsy dan Qalun dengan Hafs) dan faedahnya ialah pembaca akan mendapat lebih maklumat, tidak hanya mengetahui riwayat Qalun sahaja bahkan mengetahui riwayat Warsy dan Hafs.

Cara penerangan dalam kedua-dua kitab juga adalah berbeza. Dalam kitab yang pertama, penerangan pengarangnya disertakan dengan matan-matan khusus yang menunjukkan bacaan riwayat Qalun dan kemudiannya disyarah dengan syarah yang sederhana seperti kitab-kitab lain. Dalam kitab kedua, ianya tiada matan yang khusus, dan pengarang menerangkan dengan penerangan yang sederhana serta melengkapannya dengan rajah dan jadual. Di dalamnya juga disertakan perbezaan tariq, perbezaan bilangan ayat dan sebagainya lagi seperti yang disebut diatas untuk melengkapkan pengetahuan pembacanya.

Pembaca boleh menjadikan kedua-dua buku ini sebagai pemula untuk mendekatkan diri dengan bacaan riwayat Qalun. Semoga kedua-dua kitab ini dimanfaatkan oleh orang yang belajar, orang yang mengasihi al-Quran, dan umumnya kepada semua umat Islam. Sumbangan pengarang kedua-dua kitab ini tinggi nilainya semoga Allah mengasihi mereka dan menerima amal mereka berdua sebagai amalan yang terpuji.

Rujukan

^cAbd al-Fattah al-Qadi, *Al-Budur al-Zahirah* (1955), Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi wa Awladuh Mesir.

^cAbd al-Fattah al-Qadi (1992), *al-Wafi fi Syarb al-Syatibiyah fi al-qiraat al-Sabt*, Maktabah Sawadi li al-Tawzi^c.

Islam bin Isa, Al-Arbaun al-Tawfiqiyyah fi Fadl al-Quran wa Ahlihi, Matba`ah al-Zahra, Amman Jordan.

Khair al-Din Khaujah (2012), *Juhud al-Syaikh `Abd al-Fattah al-Qadi al-Azhari fi Khidmat al-Dirasat al-Quraniyyah wa al-Dif` an al-Qiraat Didda Mata'in al-Musytayriqin*.

Mahmud Hafiz Baraniq & Muhammad Sulaiman Salih (1964) *Mursyid al-Az Zahab Ila Syarb Risalati Hamzah*. Maktabah al-Kaherah.

Muhammad bin Ahmad bin `Uthman al-Dhahabi, Tabaqat al-Qurra, Markaz AL-Malik Faisal li al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah, cet. Pertama jil.1, hlmn. 104.

Muhammad bin Ahmad bin `Uthman al-Dhahabi (1997), *Tabaqat al-Qurra*, Markaz AL-Malik Faisal li al-Buhuth wa al-Dirasat al-Islamiyyah.

Muhammad bin Muhamad bin Muhammad bin Salim Muhaisin (1997) *al-Muhadhab fi al-Qiraat al-Asyr*, al-Maktabah al-Azhar li al-Turath.

Tawfiq Ibrahim Damrah (2015), *al-Jisr al-Ma`mun Ila Riqyat Qalun*, al-Maktabah al-Wataniyyah.

Tawfiq Ibrahim Damrah (2009), *al-Thamar al-Yani fi Riwayat Wary `an Naft*, Dar al-Ammar Jordan & Dar al-Sahabah.

BAB 9

ANALISIS PENDAPAT ULAMA BERKENAAN ADAB DAN HUKUM KE ATAS POTONGAN AYAT AL-QURAN DI LEMBARAN KERTAS, SATU SOROTAN AWAL

Muhammad Izzat Ngah¹, Mohd Mahfuz Jaafar¹, Mahmud Lutfi Abd. Hadi¹
& Sharifah Noorhidayah Syed Aziz¹

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

Pendahuluan

Al-Quran adalah kalam Allah yang azali, diturunkan secara mutawatir kepada Nabi Muhammad s.a.w. dengan perantaraan Jibril a.s. yang dapat melemahkan musuh-musuh Islam dan dikira ibadah bagi sesiapa yang membacanya. Ia merupakan wahyu daripada Allah s.w.t. sebagai panduan dan ikutan kepada semua ummat manusia dan ia berfungsi sebagai mukjizat. Dan akan sentiasa terjamin kekal hingga hari akhirat. Sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah al-Hijr ayat 9:

(إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ)

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami yang menurunkan al-Quran, dan pasti Kami (pula) yang memeliharanya”.

Al-Quran juga merupakan kalam dan wahyu yang bersifat mutlaq, tidak terbatas kepada sesuatu keadaan dan masa, sesuai dilaksanakan di mana-mana dan dalam apa jua keadaan sehingga hari akhirat. Adalah dikira kafir atau ingkar barangsiapa yang tidak percaya akan isi kandungannya.

Apabila menyebut perkara berkenaan al-Quran, ianya bukan hanya melibatkan hukum pada pembacaannya sahaja bahkan terkait juga hukum berkenaan dengan menyentuh atau membawa mushafnya. Ulama terdahulu telah menyatakan bahawa haram hukumnya menyentuh atau membawa mashaf iaitu sesuatu benda yang tertulis padanya al-Quran bagi mereka yang tidak suci dari dua hadas. Namun bagaimana pula hukumnya ke atas potongan-potongan kertas atau cabisan kertas yang terkoyak yang terdapat pada perkataan-perkataan dari al-Quran.

Kertas kerja ini akan mengemukakan serta menganalisis bagaimanakah pandangan-pandangan ulama berkenaan hukum padanya dan adakah ianya juga wajar dihormati sama seperti mashaf al-Quran.

Adab Dan Hukum Menyentuh Atau Membawa Mushaf Al-Quran

Mushaf merupakan perkataan dalam bahasa arab bermaksud lembaran-lembaran kertas bertulis dengan ayat-ayat al-Quran yang dikumpul atau disatukan menjadi sebuah buku atau kitab. Boleh juga disebut mashaf atau mishaf namun sebutan mushaf al-Quran merupakan sebutan lebih fasih dalam bahasa arab.

Ulama dalam mazhab al-Syafi`iy menyatakan bahawa diharamkan ke atas seseorang menyentuh mushaf al-Quran bagi mereka yang berjunub dan tidak berwuduk. Ianya termasuk setiap benda yang ditulis ke atasnya ayat-ayat al-Quran samada pada lembaran kertas, pada tiang atau pada batu dan tidak termasuk tangkal yang ditulis beberapa potong sahaja ayat al-Quran. Namun sekiranya tangkal itu ditulis dengan keseluruhan al-Quran maka ianya sudah dianggap sebagai mashaf dan bukan lagi tangkal maka hukumnya sama seperti menyentuh mushaf al-Quran.

Ini bermakna seseorang yang ingin menyentuhnya maka wajib suci dari dua hadas (Abi Abd al-Mu`ti Muhammad Nawawi, t.t).

Syaykh Ibrahim al-Bajuri juga menyatakan hukum yang sama pada kitabnya sekalipun dengan berlapik. Dan sekiranya sehelai kertas atau lembaran al-Quran yang terpisah dari mushaf asal, hukumnya tetap sama. Begitu juga hukum membawanya dengan beralaskan benda yang lain kecuali jika berada pada situasi yang sukar. Dan ianya dibahas mendalam pada kitab beliau (Ibrahim Bajuri, t.t).

Pandangan Ulama Berkenaan Adab Dan Hukum Ke Atas Kertas Yang Mengandungi Potongan Ayat Al-Quran.

i) Imam al-Nawawi menyatakan:

وَأَمَّا مَا كُتِبَ عَلَيْهِ شَيْءٌ مِّنَ الْقُرْآنِ لَا لِلِّدِرَاسَةِ كَالدَّرَاهِمِ الْأَحَدِيَّةِ وَالثِّيَابِ وَالْعِمَامَةِ وَالطَّعَامِ وَالْحِيطَانِ وَكُتُبِ الْفِيقَهِ
وَالْأُصُولِ فَلَا يَحْرُمُ مَسْهُهُ وَلَا حَمْلُهُ عَلَى الصَّحِيحِ

Tidak haram menyentuh dan membawa sesuatu yang tertulis padanya ayat al-Quran yang bukan bertujuan untuk belajar, seperti wang logam dirham tertulis ayat , قل هو الله أحد , baju, serban, makanan, dinding, dan kitab-kitab fiqh ataupun usul al-fiqh (Al-Nawawi, t.t).

ii) Syaykh Abu Bakr Uthman Bin Muhammad menyatakan:

قوله: وما كتب لدرس قرآن، خرج ما كتب لغيره كالتمائم، وما على النقد إذ لم يكتب للدراسة، وهو لا يكون قرآنا
إلا بالقصد.

Terkecuali dari (hukum haram) sesuatu yang ditulis ayat al-quran selain tujuan belajar seperti ditangkal dan wang. (Abu Bakr Uthman Bin Muhammad Syatta').

iii) Syaykh Syams al-Din Muhammad bin Ahmad Al-Syarbini menyebut bahawa ayat al-Quran yang ditulis dikertas selain tujuan untuk belajar, tidak perlu berwuduk atau bersuci terlebih dahulu jika ingin menyentuhnya atau membawanya dengan berkata:

أما ما كتب لغير الدراسة كالتميمية، وهي ورقة يكتب فيها شيء من القرآن ويعلق على الرأس مثلاً للتبرك، والثياب
التي يكتب عليها الدرارهم كما سيأتي فلا يحرم مسها ولا حملها.

Adapun ayat al-Quran yang ditulis tanpa ada tujuan untuk pengajaran, seperti untuk tujuan tangkal dan ia ditulis ayat-ayat al-quran dan digantungkan di kepala untuk tujuan tabarruk, atau ayat al-Quran yang ditulis di pakaian, atau ayat al-Quran yang ditulis pada wang (dirham), maka tidak haram hukumnya disentuh atau membawanya (Muhammad Bin Muhammad al-Khatib al-Syarbini, 2000).

- iv) Syaykh Ibn Taymiyyah menyatakan setiap sesuatu yang terdapat padanya ayat al-Quran semata-mata, hukumnya sama seperti hukum bagi mushaf al-Quran. Dan sekiranya terdapat tulisan lain selain al-Quran, maka ianya akan dilihat mana yang lebih banyak. Sekiranya tulisan yang lain itu lebih banya dari ayat-ayat al-Quran maka hukumnya tidak seperti mushaf al-Quran. Maka harus menyentuh kitab-kitab tafsir, hadith, fiqh atau majalah-majalah dan buku-buku yang mengandungi ayat-ayat al-Quran.
- v) Adapun perbahasan tentang menulis ayat-ayat al-Quran pada lembaran atau sebagainya, di dalam kitab al-Majmu` Syarh al-Muhadhdhab oleh Imam al-Nawawi ada menyatakan, jika seseorang menulis ayat-ayat al-Quran sedangkan dalam keadaan berhadas, ianya diharuskan dengan syarat tidak menyentuh atau mengangkat tempat yang ditulis ayat-ayat al-Quran itu (al-Nawawi).
- vi) Hukum berkenaan menyentuh atau memegang telefon bimbit yang dipapar dengan ayat-ayat al-Quran, ulama berpendapat ianya dibolehkan kerana ianya terkeluar dari bentuk mushaf iaitu yang bertulis, kerana ianya bersifat memancar. Hukum ini diambil dari mafhum pendapat-pendapat ulama yang mengharamkan orang yang berhadas dari menyentuh mushaf iaitu ayat al-Quran yang tertulis.
- vii) Adapun di dalam mazhab Maliki, keharusan menyentuh mushaf al-Quran bagi yang berhadas sekali pun berjurus sekiranya mereka berada pada situasi belajar atau menuntut ilmu ataupun terdapat halangan tertentu (Muhammad Bin Ahmad)

Kesimpulan

Setelah penulis mencari dan mengemukakan beberapa pendapat-pendapat dari ulama berkenaan hukum menyentuh atau memegang lembaran atau kertas yang tertulis padanya ayat-ayat al-Quran maka dapat dilihat bahawa jumhur ulama dalam mazhab al-Syafi'i menyatakan hukum berkenaan menyentuh dan memegang mushaf al-Quran pada asalnya wajib suci dari dua hadas. Manakala jika terdapat beberapa potong sahaja ayat-ayat al-Quran, ianya perlu dilihat terlebih dahulu keadaan dan suasanya. Ianya boleh menjadi hukum sebagai harus atau dibolehkan bagi yang berhadas. Sebagai kesimpulan lain, di mana-mana sahaja terdapat tulisan ayat-ayat al-Quran, ianya wajib dihormati agar tidak diletak di tempat yang tidak sepatutnya. Semoga penulisan ini serba sedikit dapat memberi penjelasan dan panduan berkenaan hukum ke atas mushaf al-Quran.

Rujukan

- Pustaka Darul Iman, 2007, al-Quran dan terjemahan,: Majma' al-Malik Fahd Wataniah.
 Hussain Unang, Kamus al-Tullab. 1994. DarulFikir. K.Lumpur.
 Abi `Abd al-Mu`ti Muhammad Nawawi, t.t, *Syarh Kasyiyah al-Saja `Ala Safinah al-Naja*, Surabaya.
 Ibrahim al-Bajuri, t.t, *Hasyiyyah al-Bajuri*, Matba`ah Halabi, Thailand.
 Abu Bakr Uthman Bin Muhammad Syatta', *I'anah al-Talibin*.
Al-Nawawi, Raudah al-Talibin Wa 'Umdah al-Muftin.
 Muhammad Bin Ahmad, *Hasyiyyah al-Dusuqi `Ala Syarb al-Kabir*.
 al-Nawawi, *al-Majmu'*.

BAB 10

METODOLOGI PEMBACAAN AL-QURAN: PENGAMALAN DI MALAYSIA

Muhammad Zaid Shamhul Kamar¹, Mohamad Redha Mohamad¹
& Muhamad Harith Haikal Suhaimi¹

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

Pendahuluan

Al-Quran adalah kitab samawi yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. sebagai panduan hidup umat baginda sepanjang zaman. Kitab al-Quran adalah mukjizat terbesar yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang di dalamnya terkandung segala perkara berkaitan syariat islam (Mohammad Rusdi Ab Majid, 2019). Rasulullah s.a.w. telah menyempurnakan tugas sebagai penyampai risalah Allah s.w.t. dengan mengajarkan al-Quran kepada para sahabat r.a. secara Talaqi dan Musyafahah sehingga mereka mampu menghafal al-Quran seterusnya mengamalkan isi kandungannya di dalam amalan sehari-hari mereka. Ia diturunkan secara mutawatir dan termaktub permulaannya dengan surah al-Fatihah dan disudahi dengan surah al-Nas (Wahbah al-Zuhaili, 1998).

Di dalam al-Quran, terdapat pelbagai ilmu yang boleh disyarahkan untuk membantu manusia mempraktikkan al-Quran. Antara ilmu yang penting adalah ilmu kaedah pembacaan al-Quran yang betul atau dipanggil sebagai ilmu Tajwid. Kepentingan mempelajari ilmu tajwid ini sangat dititikberatkan oleh ulama sehingga dibahaskan terdapat hukum-hukum yang khusus untuk mempelajari ilmu tajwid serta mengamalkannya. Selain itu, terdapat juga beberapa kaedah awal untuk mempraktikkan ilmu Tajwid ini yang diamalkan di Malaysia.

Pengenalan Ilmu Tajwid

Tajwid dari segi bahasa bermaksud mengelokkan dan mencantikkan. Maksud tajwid dari segi istilah pula ialah menyebut huruf-huruf hijaiyah dengan betul beserta lafaz yang jelas. Sesetengah ulama mentakrifkan tajwid ialah menunaikan hak huruf yang sepatutnya bagi sesuatu huruf Al-Quran, seperti menunaikan apa yang sepatutnya bagi makhray sesuatu huruf, sifat-sifatnya, dengungnya, panjangnya, tebal atau nipisnya sebutan sesuatu huruf dan lain-lain hukum ilmu tajwid. (Ishak Abbas, 1985 dan Abdullah al-Qari, 1986). Imam Ibn al-Jazari (t.t) ketika memberi maksud kepada ilmu tajwid, beliau mengatakan: “*tajwid ialah memberi kepada huruf haqnya iaitu sifatnya dan mustahaqnya iaitu penyebutnya yang sama dengan sifatnya*”.

Selain itu, Akhmad Yassin Andy (2010) mengatakan tajwid merupakan bentuk *masdar* yang berasal dari *fi'il madi jawwada* yang bererti membaguskan. Adapun pengertian tajwid dalam kitab Hidayatul Mustafid iaitu tajwid menurut bahasa ertiannya membaguskan atau membaca dengan baik, sedangkan menurut istilah adalah ilmu yang dengannya kita dapat mengetahui bagaimana cara melafazkan huruf yang benar dan dibenarkan, baik dari segi sifatnya, panjangnya dan sebagainya contohnya *tarqiq* dan *takhfim* dan juga keduanya. Jadi pengertian ilmu tajwid adalah ilmu cara membaca secara tepat, iaitu dengan mengeluarkan bunyi huruf dari asal tempat keluarnya iaitu makhray sesuai dengan sifatnya dan konsekuensi dari sifat yang dimiliki huruf tersebut, mengetahui di mana harus berhenti (*waqf*) dan di mana harus memulai bacaanya kembali iaitu *ibtida'* (Ahmad Shams Madyan, 2008).

Kepentingan Ilmu Tajwid

Menurut Raja Nur Izwin (2019), mendalami ilmu tajwid adalah hal yang sangat utama dalam pembacaan al-Quran. Imam Ibn al-Jazari dalam kitabnya mengatakan wajib bagi setiap orang muslim untuk membaca al-Quran secara bertajwid. Kitab al-Quran membawa rahmat kepada manusia yang membacanya, ia juga berkait rapat kepada sesiapa membaca al-Quran secara bertajwid maka berkali ganda pahalanya kerana berusaha dalam membuat yang terbaik untuk kalam Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t. dalam surah Fathir ayat 29:

إِنَّ الَّذِينَ يَتَلَوَنَ كِتْبَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجْرِيَةً لَنْ تَبُورَ

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah s.w.t. dan mendirikan solat serta menginfaqkan sebahagian daripada apa yang kami kurniakan kepada mereka secara sembunyi atau terbuka dengan mengharapkan (daripada amalan yang demikian) sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian”.

Kesedaran untuk menjaga kualiti dalam pembacaan al-Quran dapat mencegah terjadinya kesalahan dan dapat mengurangkan kesalahan yang tidak disengajakan ketika pembacaan ayat al-Quran. Ia juga dapat menjaga mukjizat Rasulullah dengan sebaik mungkin dan terhindar daripada dosa (Muhammad Basori, 1993).

Hukum Mempelajari Ilmu Tajwid

Hukum mempelajari Ilmu Tajwid adalah fardhu kifayah manakala mempraktikan Ilmu Tajwid yang telah dipelajari dalam bacaan adalah fardhu ain untuk setiap muslim yang mukallaf. Fardhu kifayah merupakan istilah kepada mempelajari ilmu tajwid. Maknanya disini, pada setiap sebuah perkampungan, perlu sekurang-kurang seorang ustaz yang mahir dalam ilmu tajwid. Hal ini kerana, bagi setiap sesebuah perkampungan itu tidak ada seorang pun yang mahir ilmu tajwid nescaya satu kampung itu akan berdosa (Ishak Abbas, 1985 & Abdullah al-Qari, 1986).

Walaupun begitu, ulama kontemporari pada hari ini dilihat menterjemahkan kepada wajib syar’ie dan wajib sina’ie. Wajib syar’ie di sini adalah kewajipan mempelajari asas tajwid yang jika ditinggalkan boleh membawa kepada perubahan makna atau kerosakan pada makna. Manakala wajib sina’ie adalah apa yang diwajibkan ke atas ahli ilmu tersebut untuk menyempurnakan lagi bacaan al-Quran, dan ia adalah sepertimana yang disebut oleh para ulama’ dalam kitab-kitab tajwid seperti *idgham*, *ikhfa’* dan sebagainya, dan jenis ini jika ia ditinggalkan daripada mempelajarinya tidaklah berdosa (Muhammad Makki, 2019). Allah s.w.t. menyuruh umat Islam membaca al-Quran secara bertajwid sebagaimana firmannya dalam surah al-Muzammil ayat 4:

وَرَتِيلِ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا

Maksudnya: “Bacalah al-Quran secara tartil (tajwid)”.

Selain itu, terdapat riwayat daripada Abdullah bin Mas’ud berkata: “Perelokkan oleh kamu bacaan-bacaan al-Quran dan biasailah dengan suara-suara baik kamu dan bacalah dengan cara bacaan arab. Sesungguhnya al-Quran itu adalah dari Bahasa Arab dan Allah sukakan al-Quran itu dibaca dengan bacaannya” (Ishak Abbas, 1985).

Metodologi Pembacaan Al-Quran Di Malaysia

Kaedah Bacaan Al-Quran Teknik Iqra'

Kaedah Iqra' ini telah diasaskan oleh Allahyarham Ustaz Haji As'ad Human dari Indonesia pada tahun 1997. Beliau merupakan pengarah kumpulan tadarus Angkatan muda masjid dan musollah yogyakarta berdasarkan pengalaman beliau mengajar al-Quran sejak tahun 1950 dan melalui percubaan serta penyelidikan yang mendalam dalam bidang pengajian al-Quran (Muhd Alwi Yusoff, 2003).

Iqra adalah istilah yang diambil dari permulaan surah al-Alaq yang bermaksud 'baca'. Kaedah atau Teknik Iqra' ini membawa maksud membaca al-Quran dengan cepat secara membunyikan terus huruf hijaiyyah yang berbaris tanpa perlu mengejanya terlebih dahulu yang berpandukan kepada penulisan rasm uthmani. Kaedah ini boleh juga dikatakan sebagai salah satu cara mempelajari al-quran dari segi mengenal bunyi dan bacaan al-Quran secara pantas. Jangkaan bagi seseorang pelajar dapat mengenal dan membaca huruf-huruf hijaiyyah al-Quran berdasarkan Teknik ini adalah dalam masa di antara 3-6 bulan bagi kanak-kanak yang berumur 4-5 tahun (Ghazali Darussalam, 2001).

Kaedah Bacaan Al-Quran Teknik Al-Baghda

Kaedah Al-Baghda telah diasaskan oleh anak Malaysia iaitu Jalaluddin Hassanuddin al-Baghda. Beliau dilahirkan pada 15 Januari 1970 di Kampung Berhala Gantang, Pahang. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Arab dan Pengajian al-Quran dari Universiti Saddam, Baghdad, Iraq pada tahun 1998. Berpengalaman dalam menyusun dan mengendalikan program berbentuk kursus dan Latihan kepada guru-guru serta ibu bapa di seluruh negara hampir 10 tahun khususnya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan juga Bahasa Arab. Beliau juga berpengalaman mengendalikan kursus perguruan Teknik al-burqy selama 8 tahun (Jalaluddin Hj Hassanuddin, 2012).

Kaedah belajar Teknik Al-Baghda merupakan pembelajaran membaca al-Quran yang inovatif dan kreatif. Keistimewaan Teknik Al-Baghda adalah ia menggunakan Teknik 'alat ketuk' yang akhirnya memberikan intonasi ketukan seragam seiringan dengan sebutan huruf-huruf Hijaiyyah atau potongan-potongan ayat berdasarkan sukanan pelajaran yang telah disusun. Menariknya, metodologi bacaan al-Quran Teknik Al-Baghda adalah menggunakan Teknik intonasi iaitu dengan memberikan bacaan 'satu huruf bersamaan dengan satu intonasi ketukan'.

Disamping itu, terdapat tiga mekanisma yang perlu di titik beratkan di dalam pelaksanaan pembelajaran Teknik Al-Baghda iaitu guru perlu menekankan pengenalan bunyi bacaan bagi setiap huruf yang diperkenalkan, guru akan memperkenalkan bacaan yang disertakan dengan intonasi ketukan sambal menggunakan alat ketukan dan pengajaran diakhiri dengan bacaan bunyi-bunyi yang dipelajari tanpa menggunakan alat ketukan (Jalaluddin dan Arlinda, 2012).

Kaedah Bacaan Al-Quran Teknik Hattawiyah

Kaedah Hattawiyah telah diasaskan oleh Dr. Muhammad Hatta Usman pada tahun 1974, beliau merupakan guru al-Quran di Pekan Baru Riau dan juga seorang Pegawai Agama Tempatan di Indonesia. Ia mula berkembang di Malaysia secara meluas melalui guru-guru Indonesia yang terlibat dalam bidang al-Quran. Ia juga dikembangkan oleh pelajar Malaysia yang belajar di Indonesia (Adel M. Abdul Aziz, 2006).

Kaedah ini boleh digunakan oleh guru-guru yang sudah tahu mengenai hukum tajwid serta makhrraj, sifat huruf. Kaedah ini menggunakan pendekatan pengenalan huruf arab dan tanda baca melalui huruf rumi. Oleh demikian, kaedah ini hanya boleh dilaksanakan bagi mereka yang lancar membaca rumi. Namun begitu penggunaan huruf rumi hanyalah sebagai pendahuluan semata-mata. Oleh itu, kaedah ini merupakan Langkah terakhir dan hanya untuk golongan tertentu bagi memastikan mereka tidak terus berada dalam kategori buta al-Quran (Mohd Zainul Arifien, 2011).

Kaedah Bacaan Al-Quran Teknik Qiraati

Kaedah Qiraati telah diasaskan oleh Ustaz Haji Dahlan Salim Zarkasyi pada tahun 1963. Beliau telah dilahirkan di Kampung Kebun Arum, Semarang, Jakarta, Indonesia pada tahun 1928 yang kemudian dibesarkan dalam sebuah keluarga sederhana. Sebelum Teknik Qiraati diperkenalkan pada tahun 1963, Ustaz Haji Dahlan telah mendirikan kelas pengajian al-Quran untuk kanak-kanak. Beliau menggunakan sistem al-Baghdadi seperti kebanyakan institusi pengajian al-Quran di negara Islam yang lain. Pada mulanya, beliau tidak mempunyai anggapan bahawa sistem al-Baghdadi kurang berkesan. Ini kerana kebanyakan ulama terdahulu mempelajari al-Quran mengikut kaedah al-Baghdadi (Che Nordin Che Husin, 1997).

Setelah beliau menjalankan ujian membaca al-Quran terhadap kanak-kanak tersebut, beliau mendapati mereka gagal membacanya. Maka, timbulah keinginan beliau untuk mengkaji dan mengenalpasti punca kelemahan masyarakatnya dalam pembacaan al-Quran. Berdasarkan kajian yang terdahulu, beliau dapat merumuskan bahawa sistem al-Baghdadi sebenarnya mudah untuk dihafaz dan bukan untuk difahami. Di samping itu, cara membacanya secara mengeja adalah terlalu lambat untuk menghasilkan sesuatu kalimah (Che Nordin Che Husin, 1997).

Oleh yang demikian, Ustaz Haji Dahlan telah Menyusun Teknik Qiraati mulai 1963. Teknik Qiraati yang diperkenalkan ini memberi maksud ‘bacaanku’. Sistem pengajaran Teknik Qiraati menggariskan beberapa kaedah tertentu antaranya adalah mampu membaca huruf hijaiyyah yang berharakat tanpa mengeja, mampu dipraktikkan secara ringkas bacaan yang bertajwid, bacaan pelajaran diberikan secara bertahap, bahan pelajaran diberikan berdasarkan tajuk, pelajaran yang diberikan selalu diulang-ulang, belajar menurut kemampuan dan kecerdikan pelajar, Latihan evolusi dilakukan setiap hari, sederhana dalam memberikan maksud sesuai dengan kemampuan pelajar, memberikan motivasi dan galakan kepada pelajar dan guru meneliti dan berwaspada dalam memerhatikan bacaan secara tegas (Che Nordin Che Husin, 1997).

Secara umumnya, teknik ini sangat baik kerana membolehkan pelajar menguasai bacaan al-Quran dengan cepat. Bagaimanapun, ianya kurang berkesan sehingga jumlah pelajar di dalam sesuatu kelas terlalu ramai sehingga boleh menyebabkan guru tidak sempat memberi bimbingan berkesan ke atas setiap pelajar dalam sesuatu sesi pengajian (Che Nordin Che Husin, 1997).

Kaedah Haraki

Kaedah Haraki telah diasaskan oleh Ustaz Zakaria bin Din atau Nasiruddin pada tahun 2013. Beliau merupakan pensyarah di Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. Kaedah Haraki mengambil inspirasi daripada Teknik-teknik al-Quran yang membolehkan seseorang membaca al-Quran secara bertajwid dalam tempoh 7 jam sahaja (Mohd Shafiee Hamzah, 2018).

Kaedah ini memberi penekanan kepada bentuk penulisan al-Quran Rasm Uthmani yang mempunyai keistimewaan tersendiri. Hasil dari penelitian terhadap bentuk rasm Uthmani dan bunyi yang berhasil ketika membaca al-Quran diolah dalam bentuk pergerakan tangan supaya pembaca dapat membaca secara bertajwid. Perkataan Haraki dinamakan disebabkan nama kaedah ini menekankan pergerakan tangan pembaca al-Quran (Tasnim Abd Rahman, 2018).

Pembelajaran dan pengajaran dalam Kaedah Haraki menggunakan satu set modul pengajaran yang memerlukan pelajar melakau aktiviti yang mudah seperti menggaris dan meletakkan simbol pada potongan ayat al-Quran yang hendak dibaca. Manakala aktiviti menulis sangat minima kerana al-Quran Rasm Uthmani tidak mudah untuk ditulis oleh orang awam (Kasimah Kamaruddin, 2018).

Apabila pelajar benar-benar telah menguasai huruf-huruf Hijaiyyah, maka pelajar akan terus boleh membaca huruf pelbagai baris, bacaan Panjang pendek, tanwin dan hukum nun mati dan mim mati, hukum *shaddah*, bacaan *waqf* dan bacaan *mutaqab*. Teknik yang digunakan dalam

menyampaikan kaedah ini adalah dengan meletakan simbol pada bawah setiap baris ayat yang hendak dibaca sebelum mereka terus sebelum mereka membaca sambil menggerakkan tangan mereka (Zakaria Din, 2014).

Kaedah Al-Matiens

Kaedah al-Matiens telah diasaskan oleh Ustaz Haji Mohd Zamri Mohd Zainuddin dan Ustaz Haji Mohd Wahid Abdul Hanif pada tahun 2009. Ustaz Haji Mohd Wahid Abdul Hanif merupakan seorang guru al-Quran dan editor Syariah di Telaga Biru Sdn, Bhd. (Zamri Mohd Zainuddin, 2009). Kaedah ini dicipta hasil daripada pengalaman dan penglibatan mereka mengajar dan membangunkan kelas pengajaran al-Quran. Ia merupakan gabungan kaedah al-baghdadi yang telah digunakan di nusantara buat sekian lama dengan kaedah baru seperti iqra', kaedah qiraati dan kaedah barqi yang telah menapak di nusantara (Tasnim Abd Rahman, 2018).

Kaedah al-Matiens mengandungi dua siri iaitu al-Matiens pertama dan al-Matiens kedua. Untuk menguasai keseluruhan kaedah al-Matiens hendaklah dimulakan dengan al-Matiens yang pertama terlebih dahulu sebelum memasuki al-Matiens yang kedua. Kaedah ini tidak dibenarkan mengeja, hanya lihat, pastikan dan sebut dengan betul. Pelajar didedahkan dengan hukum tajwid dan cara membaca yang betul dengan bimbingan guru sehingga mantap (Zakariah Din, 2014).

Secara terperinci, siri al-Matiens yang pertama, menekankan empat aspek utama iaitu pertama menguasai huruf hijaiyah, kedua mempelajari tanda bunyi digandingkan sekali dengan huruf-huruf bercantum, ketiga menguasai cara memasukkan huruf berbaris kepada huruf mati atau huruf sabdu, keempat ialah menguji dan membezakan panjang pendek bacaan (Kasimah Kamaruddin, 2018).

Pada siri al-Matiens yang kedua pula, 11 hukum tajwid didedahkan dan dimulai dengan Bab Mad, Hukum Nun Mati, *Wajibul Ghunnah*, Hukum *Idgham*, Hukum *Qalqalah*, *Tafsikhim* dan *tarqiq*, Tanda *Waqt*, *Hamzah Wasal*, *Saktah*, Sifat Huruf dan bacaan Khusus Riwayat Hafs *an Asim*. Keistimewaan siri al-Matiens ialah penyediaan infografik bewarna dan ilustrasi huruf berwarna-warni sebagai membantu pengajaran dan pembelajaran al-Quran (Mohd Shafiee Hamzah, 2018).

Kesimpulannya, teknik-teknik asas pembelajaran Ilmu Tajwid ini telah bertapak di Malaysia agak sekian lamanya, maka segelintir pusat pengajian al-Quran ataupun dipanggil madrasah menggunakan teknik-teknik ini sebagai silibus pengajian mereka.

Penutup

Membaca al-Quran secara bertajwid dan fasih merupakan satu amalan yang dituntut dalam Islam. Kepelbagaiannya ilmu tajwid seperti Hukum Nun Sakinah dan *Tanwin*, *Waqt* dan *Ibtida* dan sebagainya harus dikuasai agar tidak terbabas dalam landasannya. Membacanya sahaja sudah dikira satu ibadat dan diberikan ganjaran pahala oleh Allah s.w.t. menjadikan kitab ini sinonim dibaca oleh sebilangan besar umat Islam khususnya di Malaysia. Disebabkan itu, bagi memperoleh kesempurnaan bacaan al-Quran secara bertajwid serta pahala berlipat ganda dari Allah SWT, seseorang individu perlulah berkemampuan menguasai mana-mana teknik asas belajar al-Quran yang dipelajari sedari kecil lagi. Dengan kemunculan pelbagai teknik belajar asas bacaan al-Quran khususnya di Malaysia, ia akan dapat menambahkan lagi kepelbagaiannya khazanah dalam ilmu pendidikan al-Quran sekaligus memberi pilihan kepada umat Islam di Malaysia untuk memilih teknik mana yang difikirkan sesuai menurut citarasa masing-masing asalkan mereka mampu membaca Kalamullah dengan baik. Namun, setiap teknik yang dihasilkan sudah pastinya akan mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing.

Kajian ini secara khususnya menjelaskan dengan terperinci mengenai teknik bacaan al-Quran secara bertajwid yang digunakan serta berkembang dalam sistem pendidikan al-Quran di Malaysia iaitu teknik Iqra' dan Al-Baghdadi. Teknik Iqra' merupakan teknik yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di sekolah-sekolah rendah di bawah Kementerian

Pelajaran Malaysia manakala teknik Al-Baghdadi pula adalah teknik belajar al-Quran kontemporari yang diasaskan oleh Ustaz Jalaluddin bin Hassanuddin bermula tahun 2009 sehingga kini. Justeru, sentiasalah membaca serta mentadabbur Kalam-Nya agar ianya dapat memberi syafaat kepada diri kita di akhirat kelak.

Rujukan

- Mohammad Rusdi Bin AB Majid (2019). Al-Quran dan Kecemerlangan dalam Pendidikan. Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail: Terengganu.
- Wahbah al-Zuhayli (1998). *Al-Qur'an al-Karīm Bunyātuhu al-Tashrī'iyyah wa Khasāisuh al-Hadariyyah*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu,,āsir.
- Ishak Abbas. (1985). Memahami Tajwid dan Tartil al-Quran. Seri Kota: Kuala Lumpur.
- Abdullah al-Qari bin Haji Salleh. (1983). Kursus Qari dan Qariah. Pustaka Aman Press Sdn. Bhd: Kota Bharu.
- Zamri Mohd Zainuldin. (2009). Mantap Mengaji Kaedah al-Matién. Kuala Lumpur: Telaga Biru
- Raja Nu Izwin Bt Raja Osman. (2019). Kepentingan Ilmu Tajwid. Open University. Malaysia.
- Mohd Shafiee Hamzah. (2018). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran: Kajian di Masjid UnisZA. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Universiti Sultan Zainal abidin, Kuala Nerus Terengganu.
- Zakaria bin Din. (2014). Tajdid in Quranic Studies; Kaedah Haraki Satu Tajdid dan Inovasi dalam Metode Pengajaran Tilawah al-Quran. Kuala Lumpur: Academy of Islam Studies UM.
- Tasnim Abd Rahman. (2018). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran: Kajian di Masjid UnisZA. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal abidin, Kuala Nerus Terengganu.
- Kasimah Kamaruddin. (2018). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran: Kajian di Masjid UnisZA. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal abidin, Kuala Nerus: Terengganu.
- Mohd Alwi Yusoff et al. (2003). Keberkesanan Iqra' Sebagai Kaedah Pembelajaran Membaca al-Quran. (*Prosiding Isu Semasa Pengajian Quran Dan Sunnah*, Kolej Universiti Islam Malaysia).
- Ghazali Darussalam. (2001). Pedagogi Pendidikan Islam (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

BAB 11

KAJIAN TAWJIH AL-QIRAAAT FARSY AL-HURUF SURAH AL-MAIDAH AYAT 57-119

Muhammad Syafee Salihin Hasan¹, Mohd Mahfuz Jaafar¹, Ahmad Shahir Masdan¹, Mohd Norzi Nasir¹ & Muhammad Ammar Farhan²

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

² Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Pendahuluan

Penurunan al-Quran dengan kepelbagaian qiraat mendatangkan implikasi perbezaan makna dalam kalangan ahli tafsir. Kepelbagaian qiraat secara tidak langsung memperluaskan pemahaman terhadap makna ayat al-Quran. Implikasi perbezaan terhadap makna mempunyai korelasi rapat dengan ilmu *tawjih al-qiraat*. Oleh itu, objektif kertas kerja ini dihasilkan bagi menganalisis *tawjih al-qiraat* dan implikasinya terhadap makna berdasarkan ayat 57-119 surah al-Maidah.

Penyataan Masalah

Pengajaran qiraat kini telah mendapat kedudukan dalam sistem pendidikan arus perdana di tanah air. Ini terbukti dengan adanya pelbagai peringkat pengajian yang menawarkan ilmu ini sama ada peringkat sekolah, kolej, mahupun universiti. Perkembangan ini jelas menunjukkan bahawa minda masyarakat telah terbuka serta menyedari kepentingan pembelajaran disiplin ilmu ini untuk diwarisi daripada para ulama silam. Meskipun demikian, Ikmal Zaidi (2015) menjelaskan pengajaran dan pembelajaran qiraat di Malaysia lebih berbentuk *al-rivāyah* berdasarkan silibus pengajian qiraat yang digunakan di negara-negara Arab khususnya di Mesir. Perbahasan qiraat pada aspek *al-dirayah* khususnya *tawjih al-qiraat* dilihat dalam keadaan sederhana dan kurang didekahkan di mana majoriti tenaga pengajar lebih memberi tumpuan pengajaran qiraat pada aspek *al-rivāyah* berbanding elemen *al-dirayah* (A'Tarahim Mohd Razali; 2016 & Moh. Fathurrozi 2020). Justeru, kajian *tawjih al-qiraat* pada *khilaf farsh al-huruf* surah al-Maidah ayat 57-119 ini berpotensi sebagai perkongsian baru terhadap salah satu disiplin ilmu *al-dirayah* dalam pengajaran ilmu qiraat. Semoga kajian ini memberi sumbangan baru kepada pembaca dan membuka jalan kepada pengkaji lain masa hadapan.

Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi melihat implikasi perbezaan qiraat *'Asyara al-Sugbra* terhadap makna pada *khilaf farsh al-huruf* surah al-Maidah ayat 57-119. Metodologi kajian ini menggunakan analisis kandungan berdasarkan rujukan berikut:

- i) Kitab Qiraat: *Taqrib al-Nashr fi al-Qiraat al-Ashr* dan *Taqrib al-Ma'ani Fi Syarb Hirz al-Amani Fi Qiraat Sab'i*.
- ii) Kitab *Tawjih: Qala'id al-Fikr fi Tawjih al-Qiraat al-'Asyar*, *Tholai'u al-Basyar Fi Tawjih al-Qiraat al-'Asyar*, *Kitab Hujjatul Qiraat*, *Al-Mughni Fi Tawjih al-Qiraat al-'Asyar al-Mutawatirah* (Jilid 1). Muhammad Salim Muhaysin dan *Khulasah an-Nazar fi Tawjih al-Qiraat al-'Asyar*.
- iii) Kitab Tafsir: *Tafsir al-Munir* (Jilid 4), *Tafsir Fathul Qadir* Jilid 2 dan *Tafsir Fathul Qadir* Jilid 3. Imam asy-Syaukani.

- iv) Artikel: Implikasi Perbezaan Qiraat Terhadap Hukum Fiqh: Kajian Surah At-Taubah Ayat 1-17 Berkaitan Hukum Orang Musyrik Memakmurkan Masjid, Keperluan Aplikasi *Al-Dirayah* Dalam Pengajian Ilmu Qiraat Di Malaysia, *Tawjih al-Qiraat* Berdasarkan Qiraat ‘Asyara Al-Sugbra: Kajian Surah Al-Baqarah Ayat 187-210 dan Pendekatan *Tawjih Al-Qiraat* Syeikh Ibn Uthaimin Berdasarkan *Tafsir Al-Quran Al-Karim Li Ibn Al-Uthaimin*.

Kajian *Tawjih Al-Qiraat Farsh Al-Huruf* Surah Al-Maidah Ayat 57-119

Farsh al-huruf adalah merujuk kepada lafaz atau perkataan yang berbeza yang terdapat dalam surah tersebut sahaja atau akan diikuti oleh surah-surah berikutnya (Al-Mas’ul 2007). Maka berdasarkan konteks kajian ini, akan dibincangkan *tawjih al-qiraat* pada *khilaf farsh al-huruf* surah al-Maidah dari ayat 57-119.

Bahagian ini akan membincangkan berkenaan *tawjih* pada setiap bacaan Qiraat dalam bab *fary* sahaja. Justeru itu, dalam bab *fary* ini adalah dikategorikan mengikut satu persatu perkataan yang mana dapat dilihat dari segi perbezaan Qiraat yang terkandung padanya. Tambahan pula, bab yang dijelaskan mengenai *tawjih* ini adalah berpandukan kepada kalimah-kalimah yang telah dipilih dan ditetapkan.

Berdasarkan kajian dalam surah al-Maidah ayat 57-119 terdapat *fary* *al-Huruf* sebanyak 10 *khilaf* iaitu، وَعَبْدَ الْطَّغُوتِ، رَسَالَتُهُ، لَا تَكُونُ، يُؤَاخِذُكُمْ، فَجَرَأَهُ مِنْهُ، كُفَّرَهُ طَعَامُ، الظَّيْرُ، سِحْرُ مُبِينٌ، هُلْ يَسْتَطِيعُ رَبُّكُمْ؟

No	<i>Khilaf Qiraat</i>	Imam	Kategori <i>Tawjih</i>	Perbincangan
1	وَالْكُفَّارُ	Imam Abu Amru, Kisaie dan Ya'qub	<i>Tawjih Al-Nahwiyyah</i>	<p>Al-Syaukani (2011) menjelaskan bacaan <i>jar</i> kalimah (والكفار) dinisbahkan kepada <i>min ayyi</i> atau <i>min al kuffari</i>.</p> <p>Selain itu, bacaan <i>khofad ra'</i> (والكفار) juga berdasarkan makna ayat sebelumnya iaitu:</p> <p style="text-align: right;">الذين أتوا الكتاب من قبلكم</p> <p>Maksud:</p> <p>“iaitu di antara orang-orang yang telah diberi kitab dari sebelumnya dan orang-orang kafir”.</p>
	وَالْكُفَّارُ	Selain imam Abu Amru, Kisaie dan Ya'qub		<p>Ibn Zanjalah (1997) menjelaskan bacaan <i>nasab ra'</i> (والكفار) berdasarkan makna ayat sebelumnya iaitu:</p> <p style="text-align: right;">لا تتخذوا الذين اتخذوا دينكم هزوا ولعبا</p> <p>Maksud:</p>

				“janganlah mereka ini mengambil orang-orang kafir sebagai wali”.
--	--	--	--	--

No	<i>Khilaf Qiraat</i>	Imam	Kategori <i>Tawjih</i>	Perbincangan
2	وَعَبَدَ الْطَّاغُوتَ	Imam Hamzah	<i>Tanjih</i> <i>Al-Nahwiyyah</i>	<p>Makki Abi Talib (1974) menjelaskan perkataan (عبد) adalah <i>mudaf</i> dan (الطاغوت) adalah <i>mudafun ilaih</i>. Maka perkataan الطاغوت dibaca dengan <i>khafad</i>.</p> <p>Manakala perkataan (جعل) pada permulaan ayat membawa maksud (خلق) iaitu “menciptakan”.</p> <p>Maka maksud keseluruhan ayat ini adalah:</p> <p>“telah kami ciptakan dari kalangan mereka golongan yang berlebih-lebihan dalam penyembahan taghut”.</p>
	وَعَبَدَ الْطَّاغُوتَ	Selain Imam Hamzah		Ibn Zanjalah (1997) menerangkan bacaan <i>fathah ta'</i> pada kalimah (الطاغوت) adalah disebabkan ‘ataf kepada (القردة) dan (الخنازير) yang menjadi <i>ma'ulun bib</i> .
No	<i>Khilaf Qiraat</i>	Imam	Kategori <i>Tawjih</i>	Perbincangan
3	رسَالَتِهِ	Nafi', Ibn Amir, Syu'bah, Abu Ja'afar dan Ya'qub	<i>Tanjih</i> <i>Al-Balaghyyah</i>	As-Syaukani (2011) menjelaskan kalimah (رسالاته) dibaca dalam bentuk <i>jama'</i> . An-Nuhas berkata “bentuk <i>jama'</i> lebih jelas kerana wahyu diturunkan kepada Rasulullah SAW sedikit demi sedikit, kemudian beliau menjelaskan semua. Ini bermaksud Rasulullah SAW telah menyampaikan risalah-risalah

			dakwah kepada umat secara berfasafasa.
	رسالَتُهُ	Selain Nafi', Ibn Amir, Syu'bah, Abu Ja'afar dan Ya'qub	<p>Ibn Zanjalah (1997) menjelaskan bacaan (رسالَتُهُ) dalam bentuk <i>ijrod</i>, adalah berdasarkan sabda Nabi SAW: “sesungguhnya Allah SWT menghantar mesej kepada Aku dan memerintahkan Aku untuk menyampaikannya”</p> <p>Kemudian baginda membacakan ayat tersebut. Ini bermakna Rasulullah SAW menyampaikan secara sekali sahaja.</p>

No	<i>Khilaf Qiraat</i>	Imam	Kategori <i>Tawjih</i>	Perbincangan
4	أَلَا تَكُونُ	Abu Amru, Hamzah, Kisaie dan Kholaf al-'Asyir	<i>Tawjih Al-Nabwijyah</i>	<p>As-Syaukani (2011) menjelaskan bacaan dengan <i>rufu' nun</i> (أَنْ تَكُونُ) adalah kata yang diringankan daripada kata asalnya bertasydid iaitu أَنَّ لَا تَكُونَ.</p> <p>Ibn Zanjalah (1997) pula menyatakan bacaan <i>rufu' nun</i> (تكون) membawa maksud “tidak akan berlaku bencana”.</p> <p>Beliau berhujah berdasarkan maksud ayat surah al-Hadid ayat 57 (أَنْ لَا يَقْدِرُونَ) yang membawa makna “mereka tidak mampu berbuat apa-apa”.</p>
	أَلَا تَكُونَ	Selain Abu Amru, Hamzah, Kisaie dan Kholaf al-'Asyir		As-Syaukani (2011) menjelaskan bacaan <i>nasab nun</i> (تكون) yang merupakan isim inna (أَنَّ لَا تَكُونَ)

				<p>Manakala Ibn Zanjalah (1997), menyatakan baca <i>nasab nun</i> (نون). berdasarkan firman Allah SWT:</p> <ol style="list-style-type: none"> Surah al-Baqarah ayat 246: (وَمَا لَنَا أَلَّا نُقَاتِلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ) Surah al-Hadid, ayat 10 (وَمَا لَكُمْ أَلَا تَنْفَعُوا)
--	--	--	--	---

No	<i>Khilaf Qiraat</i>	Imam	Kategori <i>Tawjih</i>	Perbincangan
5	فَجَزَاءُ مِثْلٍ	Selain imam Asim, Hamzah, Kisaie, Ya'qub dan Kholaf al-'Asyir	<i>Tawjih Al-Nabwiyyah</i>	Kalimah (فَجَزَاءُ مِثْلٍ) adalah dalam bentuk <i>idhofab</i> , yang mana (فَجَزَاءُ) adalah sebagai <i>mudhof</i> dan (مِثْلٍ) sebagai <i>mudhofun ilaih</i> .
	فَجَزَاءُ مِثْلٍ	Imam Asim, Hamzah, Kisaie, Ya'qub dan Kholaf al-'Asyir		Kalimah (فَجَزَاءُ) adalah sebagai <i>masdar mudhof</i> bagi <i>ma'ul</i> dan (مِثْلٍ) adalah sifat. Maksudnya orang itu harus memberi ganjaran yang serupa dengan sesuatu yang diburu.

No	<i>Khilaf Qiraat</i>	Imam	Kategori <i>Tawjih</i>	Perbincangan
6	كُفْرَةُ طَعَامٍ	Imam Nafi', Ibn Amir dan Abu Ja'afar	<i>Tawjih Nabwiyyah</i>	Kalimah (كُفْرَةُ) merupakan <i>mudhof</i> dan kalimah (طَعَامٍ) adalah <i>mudhofun ilaih</i> . Ayat ini bermaksud beri makanan kepada orang miskin merupakan "kaffarah" kepada pemburu.
	كُفْرَةُ طَعَامٍ	Selain imam Nafi', Ibn Amir dan Abu Ja'afar		(كُفْرَةُ طَعَامٍ) merupakan 'atof kepada ayat sebelumnya (فَجَزَاءُ مِثْلٍ), maknanya kaffarah kepada orang yang membunuh haiwan buruan

				ketika ihram adalah memberi makanan kepada orang-orang miskin.
--	--	--	--	--

No	<i>Khilaf Qiraat</i>	Imam	Kategori <i>Tawjih</i>	Perbincangan
7	الطائر	Imam Abu Ja'afar	<i>Tawjih Dalali (Tafsir)</i>	Muhammad Salim Muhaysin (1988) Kalimah (الطائر) membawa maksud kelawar.
	الطير	Selain imam Abu Ja'afar		Kalimah (الطير) bermaksud sejenis burung. Ia juga membawa maksud burung yang banyak.

No	<i>Khilaf Qiraat</i>	Imam	Kategori <i>Tawjih</i>	Perbincangan
8	سَاجِرٌ مُّبِينٌ	Imam Hamzah, Kisaie dan Kholaf al-'Asyir	<i>Tawjih Dalali (Tafsir)</i>	Bacaan (ساجر) adalah berdasarkan dalil (فَقَالُوا سِحْرٌ كَذَابٌ) surah Ghafir, ayat 24 yang bermaksud “Musa itu seorang penyihir dan pendusta”. Menurut Muhammad Al-Sadiq Qamhawi (2006) menjelaskan kalimah (ساجر) merupakan <i>isim fa'el</i> . Bacaan tersebut membawa maksud “Mereka berkata Nabi Isa adalah seorang ahli sihir”
	سِحْرٌ مُّبِينٌ	Selain imam Hamzah, Kisaie dan Kholaf al-'Asyir		Bacaan (سحر) berdasarkan pandangan al-Yazidi daripada Abu Amru, dia berkata: “setiap ayat yang ada kalimah (مبين), akan dibaca dengan (سحر). Manakala, ayat yang ada kalimah (علیم) akan dibaca dengan (ساجر).”

				Muhammad Al-Sadiq Qamhawi (2006) kalimah (سِخْرٌ) merupakan masdar yang bermaksud alam ghaib ini tidak lain hanyalah sihir.
--	--	--	--	---

No	Khilaf Qiraat	Imam	Kategori Tawjih	Perbincangan
9	هَلْ تَسْتَطِعُ رَبِّكَ	Imam Kisaie	Tawjih Dalali (Tafsir)	Bacaan dengan <i>ta' al-khitab</i> (تَسْتَطِيعُ) dan <i>nasab</i> (رَبِّكَ) membawa maksud: “Bolehkah kamu bertanya kepada Tuhanmu?”
	هَلْ يَسْتَطِعُ رَبِّكَ	Selain imam Kisaie		Bacaan dengan <i>ya' al-ghaiyah</i> (يَسْتَطِيعُ) dan <i>marfu'</i> (رَبِّكَ) membawa maksud: “Bolehkan Tuhanmu menunaikan permintaanmu?”

No	Khilaf Qiraat	Imam	Kategori Tawjih	Perbincangan
10	هَذَا يَوْمٌ	Imam Nafi'	Tawjih Nahwiyyah	Kalimah (يَوْمٌ) berbaris <i>nasab</i> disebabkan <i>zorof</i> dan (هَذَا) adalah <i>isim isyarah</i> . Kalimah (يَوْمٌ يَنْفَعُ) adalah <i>ma'mul khabar</i> , maka <i>i'rab</i> bagi (يَوْمٌ) adalah <i>fathab</i> .
	هَذَا يَوْمٌ	Selain imam Nafi'		Wahbah az-Zuhaili (2016) kalimah (يَوْمٌ) berkeadaan <i>rafa'</i> dan menjadi <i>khabar</i> bagi <i>mubtada'</i> (هَذَا).

Perbincangan Analisis Khilaf Farsy Surah Al-Maidah ayat 57-119

Berdasarkan hasil kajian surah al-Maidah ini terdapat 10 kalimah *farsy huruf* dan ianya terbahagi kepada dua bahagian iaitu kalimah yang memberi kesan pada makna dan kalimah yang tidak memberi kesan pada makna. Terdapat 4 kalimah yang memberi kesan pada makna berdasarkan tema *tawjih al-Dalali* (aspek tafsir). Manakala terdapat 6 kalimah yang tidak memberi kesan pada makna berdasarkan tema *tawjih Nahwiyyah*.

1. Kalimah Yang Memberi Kesan Pada Makna

- a. *Tawjih Al-Dalali* (Tafsir)

i. رَسَالَةُ

Berdasarkan kalimah di atas Ibn Jazari (2006) dan al-Syatibi (1996) menjelaskan Imam Nafi', Ibn Amir, Syu'bah, Abu Jaafar dan Ya'qub membaca dengan *رسالاته* iaitu dengan *jama'*. Manakala imam-imam selainnya membaca dengan *رسالته* iaitu dengan *mufrad*.

Menurut as-Syaukani (2011), an-Nuhas berkata “bentuk *jama'* lebih jelas, kerana wahyu diturunkan kepada Rasulullah SAW sedikit demi sedikit, kemudian beliau menjelaskannya.” Pendapat ini perlu dilihat lebih jauh kerana penafian penyampaian satu amanah lebih jelas daripada penafian beberapa amanah, sebagaimana disebutkan oleh para pakar ilmu Bayan, dengan sedikit perbezaan. Sesungguhnya Rasulullah SAW telah menyampaikan kepada umatnya apa yang diturunkan kepada mereka, bahkan lebih dari sekali beliau mengatakan.

Menurut Ibn Zanjalah (1997), dikatakan bahawa mereka menyampaikan setiap risalah wahyu itu. Kemudian mereka berkata: “bererti engkau tidak menyampaikan amanat-amanaatnya.”

Manakala baki imam pula, hujah mereka daripada kalimah tersebut, Nabi SAW bersabda: “sesungguhnya Allah SWT menghantar mesej kepada Aku dan memerintahkan Aku untuk menyampaikannya” kemudian baginda membacakan ayat tersebut.

ii. الطَّيْرُ

Berdasarkan kalimah di atas Ibn Jazari (2006) dan al-Syatibi (1996) menjelaskan Abu Ja'afar membaca dengan *alif* (ا) selepas huruf *tho* (ث) dan tempat *ya'* ditukar dengan huruf *hamzah* berbaris *kasrah* (الْطَّائِرُ). Manakala imam-imam selainnya membaca dengan tanpa *alif* dan *ya sakinhah* selepasnya (الْطَّائِرُ).

Perbezaan qiraat berlaku adalah disebabkan maknanya yang berbeza. Menurut Muhammad Salim Muhaysin, bagi bacaan yang mempunyai *alif* dan *hamzah* pada kalimah (الْطَّائِرُ) adalah membawa maksud khusus bagi sesuatu burung iaitu kelawar. Berbeza pula bagi bacaan (الْطَّيْرُ) iaitu membawa maksud kata nama sejenis burung secara umum. Tidak dikhurasukan kepada sesuatu jenis burung seperti qiraat (الْطَّائِرُ).

iii. سَحْرٌ مُّبِينٌ

Berdasarkan kalimah di atas Ibn Jazari (2006) dan al-Syatibi (1996) menjelaskan pada kalimah (سَحْرٌ)، imam yang membaca dengan *fathah sin*, *kasrah ha* dan ada huruf *alif* sebelumnya adalah imam Hamzah, Kisae dan Kholaf al-'Asyir. Manakala imam-imam selainnya membaca mengikut tulisan mashaf iaitu dengan *kasrah sin*, *sukun ha* tanpa *alif* (سَحْرٌ).

Imam-imam yang bersepakat membaca dengan qiraat (سَاجِر) adalah kerana berdasarkan dalil (فَقَلُوْا سُجْرٌ كَذَابٌ) dari surah Ghafir, ayat 24 yang bermaksud “Musa itu seorang penyihir dan pendusta”. Oleh itu, menurut Muhammad as-Sadiq Qamhawi, kalimah (سَاجِر) merupakan *isim fa'el*. Jadi ia membawa maksud nabi Isa AS adalah seorang ahli sihir.

Hujjah bagi imam yang membaca dengan qiraat (سَحْرٌ) adalah dari al-Yazidi 'an Abu Amru, dia berkata: “Ayat yang ada kalimah (مُبِينٌ) didalamnya, maka dibaca dengan (سَحْرٌ). Manakala, ayat yang ada kalimah (عَلِيمٌ) didalamnya, maka dibaca dengan (سَاجِر).” Oleh itu, ayat 110 ini dibaca dengan (سَحْرٌ). Dari segi makna pula, menurut Muhammad as-Sadiq Qamhawi, kalimah (سَحْرٌ) merupakan masdar yang bermaksud alam ghaib ini tidak lain hanyalah sihir,

Menurut Tafsir Fathul Qadir, disebabkan terasa sesak di dada orang-orang kafir dan mereka tidak dapat menyangkal semuanya, maka akhirnya mereka mengaitkannya kepada sihir.

iv. هل يَسْتَطِيْعُ رَبُّكَ

Berdasarkan kalimah di atas Ibn Jazari (2006) dan al-Syatibi (1996) menjelaskan Imam Kisaie membaca dengan *ta' khitab* (رسُّكٌ) dan *nasab* sebagai *ta'zim*. Manakala imam-imam selainnya membaca dengan *ya' ghaib* (رسُّكٌ) dan *marfu'* (رسُّكٌ) sebagai *fa'el*.

Mukhattab bagi kalimah (رسُّكٌ) adalah merujuk kepada Isa AS. Qiraat tersebut membawa kepada makna “Bolehkah kamu (Isa AS) bertanya kepada Tuhanmu?”. Manakala sebaliknya pula makna pada qiraat (رسُّكٌ) yang bermaksud ‘Bolehkah Tuhanmu menunaikan permintaanmu?’

Menurut Tafsir, berlaku kekeliruan pada qiraat (رسُّكٌ) apabila pada ayat sebelumnya, pengikut Isa AS berkata mereka telah beriman, namun mereka menafikan tentang diri mereka pula dengan ayat (هل يَسْتَطِيْعُ) iaitu bisakah Tuhanmu. Lalu dijawab bahawa hal ini terjadi ketika pengetahuan mereka tentang Allah SWT tidak cukup. Oleh kerana itu, Isa AS menjawab pertanyaan yang terlontar dari mereka dengan berkata: (أَنْقُوا اللَّهَ إِنْ كُلُّ ثُمَّ مُؤْمِنٌ) iaitu bertakwalah kamu kepada Allah jika betul-betul kamu orang yang beriman, yang mana ianya membawa maksud, janganlah kamu merasa ragu terhadap kekuasaan Allah SWT.

2. Kalimah yang Tidak Memberi Kesan Pada Makna

a. *Tawjih Nahwiyyah*

i. وَالْكُفَّارُ

Berdasarkan kalimah di atas Ibn Jazari (2006) dan al-Syatibi (1996) menjelaskan Imam Abu Amru, Kisaie dan Ya'qub membaca dengan *khofad ra'*, والكُفَّار وَالْكُفَّار manakala imam-imam selainnya membaca dengan *nasab ra'*, والكُفَّار وَالْكُفَّار. An-Nuhas berkata “*itu lebih terang dan lebih jelas*”.

Menurut Ibn Zanjalah (1997), dibaca dengan *khofad ra'* kerana ianya bersandarkan kepada makna bagi ayat yang sebelumnya iaitu “*الذِّينَ أَوْتَوْا الْكِتَابَ*” dengan membawa makna “*iaitu di antara orang-orang yang telah diberi kitab sebelumnya dan orang-orang kafir*”.

Selain itu, dibaca dengan *nasab ra'* (والكُفَّار) yang berkait dengan ayat sebelumnya iaitu *الذِّينَ اتَّخَذُوا بِنِكَمَ هُزُوا وَلَعِنًا لَا تَتَخَذُوا* yang bermakna “*janganlah mereka ini mengambil orang-orang kafir sebagai wali*”.

Menurut Asy-Syaukani (2011), berdasarkan kalimah وَالْكُفَّار Abu Amru dan Kisaie membacanya dengan *jar* iaitu dengan menisbahkan kepada *min ayyi* atau *min al kuffari*. Makki berkata, “Seandainya imam-imam qiraat yang lain tidak sepakat terhadap *nasab*, tentu aku memilih qiraat dengan *khafadh* serta kekuatannya dalam *i'rab* dan makna”.

Orang-orang kafir di sini maksudnya adalah orang-orang musyrik. Ada juga yang mengatakan bahawa maksudnya adalah orang-orang munafik.

ii. وَعَبْدَ الظُّغُوتَ

Berdasarkan kalimah di atas Ibn Jazari (2006) dan al-Syatibi (1996) menjelaskan Imam Hamzah membaca dengan *dhommah ba'* وَعَبْدَ الظُّغُوتَ dan *jar*. Mankala imam-imam selainnya pula membaca dengan *fathab ba'* وَعَبْدَ الظُّغُوتَ dan *ta'*.

Menurut As-Syaukani (2011), Allah menjadikan dari mereka para penyembah taghut, iaitu menyandarkan (عبد) kepada (الظُّغُوت). Maknanya adalah, dan menjadikan

di antara mereka bersungguh-sungguh dalam menyembah taghut, kerana perbuatannya dikatakan dalam bentuk mubalaghah (menunjukkan sangat).

Baki imam yang lainnya membaca dengan baris *fathah* pada huruf *ba'* وَعَبْدٌ dan baris *fathah* pada huruf *ta'* الطاغوت iaitu sebagai *feel madhi* yang di 'atafkan kepada *feel madhi*, iaitu لَعْنَ غَضِيبٍ. Seolah-olah dikatakan, "Dan siapa yang menyembah taghut?" atau di 'atafkan kepada yang *ma'thus* pada kalimah القردة وَالْخَنَزِيرَ (kera dan khinzir), iaitu di antara mereka ada yang dijadikan kera dan khinzir. Di antara mereka juga ada yang dijadikan penyembah taghut, berdasarkan adanya kata: مِنْ.

Ubay dan Ibnu Mas'ud membacanya dengan وَعَبْدُوا الطاغوت berdasarkan maknanya. Ibnu Abbas membacanya dengan وَعَبْدٌ dengan baris *dhammah* pada huruf 'ain dan *ba'*, seolah-olah *jama'* dari kata عَبْدٌ (عبد), seperti kata سَقْفٌ dan سَقَفٌ.

Menurut Abi Muhammad Makki (1974), diidhafakan kepada الطاغوت maka dikhafadkannya pada kalimah الطاغوت (جعل). Dan dengan makna خلق (Create), seperti Firman-Nya daripada surah al-An'am, ayat 1 dan maknanya "telah kami jadikan dari kalangan mereka golongan yang berlebih-lebih dalam penyembahan taghut". Dan tidak digunakan kalimah عَبْدٌ (عبد) dalam bentuk *jamak*, kerana bukanlah mereka dari kalangan yang ramai.

Menurut Imam al-Hujjah (1997), *fathah ta'* وَالْطَّاغُوت dan di'atifikannya ke atas *feel madhi* sebelumnya *fathah ta'* disebabkan mengikut baris *feel madhi* iaitu *fathah*. *Feel madhi* yang dimaksudkan ialah غَضِيبٍ لَعْنَ جَعْلٍ (غَضِيبٍ لَعْنَ جَعْلٍ).

Imam Basrah membacanya dengan وَعَبَادٌ وَالْطَّاغُوت dalam bentuk *jama'* dari عَبَادٌ. Manakala Abu Jaafar Ar-Raqasyi membacanya dengan وَعَبْدٌ الطاغوت dalam kata negatif yang dinisbahkan daripada ayat وَعَبْدٌ الطاغوت فِيهِمْ (and disembahnya taghut di kalangan mereka). disini bermaksud syaitan, atau para dukun dan sebagainya seperti yang telah dinyatakan.

iii. آلا تَكُونَ

Imam Abu Amru, Hamzah dan Kisaie membacanya dengan *rufu' nun* تكونُ وَالْطَّاغُوت dengan anggapan bahawa أَنْ adalah kata yang diringankan dari yang asalnya bertasyid, manakala baki imam yang lain membacanya dengan *nasab nun* تكونُ وَالْطَّاغُوت yang beranggapan bahawa أَنْ adalah penyebab *nasabnya feel*.

Menurut Imam al-Jalil (1997), dibaca dengan *rufu' nun* تكونُ yang membawa maksud ia tidak akan berlaku bencana. Dan seperti yang dikatakan dalam surah al-Hadid, ayat 57 (أَنْ لَا يَقْرُونَ) yang membawa makna mereka tidak mampu berbuat apa-apa, maka diringankan sebutan dari (أَنْ).

Baki imam membaca dengan *nasab nun* تكونُ. Dan hujahnya berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 246 (سَبِيلُ اللَّهِ وَمَا لَنَا أَلَا نَقْاتِلُ فِي) surah al-Hadid, ayat 10 (وَمَا لَكُمْ أَلَا تَفْقُوا) (أَنْ) وَ(لَا).

iv. فَجَرَاءً مِثْلُ

Asim, Hamzah, Kisaie, Yaakub dan Kholaf al-'Asyir membaca dengan *tanwin hamzah* dan *lam* baris depan. Manakala baki imam-imam membaca tanpa *tanwin hamzah* beserta *lam* baris bawah.

Kalimah فَجَرَاءً adalah sebagai *masdar mudhof* bagi *maf'ul* مَفْعُولٌ dan مِثْلٌ (Mithl) adalah sifat. Maksudnya orang itu harus memberi ganjaran yang serupa dengan sesuatu yang dibunuh itu. Manakala فَجَرَاءُ مِثْلٌ (Mithl) adalah dalam bentuk *idhofah*, yang mana فَجَرَاءُ مِثْلٌ (Mithl) adalah sebagai *mudhof* dan مِثْلٌ (Mithl) sebagai *mudhofun ilaih*. Perbezaan khilaf pada perkataan مِثْلٌ (Mithl) dikenali sebagai sifat.

v. كُفْرٌ طَعَامٌ

Imam Nafi', Ibnu Amir dan Abu Jaafar membaca dengan *hazaf tanwin* كُفْرٌ طَعَامٌ manakala baki imam-imam membaca dengan *tanwin ta'* dan *marfu'* kan *alif*.

Menurut kitab Hujjah Al-Qiraat kalimah كُفْرٌ طَعَامٌ boleh menjadi wajah *mudhof* kepada طَعَامٌ kerana ianya merupakan dua lafaz yang berbeza, yang bermaksud kaffarah dengan memberi makan kepada orang-orang miskin. Wajah كُفْرٌ طَعَامٌ pula bukan wajah *idhofah* dan bukan suatu wajah yang berbentuk sandaran, tapi maknanya masih sama iaitu dikenakan kaffarah kepada orang yang membunuh haiwan buruan ketika dalam ihram dengan memberi makan kepada orang-orang miskin.

vi. هَذَا يَوْمٌ

Imam Nafi' membaca dengan *nasab* pada kalimah يَوْمٌ, manakala baki imam pula membaca dengan *rafa'* يَوْمٌ.

Kalimah يَوْمٌ adalah *zorof* tempat yang berbaris *nasab*, manakala هَذَا adalah *isim isyarah* bagi kalimah يَوْمٌ. Selain itu, kalimah يَنْفَعُ pula adalah *ma'mul khabar*, maka sudah pasti *i'rub* bagi يَوْمٌ adalah *fathah*.

Namun, menurut Dr. Wahbah az-Zuhaili, kalimah يَوْمٌ berada pada tempat *rafa'* iaitu sebagai khabar bagi *mubtada'* هَذَا.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada bab analisis, dapat disimpulkan bahawa sebahagian *khilaf-khilaf* qiraat yang terdapat dalam kajian ini, terdapat kalimah yang memberi kesan kepada makna dan tidak memberi kesan kepada makna pada sesuatu ayat. Menurut al-Suyuti (1987), setiap bacaan yang berbeza terhadap sesebuah ayat saling melengkapi di antara satu sama lain sehingga dapat menghasilkan makna yang lengkap.

Berdasarkan konteks kajian ini, terdapat 10 kalimah *farsy al-buruf* Surah al-Maidah, ayat 57-119. Terdapat enam kalimah daripada tidak memberi kesan kepada makna iaitu kalimah وَعَنْدَ وَالْكُفَّارَ dan هَذَا يَوْمٌ dan كُفْرٌ طَعَامٌ, فَجَزَاءٌ مُّثُلٌ, أَلَا تَكُونَ الظُّفُورَتَ هَلْ يَسْتَطِعُ and سِحْرٌ مُّبِينٌ, الْأَطْيَرُ, رَسَالَةُ رَبِّكَ berdasarkan tema *tanjih al-Nahwiyyah*. Manakala empat kalimah yang lain memberi kesan kepada makna iaitu kalimah قُرْآنٌ, أَلْأَنْهُ and سِرْتُكَ berdasarkan tema *tanjih Dalali* (*tafsir*). Kepelbagaiannya secara langsung tidak merosakkan lafaz dan maknanya, bahkan ianya menyempurnakan lagi percambahan ilmu dan perluasan makna (*tansi'ul ma'na*). Kemukjizatan al-Quran adalah dengan adanya *sab'atu abrus*, ianya bukan sahaja untuk memberi keringanan kepada umat Islam dalam pembacaannya sahaja tetapi juga berkaitan dengan hukum serta *tafsir*.

Rujukan

- Muhammad as-Sadiq Qamhawi & Qasim Ahmad ad-Dajwi. (2008). *Qala'id al-Fikr fi Tanjih al-Qiraat al-'Asyar*. Darul Sa'adah.
- Muhammad as-Sadiq Qamhawi. (2006). *Tholai'u al-Basyar Fi Tanjih al-Qiraat al-'Asyar*. Darul Aqidah.
- Imam al-Jalil Abi Zar'ah Abd al-Rahman bin Muhammad bin Zanjalah. (1997). *Kitab Hujjatul Qiraat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Muhammad Salim Muhaysin. (1988). *Al-Mughna Fi Tanjih al-Qiraat al-'Asyar al-Mutawatirah* (Jilid 1), Beirut: Darul Jail.
- Dr. Wahbah az-Zuhaili. (2016). *Tafsir al-Munir* (Jilid 4). Jakarta: Germa Insani.
- Muhammad Syafee Salihin, Mohd Mahfuz & Nor Faezah. (2018), Implikasi Perbezaan Qiraat Terhadap Hukum Fiqh: Kajian Surah At-Taubah Ayat 1-17 Berkaitan Hukum Orang

Musyrik Memakmurkan Masjid. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Imam Asy-Syaukani. (2011). *Tafsir Fathul Qadir* Jilid 2. Jakarta: Pustaka Azzam.

Imam Asy-Syaukani. (2011). *Tafsir Fathul Qadir* Jilid 3. Jakarta: Pustaka Azzam.

Sayyid Lasheen Abu al-Farah & Dr. Khalid bin Muhammad al-'Ilmi. (2011). *Taqrib al-Ma'ani Fi Syarah Hirzil Amani Fi Qiraat Sab'i*. Darul Zaman Library.

Abdurrahman bin Yusuf al-Jamal. *Khulasah an-Nazar fi Tanjib al-Qiraat al-'Asyar*.

Makki Abi Talib al-Qaisi.(1974). *Al-Kabsf 'an Wujub al-Qiraat wa Tlaliba wa Hijajiba*, Damshiq: Mujamma' al-Lughah al-'Arabiyyah.

BAB 12

TAFSIR ASY-SYA'RAWI OLEH MUHAMMAD MUTAWALLI ASY-SYA'RAWI DAN TAFSIR AL-WASIT LI AL-QURAN AL-KARIM OLEH MUHAMMAD SAYYID TANTAWI: SATU TINJAUAN AWAL

Ahmad Syahir Ahamad Nzly¹, Mahmud Lutfi Abd Hadi¹, Ahmad Shahir Masdan¹,
& Nik Mohd Nabil Ibrahim @ Nik Hanafi¹

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

Pendahuluan

Ilmu tafsir serta tadabbur merupakan sebuah disiplin ilmu yang sangat penting di dalam memahami makna sebenar ayat al-Quran. Justeru, kajian ini membahaskan tentang dua kitab tafsir yang agung serta menjadi rujukan khususnya di negara Mesir mahupun di seluruh dunia sehingga ke hari ini. Kedua-dua judul penulisan ilmiah mengenai ilmu tafsir ini juga boleh dikelaskan sebagai ilmu tafsir tematik yang mana pengarangnya memecahkan syarah tafsir al-Quran kepada beberapa bab mahupun tema khusus. Dua judul karya penulisan ilmiah berkenaan ilmu tafsir yang dikaji adalah kitab “*Tafsir asy-Sya’rawi*”, hasil syarahan lisan berkenaan tafsiran ayat al-Quran yang kemudiannya ditulis, dicatat dan dibukukan oleh anak murid kepada pemilik syarahan lisan asal iaitu al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya’rawi. Selain itu, karya penulisan ilmiah berkenaan ilmu tafsir yang kedua adalah berjudul “*Tafsir al-Wasit Li al-Quran al-Karim*” oleh al-Marhum Syeikh Profesor Dr. Muhammad Sayyid Tantawi. Kedua-dua karya penulisan ilmiah tersebut adalah berasal daripada tokoh al-Quran dan tafsir daripada negara yang diberi gelaran “negeri seribu menara” iaitu negara Mesir.

Maka, definisi tafsir tematik ialah salah satu metod atau kaedah penafsiran al-Quran dengan cara menghimpun ayat-ayat al-Quran yang terkait dengan suatu tema tertentu yang khusus merangkumi beberapa ayat al-Quran. Pada masa kini, tafsir tematik memegang peranan penting, kerana dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Persoalan-persoalan yang muncul di pelbagai tempat dalam memahami makna sebenar ayat al-Quran, dapat dilihat solusinya melalui pendekatan penafsiran al-Quran dengan menggunakan metod tematik atau pemecahan kepada tema khusus. Penafsiran al-Quran dengan metod tematik sangat meluas di era informasi dan globalisasi pada masa kini. Hal ini kerana, tafsir tematik disusun secara praktikal dan sistematis dengan mengikuti kronologi turunnya sesebuah ayat al-Quran. Tafsir tematik juga dapat menjawab berkenaan dengan tantangan masa, waktu dan zaman. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa tafsir tematik munasib likulli zaman wa makan (bersesuaian pada setiap zaman, latar belakang masyarakat, masa serta tempat). Tafsir tematik juga dapat mengikuti perkembangan zaman dengan menyesuaikan tema tertentu bagi ayat al-Quran tertentu berdasarkan tempat, situasi dan kondisi (H. M., 2014).

Pengenalan *Tafsir asy-Sya’rawi*

Nama atau judul mahupun tajuk bagi kitab *Tafsir asy-Sya’rawi* merupakan nisbah kepada pemilik syarahan ayat-ayat al-Quran secara lisan oleh al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya’rawi. Beliau merupakan seorang alim besar di dalam ilmu tafsir khususnya dan umumnya ilmu pengajian agama Islam di negara Mesir. Beliau turut berasal daripada negara yang diberi gelaran *Ummu ad-Dunia* iaitu Mesir. Beliau telah wafat atau meninggal dunia pada tahun 1998 Masihi. Menurut pandangan Syeikh Muhammad ‘Ali Iyazi, judul atau tajuk yang sesuai dan terkenal untuk karya syarahan lisan dan kemudian dibukukan di dalam bentuk penulisan ini adalah “*Tafsir asy-*

Sya'rawi – Khawatir asy-Sya'rawi Haula al-Quran al-Karim”. Hal yang demikian adalah kerana, pada awalnya, penulisan kitab tafsir ini dinamakan dengan nama “*Khawatir asy-Sya'rawi*” yang membawa maksud renungan atau pandangan al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi terhadap ayat-ayat al-Quran dan penafsiran yang mendalam tentangnya (Abu Syahmin, 2012).

Selain itu, kitab “*Tafsir asy-Sya'rawi*” ini turut memuatkan tafsiran bermula daripada awal al-Quran iaitu Surah al-Fatihah sehingga ke Surah ar-Rum pada juz yang ke 21. Kitab ini ditulis oleh anak murid kepada al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya'rawi iaitu Muhammad al-Sinrawi dan ‘Abd al-Waris al-Dasuqi daripada ceramah lisan al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya'rawi. Hadith-hadith yang terdapat di dalam tafsir ini ditakhrif oleh Ahmad Umar Hisyam. Kitab ini mengandungi 18 jilid secara keseluruhannya (Abu Syahmin, 2012) (Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Firdaus Abdul Manaf, 2020) (Mohamad et al., 2019).

Di samping itu, metod penulisan tafsir ini adalah tafsir tematik dan tafsir *tablili*. Tafsir ini merupakan sebuah contoh tafsir *bi al-Lisan* atau tafsir *sauti* iaitu kompilasi ceramah dan syarahan agama mengenai tafsiran al-Quran al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya'rawi. Tafsir ini merupakan gabungan tafsir tematik dan *tablili*. Aspek dan ciri tafsir tematik dapat dilihat dengan kaedah al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya'rawi membahaskan ayat-ayat dan surah-surah di dalam al-Quran di dalam sebuah tema yang teratur serta khusus lagi menyeluruh. Ciri tafsir *tablili* bagi tafsir ini dapat dilihat dengan almarhum Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya'rawi menerangkan makna yang mendalam bagi setiap ayat dan surah di dalam al-Quran sesuai dengan kepakaran serta keahlian beliau di dalam segenap disiplin ilmu pengajian Islam. Justeru, beliau berjaya membahaskan makna tersurat serta makna tersirat sesebuah ayat dan surah di dalam al-Quran (Abu Syahmin, 2012) (Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Firdaus Abdul Manaf, 2020) (Mohamad et al., 2019).

Pengenalan Pengarang *Tafsir asy-Sya'rawi*

Pengenalan atau nama sebenar pemilik bagi kitab tafsir ulung yang bertajuk *Tafsir asy-Sya'rawi* adalah al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya'rawi. Beliau telah dilahirkan pada hari Ahad, pada tarikh 17 Rabiul Akhir 1329 Hijriah bersamaan dengan 15 atau 16 April 1911 Masihi di perkampungan Daqadus. Ia terletak berhampiran dengan sebuah bandar yang bernama Mayyit Ghamr, muhafazah atau negeri Dahqaliyyah di negara Mesir. Beliau telah meninggal dunia pada tarikh 22 Safar 1419 Hijriah dan bertepatan dengan 17 Jun 1998 Masihi dan jenazah beliau telah disemadikan di daerah Daqadus, negeri Dahqaliyyah, negara Mesir. (Redha et al., 2019)(Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Firdaus Abdul Manaf, 2020) (Hikmatiar Pasya, 2017).

Pengenalan *Tafsir Al-Wasit Li Al-Quran Al-Karim*

Kitab “*Tafsir al-Wasit Li al-Quran al-Karim*” merupakan sebuah kitab karya penulisan ilmiah agung tokoh mantan mufti negara Mesir iaitu al-Marhum Syeikh Profesor Dr. Muhammad Sayyid Tantawi. Beliau mengambil masa selama sepuluh tahun bagi menyelesaikan pencarian bahan, penulisan serta suntingan sebelum menerbitkan karya agung penulisan ilmiah beliau tersebut di dalam disiplin ilmu tafsir ini. Kitab “*Tafsir al-Wasit Li al-Quran al-Karim*” ini beliau mula berkarya atau memulakan penulisannya pada tahun 1397 Hijriah bersamaan tahun 1976 Masihi serta beliau selesai tamat penulisannya di bandar atau Madinah an-Nasr yang terletak di dalam negeri Kaherah pada hari Jumaat pagi pada tarikh 26 Rabiul Awwal 1407 Hijriah bertepatan dengan tarikh 28 November 1986 Masihi. Kitab “*Tafsir al-Wasit Li al-Quran al-Karim*” terdiri daripada lima belas jilid dan ia adalah sebuah tafsiran yang lengkap merangkumi 30 juz al-Quran. Hal ini bermakna ia telah sempurna ditulis bermula daripada awal al-Quran iaitu Surah al-Fatihah sehingga ke akhir Surah an-Nas. Justeru, susunannya adalah bertepatan dengan *taswir al-Suwar* atau *tartib al-Suwar* iaitu susunan surah-surah dan ayat-ayat di dalam al-Quran sesuai dengan aturan yang telah ditetapkan oleh Sayyiduna Uthman Bin al-'Affan di dalam mashaf Rasm Uthmani (Fithrotin, 2018).

Tambahan pula, kitab “*Tafsir al-Wasit Li al-Quran al-Karim*” ini telah ditulis di dalam lima belas jilid secara keseluruhannya dan mengandungi 7000 halaman yang bercetak. Ia telah dicetak di dalam pelbagai jenis kaedah serta mutu mahupun kualiti cetakan oleh syarikat pencetak yang berbeza. Ia telah dicetak serta diterbitkan buat julung kalinya atau kali pertamanya adalah pada tahun 1972 Masihi. Metod penulisan kitab “*Tafsir al-Wasit Li al-Quran al-Karim*” ini jika diteliti daripada aspek perincian penerangan dan huraian pengarang terhadap sesuatu ayat dan surah di dalam al-Quran adalah berbentuk kaedah tafsir tafsili. Selain itu, jika dilihat daripada aspek golongan sasaran mahupun susunan terbitan ayat dan surah yang ditafsirkan oleh al-Marhum Profesor Dr. Muhammad Sayyid Tantawi pula adalah berbentuk kaedah tafsir *tablili*. Di samping itu, metod tafsir tematik turut dapat dilihat dengan beliau mengelaskan ayat dan surah di dalam al-Quran kepada beberapa tema yang khusus. Justeru, secara khulasahnya tafsir ini mengandungi tiga metod iaitu *tafsili*, *tablili* dan tematik. Selain itu tafsir ini turut merupakan sebuah tafsir *bi al-Ma'thur*. Hal ini kerana, pengarang mendatangkan tafsiran ayat dan surah al-Quran berdasarkan ayat al-Quran dan hadith serta sumber perundangan yang sahih dan muktabar (Fithrotin, 2018).

Pengenalan Pengarang *Tafsir Al-Wasit Li Al-Quran Al-Karim*

Nama penuh bagi pengarang karya penulisan ilmiah ilmu tafsir yang berjudul “*Tafsir al-Wasit Li al-Quran al-Karim*” adalah al-Marhum Syeikh Profesor Dr. Muhammad Sayyid ‘Atiyyah al-Tantawi. Nasab atau nisbah nama terakhir beliau adalah kepada sebuah bandar yang bernama Tanta di negeri atau *muhafazah* yang bernama *gharbiyyah* di negara Mesir. Beliau telah dilahirkan di sebuah perkampungan kecil yang bernama Sulaim al-Syarqiyyah, Syahaq, Mesir pada tarikh 14 Jamadil Awwal 1347 Hijriah bertepatan dengan tarikh 28 Oktober 1928 Masihi. Proses pembelajaran beliau bermula dengan kampung halamannya terlebih dahulu dan setelah beliau tamat menghafaz al-Quran 30 juz di Madrasah Iskandariyah atau Alexandria pada tahun 1944 Masihi, beliau menyambung pengajian di Fakulti Usuluddin di Universiti al-Azhar al-Syarif Mesir serta beliau selesai pengajian ijazah sarjana mudanya pada tahun 1958 Masihi. Seterusnya, beliau menamatkan pengajian di peringkat *dirasat al-Ulya* atau sarjana di Fakulti Usuluddin di Universiti al-Azhar al-Syarif Mesir pada tahun 1959 Masihi. Pada tahun 1966 Masihi, beliau menamatkan pengajian ijazah doktor falsafah di Fakulti Usuluddin di Universiti al-Azhar al-Syarif Mesir dengan keputusan cemerlang atau Mumtaz dengan tajuk tesis “*Banu Israil fi al-Quran wa as-Sunnah*” (Fithrotin, 2018).

Kesimpulan

Karya agung penulisan ilmiah di dalam disiplin ilmu tafsir yang berjudul “*Tafsir asy-Sya'rawi*” oleh al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya’rawi dan ‘*Tafsir al-Wasit Li al-Quran al-Karim*’ oleh al-Marhum Syeikh Profesor Dr. Muhammad Sayyid Tantawi adalah kedua-duanya merupakan sebuah karya agung yang menjadi rujukan di dalam ilmu tafsir sejak dahulu iaitu bermula syarahan serta penulisannya seperti “*Tafsir asy-Sya'rawi*” mahupun penulisannya “*Tafsir al-Wasit Li al-Quran al-Karim*” sehingga sekarang dan akan datang. Justeru, pengkajian terhadap kedua-dua kitab karya penulisan ilmiah yang agung di dalam disiplin ilmu tafsir ini mestilah dicambahkan dari masa ke semasa agar bukan sahaja ahli akademik bahkan masyarakat awam turut dapat mengambil manfaat yang banyak daripada dua orang tokoh ilmuan dari negara Mesir ini. Mereka berdua iaitu yang pertamanya yang juga pengarang serta pemilik karya lisan asalnya sebelum ianya dibukukan di dalam bentuk penulisan oleh anak muridnya iaitu “*Tafsir asy-Sya'rawi*” adalah al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya’rawi. Beliau merupakan pemilik bagi karya tafsir *sonti* iaitu secara lisan yang berjudul “*Tafsir asy-Sya'rawi*”. Pengarang kedua pula adalah bagi penulisan ilmiah karya tafsir kedua yang dikaji di dalam kajian ini merupakan seorang mantan Mufti Besar negara Mesir yang bernama al-Marhum Syeikh Profesor Dr. Muhammad Sayyid Tantawi. Selain itu, beliau yang juga merupakan mantan Mufti Besar negara Mesir bermula dari tahun 1986 Masihi sehingga ke

tahun 1996 Masihi dan beliau adalah pemilik kitab tafsir yang berjudul “*Tafsir al-Wasit Li al-Quran al-Karim*” (Fithrotin, 2018).

Selain itu, adalah menjadi tuntutan kepada para pengkaji mahupun penuntut disiplin ilmu tafsir serta pengajian Islam khususnya dan amnya orang awam untuk meneliti tajuk diikuti dengan isi kandungan sesebuah karya penulisan ilmiah. Hal ini kerana, terdapat ramai dalam kalangan ulama dan tokoh Islam khususnya di dalam disiplin ilmu tafsir seperti al-Marhum Profesor Dr. Wahbah al-Zuhaili yang meletakkan nama judul kitab tafsirnya dengan tajuk “*Tafsir al-Wasit*”. Penamaan kitab tersebut adalah berhampiran namanya dengan karya penulisan ilmiah ilmu tafsir yang kedua di dalam kajian ini iaitu berjudul “*Tafsir al-Wasit Li al-Quran al-Karim*” karangan al-Marhum Syeikh Profesor Dr. Muhammad Sayyid Tantawi. Justeru, pengkajian dan perkongsian ilmu berterusan adalah dituntut agar ahli akademik dan umat Islam tidak tertukar karya ulama silam dan kontemporari di dalam ilmu tafsir dan tafsir tematik khususnya yang mempunyai judul atau tajuk penulisan ilmiah yang hampir sama atau sama.

Kesimpulannya, karya penulisan ilmiah di dalam disiplin ilmu tafsir yang pertama yang telah dikaji di dalam kajian ini yang berjudul “*Tafsir asy-Sya’rawi*” oleh al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya’rawi menghimpunkan dua metod tafsir iaitu tafsir tematik dan tafsir *tablili* (Abu Syahmin, 2012) (Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Firdaus Abdul Manaf, 2020) (Mohamad et al., 2019). Manakala, karya penulisan ilmiah di dalam disiplin ilmu tafsir kedua yang telah dikaji di dalam kajian ini yang bertajuk “*Tafsir al-Wasit Li al-Quran al-Karim*” karya oleh al-Marhum Syeikh Profesor Dr. Muhammad Sayyid Tantawi pula menghimpunkan tiga metod tafsir iaitu tafsir *tafsili*, tafsir *tablili* dan tafsir tematik (Fithrotin, 2018).

Tambahan pula, adalah sangat diharapkan oleh pengkaji agar kajian ini akan menjadi batu loncatan kepada kajian yang lebih mendalam dan terperinci mengenai secara khususnya dua kitab rujukan utama dunia pada masa lalu, kini dan akan datang di dalam disiplin ilmu tafsir ini. Kitab serta karya penulisan ilmiah di dalam disiplin ilmu tafsir yang pertama adalah berjudul “*Tafsir asy-Sya’rawi*” oleh al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya’rawi. Karya penulisan ilmiah di dalam ilmu tafsir yang kedua adalah bertajuk “*Tafsir al-Wasit Li al-Quran al-Karim*” oleh al-Marhum Syeikh Profesor Dr. Muhammad Sayyid Tantawi. Selain itu, semoga kajian ini turut akan menyuburkan kajian lanjutan berkenaan kitab-kitab, buku-buku serta penulisan ilmiah lain di dalam disiplin ilmu tafsir agar ianya bukan sekadar menjadi rujukan para ilmuan Islam bahkan turut dirasai faedahnya oleh umat Islam mahupun manusia sejagat.

Di samping itu juga adalah menjadi harapan pengkaji juga agar terbitnya kajian-kajian lanjutan berkenaan dua tokoh ini secara khususnya iaitu yang pertamanya adalah al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli asy-Sya’rawi dan yang keduanya adalah al-Marhum Syeikh Profesor Dr. Muhammad Sayyid Tantawi. Selain itu, semoga kajian ini turut akan menyuburkan kajian lanjutan berkenaan secara amnya tokoh-tokoh lain di dalam disiplin ilmu tafsir sama ada dalam kalangan ulama silam iaitu *salaf* dan *khalf* mahupun ulama kontemporari yang terkini.

Rujukan

- <http://abusyahmin.blogspot.com/2012/08/tafsir-al-syarawi.html>
- Fithrotin. (2018). Metodologi Tafsir Al Wasit Sebuah Karya Besar Grand Sheikh Muhammad Sayyid Tantawi. 1, 41–55. <https://ejurnal.iaitabah.ac.id/index.php/Alfurqon/article/view/205/165>
- H. M., S. (2014). Studi tafsir tematik. Jurnal Study Islam Panca Wahana, 1(12), 1–13. <http://ejurnal.kopertais4.or.id/tapalkuda/index.php/pwahana/article/view/1177/814>
- Mohamad, M. R., Shamshul Kamar, M. Z., & Amer, 'Uqbah. (2019). Tokoh Al-Quran: Syeikh Muhammad Mutawalli Al-Sya’rawi dan Sumbangannya. International Seminar on Islamiyyat Studies, 5(November), 164–171. <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/images/eproceeding/2019/1015-irsyad-2019.pdf>

- Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Firdaus Abdul Manaf, M. Z. S. K. (2020). Sumbangan Shaykh Muhammad Mutawalli Al-Sha'rawi Terhadap Dunia Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 56–66. <http://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/33/29>
- Redha, M., Mohamad, B., Fairuz, M., Adi, B. A., Binti, N., & Ghapar, A. (2019). Qiraat Syadhdhah : Pengenalan Empat Tokoh Imam Yang Khusus Qiraat Syadhdhah : The Introduction Of Four Specialize Imam. *Jurnal Qiraat*, 2(1), 13–25. <http://journal.kuis.edu.my/qiraat/wp-content/uploads/2019/12/QIRAAT-SYADHDHAH-PENGENALAN-EMPAT-TOKOH-IMAM-YANG-KHUSUS.pdf>

BAB 13

QIRAAT IMAM HASSAN AL-BASRI DALAM SURAH AL-FATIHAH: SATU ANALISIS

Abi Syafiq al-Hakiem Ab Jabar¹, ‘Uqbah Amer¹ & Mohd Ikram Mohd Nawi¹

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

Pendahuluan

Imam Hasan al-Basri adalah salah seorang ilmuan yang terkenal dalam bidang al-Quran dan *al-Qiraat*. Beliau merupakan salah seorang imam *qiraat syadhdhbah* yang lahir pada tahun pemerintahan Khalifah Umar R.A. Kajian ini akan membentangkan sejarah kehidupan beliau, guru-gurunya, anak-anak murid dan karya-karyanya. Pengkaji juga akan menganalisis *qiraat syadhdhbah* yang terdapat di dalam surah al-Fatiyah menurut imam Hasan al-Basri. Metode kajian dilakukan secara kualitatif dan pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan. Hasil kajian ini akan menunjukkan contoh-contoh *qiraat syadhdhbah* serta maklumat tambahan dalam ilmu *qiraat* disamping menarik minat pengkaji-pengkaji yang khusus dalam bidang ilmu *qiraat*.

Latar Belakang Imam Hasan al-Basri

Nama beliau ialah Abu Said al-Hasan bin Yahya al-Basri. Lahir di kota Madinah pada tahun 21 Hijrah pada zaman pemerintahan Khalifah Umar R.A. Beliau telah mempelajari pelbagai ilmu daripada lebih 130 orang sahabat. Meninggal dunia pada tahun 110 Hijrah (al-Zahabi 1995:162). Asal keluarganya berasal dari Misan, suatu desa yang terletak antara Basrah dan Wasith. Kemudian mereka berpindah ke Madinah (Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Fairuz A.Adi & Nurhanisah Abdul Ghapar, 2019).

Beliau telah menghafal al-Quran seawal usia 12 tahun. Kemudiannya beliau berpindah ke wilayah ilmu iaitu kota Basrah di Iraq pada usia 14 tahun. Kota basrah pada ketika itu disinggahi oleh ramai para tabi'in yang ingin menuntut pelbagai jenis bidang ilmu. Tidak ketinggalan, Hasan al-Basri turut sama mempelajari ilmu al-Quran, ilmu tafsir dan ilmu hadis di tangan sahabat yang ulung iaitu Ibn Abbas. Manakala beliau mempelajari ilmu fiqh, bahasa dan sastera dari sahabat-sahabat yang lain (Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Fairuz A.Adi & Nurhanisah Abdul Ghapar, 2019).

Selain itu, beliau juga terkenal sebagai tokoh dalam bidang tasawuf. Beliau merupakan seorang sufi dari kalangan tabi'in dan berperanan besar untuk pertumbuhan kehidupan sufi di Basrah. Di antara ajarannya yang terpenting adalah *khanq*, *zuhud* dan *raja'*. Beliau turut dikenali sebagai pengasas madrasah Zuhud di kota Basrah (Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Fairuz A.Adi & Nurhanisah Abdul Ghapar, 2019).

Guru-Guru

Lahir pada zaman khalifah saidina Umar al-Khattab R.A., maka beliau tergolong dalam kalangan tabi'in dan secara automatik beliau berguru dengan ribuan sahabat nabi s.a.w.. Antara guru-gurunya dalam kalangan sahabat adalah Abdullah bin Umar, Anas bin Malik, Abdullah bin Mughaffal, ‘Amr bin Taghlib, Abu Burzah al-Aslami, dan masih banyak lagi. Menurut Ibnu Hibban, Imam Hasan al-Basri telah menimba ilmu kepada 120 tokoh dari golongan sahabat. (Ibnu Hibban, 1996). Dalam ilmu al-Quran dan *al-Qiraat* pula, beliau mengambil daripada gurunya iaitu Hitan bin Abdullah al-

Riqashi, Abu Musa al-Asy'ari, Ali Abi al-'Aliyah, Umar bin al-Khattab, Ubay bin Ka'ab dan Zaid bin Thabit.

Murid-Murid

Antara murid-murid beliau yang popular adalah Abu Amru bin al-'Ala' yang merupakan salah seorang perawi *qiraat*, Salam Ibn Sulaiman al-Thawil, Yunus bin 'Ubaid, 'Asim al-Jahduri, Abi Umar Isa bin Umar al-Thaqafi. Dua perawinya yang masyhur iaitu (Qayyum Abd Ghafur al-Sindi, 2001):

- i) Syuja' al-Balkhi: Nama beliau ialah Abu Naim Syuja' bin Abi Nasr al-Balkhi. Beliau seorang imam yang zuhud, '*abid* dan *muqri*'. Dilahirkan pada tahun 120 Hijrah di Bilkh. Wafat pada tahun 190 Hijrah di Baghdad. Guru-gurunya adalah Abi 'Amru bin al-Ala' al-Basri, Abi Umar Isa bin Umar al-Tsaqafi dan Saleh al-Mirri. Murid-muridnya adalah Abu Ubaid al-Qasim bin Salam, Muhammad bin Ghalib, Abu Nasr al-Qasim bin Ali dan Abu Umar Hafs al-Duri.
- ii) Hafs bin Umar al-Duri: Nama beliau ialah Hafs bin Umar bin Abd Aziz Abu Umar al-Duri al-Nahwi. Dilahirkan pada waktu pemerintahan Abu Ja'far al-Mansuri pada tahun 150 Hijrah di al-Dur yang terletak berhampiran dengan Baghdad dan namanya dinisbahkan kepada tempat lahirnya. Beliau seorang imam Qiraat pada masanya dan seorang *qurra* bagi manusia pada zamannya. Wafat pada bulan Syawal pada tahun 246 Hijrah.

Karya Ilmiyah

Mengikut catatan Fuat Sezgin, penulis buku *Tarikh al-Turats al-'Arabi*, bahawasanya karya ilmiyah Imam Hasan al-Basri berjumlah sekitar 12 tajuk, antaranya ialah(UIN Syarif Hidayatullah 2008):

- i) *Tafsir al-Quran*. Kitab ini tidak sampai kepada kita secara kukuh. Naskhah ahli tafsir ini lenyap dalam perjalanan sejarah yang panjang. Beberapa bahagian dari tafsir ini sampai kepada generasi kita melalui kutipan yang berserakan dalam pelbagai kitab, baik kitab tafsir mahupun kitab usul al-Din (asas-asas agama).
- ii) *Al-Qira'ah*. Karya inipun tidak sampai kepada generasi kita secara kukuh. Satu-satunya penulis yang banyak mengambil rujukan dari kitab *al-Qira'ah* karya Hasan al-Basri ini adalah Ahmad ibn Muhammad Dimyati al-Banna (w. 1117 H / 1705 M), pengarang kitab *Ithaf Fudala al-Basyar bi al-Qira'at al-Arba'at 'Asyara*. Dalam kitab ini, kita menemukan banyak kutipan dari *al-Qira'ah* karya Hasan al-Basri.
- iii) *Risalah fi al-Qadr*.
- iv) *Risalah fi Fadli Makkah al-Mukarramah*.
- v) *Arba' wa Khamsun Faridah*.
- vi) *Risalah fi al-Takalif*.
- vii) *Syurut al-Imamah*.
- viii) *Wasiyat al-Nabiyyi li Abi Hurayrah*.
- ix) *Al-Istighfarat al-Munqadzah min al-Nar*.
- x) *Al-Asma' al-Idrisiyah*.
- xi) Surat-surat untuk Umar ibn Abd al-Aziz
- xii) Kumpulan Pidato sebagaimana disusun oleh al-Jahiz dalam kitab *al-Bayan wa al-Tabyin*.

Pengenalan Ilmu *Qiraat*

Qiraat (القراءات) adalah kata plural (جمع) bagi perkataan (قراءة) iaitu kata terbitan bagi perkataan (قرأ) yang bermaksud membaca. Menurut Ibn al-Jazari (1995) *qiraat* bermaksud “*Suatu ilmu yang membincangkan tentang tatacara menyebut kalimah-kalimah al-Quran dan perselisihan-perselisihan yang ada padanya dengan menisbahkan kepada orang yang menyampaikan tatacara tersebut*”. Imam al-Suyuthi menukilkan dalam *al-Itqan Fi Ulum al-Quran* bahawasanya *qiraat* itu ada enam jenis iaitu *mutawatir*, *masybur*, *ahad*, *syadb*, *maudu'* dan *mudraj*. Pertama ialah *mutawatir*, iaitu ia diriwayatkan oleh sekumpulan manusia yang tidak mungkin mereka sepakat untuk berbohong dari orang-orang yang keadaannya seperti mereka ini hingga terakhir. Seperti inilah kebanyakkan *qiraat* itu. Kedua ialah *masybur*, iaitu yang sahih sanadnya tetapi tidak sampai pada darjat *mutawatir*, sesuai dengan kaedah bahasa arab dan penulisannya serta masyhur dalam kalangan para *qurra'*. Ketiga ialah *ahad*, iaitu yang sahih sanadnya tetapi berbeza kaedah bahasa arab dan penulisannya. Keempat ialah *syadb*, iaitu yang tidak sahih sanadnya. Banyak kitab yang menyusun mengenai hal ini. Contoh ayat seperti kalimah “يَوْمٌ” dalam surah al-Fatihah dibaca *fathah mim*. *Qiraat* seperti ini akan diperincikan lagi pada bab yang seterusnya. Kelima ialah *maudu'* iaitu palsu seperti *qiraat-qiraat al-Khuza'i*. Keenam ialah *mudraj* iaitu *qiraat* yang ditambah dalam bentuk tafsiran ayat al-Quran. Contohnya *qiraat* Ibnu Abbas mengenai musim haji dalam surah al-Baqarah ayat 198:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَتَّبِعُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ فِي مَوَاسِيمُ الْحَجَّ.

Maksudnya: “Tidak menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan Haji) pada musim Haji”.

Qiraat Syadhdhah

Qira'at shadhdhah dari sudut bahasa dan istilah: Kajian bahasa menjelaskan bahawa *shadh* dari sudut bahasa adalah asalan daripada (شدوا، يشد، شد) شد الرجل iaitu: Dia telah bersendiri, sedang bersendiri, sendirian”. Iaitu: Dia telah berpisah daripada kelompok yang ramai dan bersalah dengan mereka (Sabri Mohamad, 2016).

Di dalam kitab *al-Itqan fi Ulum al-Quran*, Imam al-Suyuti (2008) mendefinisikan *qiraat syadhdhah* seperti berikut:

هو كل قراءة فقدت ركناً أو أكثر من أركان القراءة المقبولة

Maksudnya: “*Qiraat Syadhdhah* adalah *qiraat* yang tidak memenuhi salah satu rukun atau lebih dari rukun-rukun keabsahan *qiraat*”.

Ibn al-Jazari (2012) membicarakan perihal tiga syarat utama keabsahan sesuatu *qiraat*. Beliau menukilkannya di dalam bait *Thayyibah al-Nasyr*:

فَكُلٌّ مَا وَاقَ وَجْهٌ نَحْوٌ * وَكَانَ لِلرِّسْمِ احْتِمَالًا يَحْوِي
 وَصَحٌّ إِسْنَادًا هُوَ الْقُرْءَانُ * فَهَذِهِ التَّلَاثَةُ الْأَرْكَانُ
 وَحِينَما يَخْتَلُّ رُكْنٌ أَثْبِتْ * شَذْوَذَهُ لَوْ أَنَّهُ فِي السَّبْعَةِ

Maksudnya: “Setiap qiraat yang sesuai dari sudut kaedah nahu (bahasa), dan sesuai dengan rasm (tulisan) Mushaf Uthmani, dan mempunyai sanad yang sahib, adalah (termasuk) al-Quran. Inilah tiga rukun (diterimanya qiraat), dan ketika ada salah satu rukun yang cacat, maka pastikan qiraat itu Syadhb, walaupun ada pada qiraat sab’ah”.

Amat jelas kepada kita bahawa jika ketiga-tiga pakej rukun *qira’at* yang dinyatakan di atas tidak terdapat pada mana-mana *qira’at* maka ianya digelar *shadh* dan jika sekiranya ianya lengkap dengan ketiga-tiga pakej tersebut maka ianya *qira’at* yang diterima dan ia adalah al-Quran (Sabri Mohamad, 2016).

Hukum-Hakam Berkaitan *Qiraat Syadhdhah*

Qiraat syadhdhah yang tidak menepati rasm uthmani hukumnya tidak sah dibaca dalam sembahyang. Imam Abu Umar ibn Abdil al-Bar melalui kitabnya *al-Tambid* menyatakan, telah berkata Imam Malik: “barangsiapa membaca dalam solatnya *Ibn Mas’ud* atau *qiraat lain* dikalangan *sahabat* yang menyalahi *mushaf* maka tidak boleh sembahyang dibelakangnya. Hal ini kerana perkara ini telah diijma’kan oleh semua ulama muslim” (Mohd Rahim Jusoh, 2001).

Imam al-Nawawi juga berkata di dalam kitab *syarb al-Mubazzab*: “Tidak harus membaca *qiraat Syadhdhah* di dalam sembahyang atau diluar sembahyang kerana *qiraat tersebut* bukannya *al-Quran* dan yang dinamakan *al-Quran* iaitu yang *thubutnya* (datangnya) adalah *Mutawatirah*” (Mohd Rahim Jusoh, 2001).

Ibn al-Barr berkata: “Telah berijma’ ulama muslimin bahawa tidak harus (tidak boleh) membaca *qiraat syadhdhah* dan dilarang bersembahyang di belakang imam yang membaca *qiraat tersebut*”. Imam Fakhruddin al-Razi berkata di dalam tafsirnya: “Ulama telah bersepakat bahawa tidak harus membaca *qiraat syadhdhah* di dalam sembahyang”. Ibn Solah berkata: “Haram membaca *qiraat syadhdhah* di dalam sembahyang dan wajib setiap orang mengingkari *qiraat tersebut*” (Khairul Anuar Mohamad, 2011).

Hukum Mengajar Dan Mempelajari *Qiraat Syadhdhah*

Ulama *qiraat* mengharuskan mengajar dan mempelajari *qiraat syadhdhah* sebagai teori, ia juga berperanan dalam ilmu tafsir al-Quran. Ia juga diharuskan jika dikumpulkan di dalam kitab-kitab ilmiah. Murid kepada ibn al-Jazari iaitu imam al-Nuwairi (2003) berkata: “Sekiranya membaca *qiraat syadhdhah* tanpa *i’tiqad* bahawa ianya adalah *al-Quran*, tidaklah menjadi masalah. Bahkan daripada itu (*qiraat syadhdhah*) boleh digunakan sebagai *hujjah* dalam hukum syariah dan bahasa arab. Dan ia juga boleh dibukukan dan dibincangkan. Namun, sekiranya ber*i’tiqad* ia adalah *al-Quran* maka haram”.

Di Antara Contoh *qiraat syadhdhah* dan Tafsir Imam Hasan al-Basri:

- i) Surah al-Mujadilah ayat 16:

أَتَحْدُو أَيْمَنَهُمْ جُنَاحَهُمْ فَصَدُّوا عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ فَأَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ١٦

Maksudnya : Mereka menjadikan sumpahnya sebagai perisai (untuk menyelamatkan diri dan harta bendanya daripada dirampas atau dibunuh), maka dengan yang demikian dapatlah mereka menghalang (dirinya dan orang lain) dari jalan Allah; oleh itu mereka beroleh azab seksa yang menghina.

Qiraat imam Hasan al-Basri membaca dengan baris *kasrah* huruf hamzah pada kalimah (*aimanahum*) bermakna iman-iman dan amalan agama. *Qiraat* ini menunjukkan bahawa orang-orang munafiq menzahirkan amalan baik (iman) di dalam agama Islam untuk dijadikan pendinding diri dari harta mereka daripada dirampas atau dibunuh (Mohd Rahim Jusoh, 2001).

- ii) Surah al-Baqarah ayat 19:

...يَجْعَلُونَ أَصْبِعَهُمْ فِي ءادَانِهِمْ مِنَ الصَّوْعَقِ حَذَرَ الْمَوْتَ وَاللهُ مُحِيطٌ بِالْكُفَّارِينَ ۑ

Maksudnya : "...mereka menyumbat jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. (Masakan mereka boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang-orang yang kafir itu."

Imam Ibn Kathir dalam tafsirnya menukil cara bacaan lain ketika membaca kalimah (*al-Sowa'iqi*). Beliau mengatakan: "Dinukil dari Imam Hasan al-Basri bahawa beliau membacanya dengan (*al-Sowaqi'i*) iaitu dengan mendahuluikan huruf *Qaf* dari bacaan yang umum (*al-Sowa'iqi*)". Kemudian Imam Ibn Kathir menukil dari Imam al-Nuhas yang mengatakan bahawa kalimah (*al-Sowaqi'i*) dengan (*al-Sowa'iqi*) adalah bahasa Bani Tamim dan sebahagian Bani Rabi'ah. (*al-Sowaqi'i*) dengan (*al-Sowa'iqi*) maknanya sama iaitu kilatan petir. Telah mutawatir bahawa al-Quran ini dengan tujuh huruf, namun para ulama berbeza penafsiran yang dimaksud dengan tujuh huruf tersebut. Salah satu penafsirannya adalah ada sebahagian kalimah dalam al-Quran boleh dibaca dalam berbagai variasi bahasa suku arab pada waktu itu, untuk mengungkapkan satu makna yang sama. Akan tetapi yang pasti bahasa suku Quraisy adalah bahasa utama al-Quran turun padanya (Ikhwah Media, 2017).

3. Surah al-Baqarah ayat 201:

وَمِنْهُمْ مَنْ يَقُولُ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ۚ

Maksudnya : "Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata : "wahai Tuhan Kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab api neraka".

Imam Hasan al-Basri menafsirkan makna firman Allah "Wahai Tuhan kami, berikanlah kepada kami kebaikan di dunia dan di akhirat". Beliau mengatakan "Kebaikan di dunia adalah ilmu dan ibadah. Adapun kebaikan di akhirat adalah syurga" (Al-Ujurriyy, 2007).

Qiraat Imam Hassan Al-Basri Dalam Surah Al-Fatiyah

<i>Qiraat Imam Hassan al-Basri</i>	<i>Qiraat Imam Hafs</i>
Tiada khilaf.	
Membaca dengan baris <i>kasrah</i> pada huruf Dal bagi kalimah (الْحَمْدُ) yang bermaksud segala puji.	بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۖ الْحَمْدُ لِللهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۗ
Membaca dengan <i>Idgham</i> huruf Mim ke dalam huruf Mim (<i>Mithblain Kabir</i>). Boleh dibaca	الْرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۖ مَلَكِ يَوْمَ الدِّينِ ۗ

dengan dua, empat atau enam harakat pada huruf mad yang bermaksud Yang Maha Mengasihani dan Yang Menguasai Hari Pembalasan.	
الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ۗ مَلِكُ يَوْمِ الدِّينِ ۖ	
Membaca dengan huruf Ya' berbaris <i>dhommah</i> dan membariskan <i>fathah</i> pada huruf Ba' (يُعَذِّبُ). Yang bermaksud disembah.	إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ۝
Membaca dengan <i>hazaf</i> Alif Lam Ta'rif dan menasabkan beserta <i>tanwin</i> pada kalimah (صِرْطًا مُسْتَقِيمًا) yang bermaksud jalan yang lurus.	أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ۶
Membaca dengan baris <i>kasrah</i> pada huruf Mim dan <i>silah</i> dengan huruf Ya' ketika <i>wasal</i> pada kedua-dua tempat (عَلَيْهِمْ) yang bermaksud ke atas mereka.	صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرَ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالُّلُ ۷

Sumber : *Kitab Jala' Basari Fi Qiraat al-Hasan al-Basri*

Kesimpulan

Imam Hasan al-Basri merupakan salah seorang imam yang meriwayatkan *qiraat syadhdhab*. Manhaj *qiraat* beliau yang terkandung di dalam kitab *Kitab Jala' Basari Fi Qiraat al-Hasan al-Basri* wajar sekali dijadikan bahan pengajaran generasi kini. Ia berperanan penting dalam ilmu *qiraat* dan ilmu tafsir. Melalui *qiraat* beliau telah membawa kepelbagaiannya tafsir ayat-ayat al-Quran disamping sebahagian *qiraat*nya yang membawa kepada beberapa istinbat hukum fiqh walaupun *qiraat* beliau termasuk di dalam kategori *syahdh*. Beliau juga seorang tokoh sufi pada zamannya. Banyak puji-pujian dari ulama antaranya dari al-Matluk Wara' berkata "Jika Imam Hasan al-Basri hadir, kita ingat akan akhirat kerana apabila belian menceritakan sesuatu, seolah-olah kita menyaksikan perkara itu". Menurut al-Auf, beliau tidak pernah melihat orang yang tahu jalan ke syurga melainkan imam Hasan al-Basri (Muhammad Sa'id Mursi, 2013).

Penutup

Melalui kajian ini, dapat diringkaskan bahawa kepentingan ilmu *qiraat syahdhah* dan keperluannya dalam pengajian *qiraat* di Malaysia. Kajian terhadap ilmu ini perlu diteruskan kerana sekalipun, *qiraat syadhdhab* tidak dianggap atau dibaca sebagai al-Quran, namun ia diharuskan untuk dipelajari secara teori. Galakan untuk mengkajinya sesuai dengan hadis dari Saidina Uthman bin Affan R.A., bahawa nabi S.A.W. bersabda:

"خَيْرُكُمْ مَنْ تَعْلَمَ الْقُرْآنَ وَعَلِمَهُ".

Maksudnya: “Sebaik-baik kamu adalah orang yang mempelajari *al-Quran* dan mengajarkannya”. (al-Bukhari, 1998)

Malah jumhur ulama mengharuskan untuk beramal dan mengeluarkan hukum-hakam *syar'iyyah* daripadanya kerana mereka meletakkannya setaraf dengan *khabar abad* (Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Fairuz A.Adi & Nurhanisah Abdul Ghapar, 2019).

Rujukan

- Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Fairuz A.Adi & Nurhanisah Abdul Ghapar. (2019). *Qiraat Syadhdhab: Pengenalan Empat Tokoh Imam Yang Khusus*. Jurnal Qiraat. Vol. 2. Bilangan 1.
- Ibnu Hibban, *al-Tsiqqat*, (1996). vol. IV: 123. Dar Fikr, Beirut.
- Abd Qayyum bin Abd Ghafur al-Sindi. (2001). *Sofahat Fi Ulum al-Quran*. Dar al-Basyair al-Islamiyyah, Lubnan.
- Ensiklopedi Tasawuf / disusun oleh UIN Syarif Hidayatullah; Pimpinan redaksi /Penanggungjawab, Azyumardi Azra. (2008.). Bandung: Angkasa.
- Sabri Mohamad. (2016). *Pengaruh Ilmu Qira'at dalam Pengajian Islam*. Jurnal al-Turath. Vol.1. No.1.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din. 'Abd Rahman ibn Abi Bakar. (2008) *Al-Itqan fi Ulum al-Quran*. Tahqiq Prof Dr Syua'ib al-Arnout. Muassasah al-Risalah Nasyirun. Beirut, Lubnan.
- Al-Nuwayri, Abu al-Qasim Muhammad ibn Muhammad Muhibbudin. (2003). *Syarh Tayyibat al-Nasyr fi al-Qiraat al-Asyri*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Beirut, Lubnan.
- Al-Quran al-Karim
- Abdullah Muhammad Basmeih, (2001). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Darul Fikir, Kuala Lumpur.
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf 751-833 H. (2012). *Manzumat al-Toiyibah al-Nasyr Fi al-Qiraati al-Asyri*, Tahqiq Prof. Dr Aiman Ayman Suwaid. Maktabah Ibn al-Jazari, Damsyik.
- Ikhwah Media (2017). <https://ikhwahmedia.wordpress.com/2017/07/29/%E2%80%8Bqiroah-imam-hasan-al-bashri-pada-ayat-ke-19-surat-al-baqoroh/>
- Mohd Rahim Jusoh (2001). *Pengenalan Ilmu Qiraat*. Mahsuri Timur Sdn. Bhd. Selangor.
- Khairul Anuar Mohamad. (2011). *Qiraat Syadhdhab*. Utusan Malaysia. 24 Ogos 2011.
- Taufiq Ibrahim Dhamrah. (2010). *Jala' Basari Fi Qiraat al-Hasan al-Basri*. Maktabah al-Wataniyyah. Amman, Jordan.
- Al-Ujurriyy, Abu Bakr Muhammad bin al-Husain bin Abdullah. (2007). *Kitab Akhlak al-Ulama'*. Dar Adhwa al-Salaf. Riyadh.
- Muhammad Sa'id Mursi. (2013). *Tokoh-tokoh Besar Islam Sepanjang Zaman*. Al-Hidayah Publications. Kuala Lumpur.
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyiddin Yahya bin Sharaf. W.676 H. (1998). *Riyadhu al-Solihin*. . Tahqiq Prof Dr Syua'ib al-Arnout. Muassasah al-Risalah Nasyirun. Beirut, Lubnan.

BAB 14

TAHAP KEBERKESANAN KAEADAH *MURAJA'AH*: KAJIAN DI MA'AHAD TAHFIZ AL-QURAN WAL-QIRAAT ADDIN KAMPUNG KETIOR DALAM, KUALA KANGSAR

Nor Hasanah Mohd Yusoff¹, Sharifah Noorhidayah Syed Aziz¹ & Mohd Hirwan Abdulla

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

Pendahuluan

Bidang hafazan al-Quran telah bermula semasa penurunan ayat al-Quran yang pertama. Ketika Rasullullah S.A.W berumur 40 tahun dan sedang beribadat di Gua Hira', Allah S.W.T telah memerintahkan Jibrail A.S untuk mengajarkan al-Quran kepada baginda. Ayat pertama yang dibaca adalah *iqrā* yang diulang sebanyak tiga kali oleh Malaikat Jibrail A.S dan kemudian dibaca kembali oleh baginda secara hafazan (Zulkifli Mohammad 2013).

Selain itu, baginda S.A.W bukan membaca al-Quran dengan sekadar menghafaz semata, tetapi bacaan baginda untuk memahami dan mengingatinya. Rasulullah S.A.W sentiasa menggerakkan lidahnya mengulangi ayat-ayat al-Quran walaupun ayat tersebut belum sempurna dibaca oleh Jibril A.S dan ia mengganggu bacaan Jibril A.S. Rasulullah S.A.W melakukan hal sedemikian kerana berusaha untuk mengingati(murajaah) ayat al-Quran tersebut kerana khuatir jika terlupa. Lantas Allah S.W.T menasihati baginda S.A.W agar berhenti daripada melakukan perkara tersebut. Seterusnya Allah S.W.T telah memberi jaminan kepada baginda S.A.W dalam memastikan baginda S.A.W dapat mengingati semua ayat al-Quran dengan baik. Sesuai dengan firman Allah S.W.T:

لَا تُحَرِّكْ بِهِ سَائِنَكْ لِتَعْجَلَ بِهِ ۝ ۱۶ إِنَّ عَلَيْنَا جَمِيعَهُ وَقُرْءَانَهُ ۝ ۱۷

Maksudnya: *Janganlah engkau (wahai Muhammad) gerakkan lidah mu (untuk membaca al-Quran) kerana hendak cepat-cepat menguasainya. Sesungguhnya Kami yang akan mengumpulkannya (di dada mu) dan membacakannya.*

Menurut Anisa Ida Khusniyah (2014) menjelaskan *muraja'ah* merupakan sebuah pengulangan hafazan serta kefahaman ayat al-Quran. Selain itu, *muraja'ah* dapat membantu para pelajar mengulang hafazan al-Quran dengan lebih teratur dan tersusun. Antara metode yang boleh digunakan adalah pengulangan dengan melihat mushaf al-Quran dan pengulangan tanpa melihat mushaf al-Quran. Konsep yang pertama dengan kaedah *muraja'ah* al-Quran dengan melihat mushaf merupakan cara yang santai dan tidak perlu menggunakan kekuatan kerja otak. Mengulang ayat-ayat al-Quran berkali-kali dengan melihat mushaf dapat membuatkan fungsi otak kita berjalan dengan baik dan ingatan menjadi lebih kuat serta tumpuan menjadi lebih tertumpu pada ayat-ayat pengulangan tersebut. Tambahan pula, pelajar mampu mengenali kedudukan ayat yang diulang itu samada di halaman kanan atau kiri, kedudukan di bahagian atas atau bawah dengan lebih tepat. Manakala konsep yang kedua pula ialah kaedah *muraja'ah* al-Quran tanpa melihat mushaf merupakan kaedah yang menggunakan kekuatan kerja otak. Hal ini kerana, apabila mengulang tanpa melihat mushaf, pelajar akan lebih berusaha dan bertungkus lumus mencuba untuk mengingati ayat-ayat al-Quran yang diulanginya. Walaubagaimanapun, kaedah seperti ini dapat diperaktikkan dalam aktiviti solat sehari-hari dan bila-bila masa sahaja tanpa memerlukan mushaf.

Seterusnya, antara kaedah *muraja'ah* al-Quran yang boleh dilaksanakan oleh sesebuah institusi tafsir dengan mengadakan aktiviti seperti musabaqah hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar

tahfiz di maahad tersebut. Aktiviti musabaqah dapat dijadikan sebagai salah satu sistem pengulangan al-Quran yang tetap dalam pentadbiran tahfiz. Aktiviti ini boleh dianjurkan dengan lebih kerap dan boleh dibuat pembahagian kategori iaitu kategori 1-15 juzuk dan 1-30 juzuk. Aktiviti musabaqah bertujuan untuk menilai sejauhmana tahap pengamalan dan penghayatan pelajar dalam *muraja'ah* al-Quran. Tambahan pula, aktiviti ini mampu mengasahkan otak para pelajar tahfiz dengan lebih tajam dan kuat dalam usaha mengingati ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz. Kesannya, pelajar akan lebih berusaha dalam mengulang al-Quran dan melahirkan sifat berdaya saing di antara satu sama lain dalam memelihara dan menguatkan daya ingatan hafazan al-Quran mereka.

Selain itu, mengulang ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz di dalam setiap solat fardhu sehari juga boleh diaplikasikan dalam kalangan pelajar tahfiz. Institusi atau maahad tahfiz boleh mengambil perkara ini sebagai satu inisiatif dan kaedah dalam usaha memelihara hafazan mereka dan menjadikan ia perkara yang wajib yang perlu dilaksanakan oleh setiap pelajar. Pihak tahfiz boleh meletakkan sukanan ayat atau *maqra'* atau juzuk yang perlu dibaca dalam setiap solat fardhu seperti mengulang sejuzuk dalam setiap solat. Dengan kata lain, dalam masa sehari pelajar dapat mengulang ayat-ayat al-Quran sebanyak 5 juzuk dan selama seminggu pelajar berjaya mengulang sebanyak 30 juzuk al-Quran. Dan kaedah ini boleh dilakukan samada dalam solat berjemaah mahupun bersendirian. Pengulangan seperti ini pastinya akan melancarkan *muraja'ah* al-Quran pelajar dengan lebih baik dan kuat.

Rajah 1.0 Kaedah *Muraja'ah* al-Quran



Kesimpulan, pelbagai kaedah boleh diaplikasikan oleh para pelajar tahfiz dan boleh dilaksanakan dalam sesebuah institusi tahfiz. Perbezaannya adalah bergantung kepada pendekatan yang diambil dalam usaha memelihara hafazan al-Quran pelajar. Selain itu, disiplin dan penegasan oleh kedua-dua pihak iaitu pihak pengurusan dan pelajar juga merupakan faktor utama dalam menjayakan sesuatu kaedah *muraja'ah* al-Quran tersebut.

Jadual 2.0 Keberkesanan *Muraja'ah* al-Quran Dikalangan Pelajar MTQ

No	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min
1	Saya akan <i>muraja'ah</i> al-Quran dengan guru pada setiap hari mengikut jadual yang ditetapkan	1 (3.3%)	2 (6.7%)	8 (26.7%)	17 (56.7%)	2 (6.7%)	3.57

2	Saya akan <i>muraja'ah</i> al-Quran secara bersendirian mengikut masa yang saya jadualkan sendiri	2 (6.7%)	5 (16.7%)	9 (30.0%)	7 (23.3%)	7 (23.3%)	3.40
3	Saya akan terasa berdosa jika tidak <i>muraja'ah</i> al-Quran setiap hari	1 (3.3%)	3 (10.0%)	11 (36.7%)	7 (23.3%)	8 (26.7%)	3.60
4	Saya akan cuba memahami makna bagi setiap ayat ulangan untuk memudahkan proses <i>muraja'ah</i> al-Quran	2 (6.7%)	6 (20.0%)	15 (50.0%)	7 (23.3%)	0 (0 %)	2.90
5	Saya menyediakan buku catatan khas sebagai semakan <i>muraja'ah</i> al-Quran	7 (23.3%)	6 (20.0%)	8 (26.7%)	7 (23.3%)	2 (6.7%)	2.70
6	Saya akan menandakan pada ayat al-Quran yang sering saya lupa semasa <i>muraja'ah</i>	5 (16.7%)	4 (13.3%)	8 (26.7%)	8 (26.7%)	5 (16.7%)	3.13
7	Saya akan mencari rakan-rakan yang hebat dalam al-Quran sebagai guru semakan pengulangan ayat al-Quran	0 (0%)	4 (13.3%)	4 (13.3%)	9 (30.0%)	13 (43.3%)	4.03
8	Saya akan membuat pembahagian ayat <i>muraja'ah</i> mengikut juzuk atau <i>maqra'</i> al-Quran	2 (6.7%)	3 (10.0%)	12 (40.0%)	12 (40.0%)	1 (3.3%)	3.23
9	Saya sentiasa bangun malam untuk tahajjud dan mengulangi ayat al-Quran didalam setiap bilangan rakaat	11 (36.7%)	7 (23.3%)	9 (30.0%)	2 (6.7%)	1 (3.3%)	2.17
10	Saya akan duduk dimusolla atau masjid untuk <i>muraja'ah</i> berbanding di kelas	1 (3.3%)	3 (10.0%)	9 (30.0%)	13 (43.3%)	3 (10.0%)	3.48
Jumlah keseluruhan min						32.2	

Jadual 2.0 diatas menunjukkan bahawa majoriti item dalam tahap pengamalan *muraja'ah* al-Quran dikalangan pelajar MTQ, pada tahap sederhana dengan (min = 3.22). Item yang mempunyai

min yang paling tinggi adalah item yang ke 7 iaitu saya akan mencari rakan-rakan yang hebat dalam al-Quran sebagai guru semakan pengulangan ayat al-Quran (min = 4.03) yang berada pada tahap yang tinggi. Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan tiada seorang (0%) responden sahaja yang menyatakan sangat tidak setuju, Selain itu, seramai 4 orang (13.3%) responden menyatakan tidak bersetuju dan kurang setuju. Dalam pada itu, seramai 9 orang responden (30.0%) menyatakan setuju. Terakhir, seramai 13 orang (43.3%) responden menyatakan sangat setuju menggunakan kaedah mencari rakan-rakan yang hebat dalam al-Quran sebagai guru semakan pengulangan ayat al-Quran. Ini menunjukkan bahawa faktor terbesar dalam tahap pengamalan *muraja'ah* al-Quran dikalangan pelajar MTQ adalah menggunakan kaedah mencari rakan-rakan yang hebat dalam al-Quran sebagai guru semakan pengulangan ayat al-Quran. (min = 4.03) yang berada pada tahap tertinggi.

Seterusnya, item yang mempunyai min kedua tertinggi ialah item yang ke 3 iaitu saya akan terasa berdosa jika tidak *muraja'ah* al-Quran setiap hari (min = 3.60) yang berada pada tahap tinggi. Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan hanya seorang responden (3.3%) sahaja yang menyatakan sangat tidak setuju. Selain itu, seramai 3 orang responden dengan (6.7%) menyatakan tidak bersetuju. Dalam pada itu, seramai 11 orang (36.7%) responden menyatakan kurang setuju. Disamping itu, seramai 7 orang responden dengan (23.3%) menyatakan setuju. Terakhir, seramai 8 orang (26.7%) responden yang menjawab sangat setuju apabila terasa berdosa jika tidak *muraja'ah* al-Quran setiap hari. Ini menunjukkan bahawa antara dalam tahap pengamalan *muraja'ah* al-Quran dikalangan pelajar MTQ adalah akan terasa berdosa jika tidak *muraja'ah* al-Quran setiap hari dengan (min = 3.60) yang berada pada tahap kedua tertinggi.

Manakala item yang mempunyai min ketiga tertinggi ialah item yang ke 1 iaitu saya akan *muraja'ah* al-Quran dengan guru pada setiap hari mengikut jadual yang ditetapkan (min = 3.57) yang berada pada kategori tahap tinggi. Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan seorang responden dengan (3.3%) menyatakan sangat tidak bersetuju. Selain itu, seramai 2 orang responden dengan (6.7%) menyatakan tidak bersetuju. Dalam pada itu, seramai 8 orang responden dengan (26.7%) menyatakan kurang setuju. Disamping itu, seramai 17 orang responden dengan (56.7%) menyatakan setuju. Terakhir, seramai 2 orang responden dengan (6.7%) menyatakan sangat setuju maahad ini mempunyai kaedah *muraja'ah* al-Quran tersendiri. Terakhir tiada seorang responden pun dengan (0%) menyatakan sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju dengan kaedah *muraja'ah* al-Quran dengan guru pada setiap hari mengikut jadual yang ditetapkan. Ini menunjukkan bahawa antara dalam tahap pengamalan *muraja'ah* al-Quran dikalangan pelajar MTQ adalah *muraja'ah* al-Quran dengan guru pada setiap hari mengikut jadual yang ditetapkan. dengan (min = 3.57) yang berada pada tahap kedua tertinggi.

Terakhir, Item yang mempunyai min yang paling terendah ialah item yang ke 9 iaitu Saya sentiasa bangun malam untuk tahajjud dan mengulangi ayat al-Quran didalam setiap bilangan rakaat dengan (min = 2.17). Dari kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 11 orang responden dengan (36.7%) yang menyatakan sangat tidak bersetuju. Selain itu, seramai 7 orang responden dengan (23.3%) yang menyatakan tidak bersetuju. Dalam pada itu, seramai 9 orang responden dengan (30.0%) menyatakan kurang bersetuju. Disamping itu, seramai 2 orang responden dengan (6.7%) yang menyatakan setuju. Terakhir, seorang responden dengan (3.3%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa antara dalam tahap pengamalan *muraja'ah* al-Quran dikalangan pelajar MTQ adalah perlunya sentiasa bangun malam untuk tahajjud dan mengulangi ayat al-Quran didalam setiap bilangan rakaat dengan (min = 2.17) yang berada pada tahap paling terendah.

Hasil daripada analisis dan perbincangan yang telah dijalankan, maka dapatlah dirumuskan iaitu maahad ini mempunyai jadual khas *muraja'ah* al-Quran dapat diterapkan dengan pelajar merupakan faktor penting dalam membantu meningkatkan prestasi pelajar dalam pengulangan al-Quran mereka. Dapatan kajian ini telah disokong oleh Nur Sofurah Mohd Faiz (2006), bahawa pelajar yang cemerlang akan mengikuti penjadualan yang telah mereka tetapkan. Pelajar akan lebih berdisiplin dan dapat memberi tumpuan yang lebih terhadap pembelajaran mereka. Maka dengan

pembahagian yang dibuat dapat memotivasi pelajar serta memberi semangat terhadap mereka dalam usaha mengekalkan hafazan al-Quran.

Selain itu, memilih menjadi ahli al-Quran bermakna jadual hidup seorang pelajar perlu ada hubungan erat dengan al-Quran. Sabda Nabi Muhammad SAW “*jika ada seorang penghafal al-Quran solat lalu ia membacanya pada malam dan siang harinya, nescaya ia akan sentiasa mengingatimu. Namun jika ia tidak melakukan hal itu, nescaya ia akan melupakan.*” (Riwayat Muslim). Jadi sebagai seorang pelajar jadikan jadual atau rutin dalam solat untuk mengulang hafalan yang telah dihafal supaya hafalan tidak mudah lupa. Penjadualan khas *muraja'ah* al-Quran adalah yang terbaik dalam sebuah institusi pendidikan dalam memberikan motivasi dan merupakan salah satu cara untuk mendisplinkan kepada pelajar. Oleh itu, sikap prihatin yang ditunjukkan oleh pihak maahad menjadikan jadual khas *muraja'ah* mampu menarik perhatian pelajar lebih berusaha dalam pembelajarannya.

Kesimpulan

Kaedah *muraja'ah* al-Quran yang berkesan terhadap pelajar ialah dengan membuat pembahagian ayat *muraja'ah* mengikut *juzuk* atau *maqra'* yang ditentukan oleh pelajar sendiri. Penggunaan kaedah yang baik akan memberi impak yang optimum terhadap keberkesanan pengulangan al-Quran pelajar. Dapatan kajian ini telah disokong oleh Mawaddah Ahmad Mahir (2018) bahawa pelajar akan membuat pembahagian ayat *muraja'ah* mengikut *juzuk* atau *maqra'* al-Quran yang berada pada tahap tinggi. Dari kekerapan dan peratusan yang tinggi dengan (64.4%) Ini menunjukkan bukti bahawa faktor terbesar tahap pengamalan *muraja'ah* al-Quran dikalangan pelajar maahad tahfiz di Selangor. Sistem *muraja'ah* yang sistematik yang boleh diaplikasikan oleh pelajar akan melahirkan pelajar tahfiz sebagai huffaz yang berkualiti dan mantap dalam ingatan hafazan malah ia menjadi wasilah kepada perjuangan baginda Rasulullah S.A.W.

Rujukan

- Khalil, B. A. (2009). *Zhabirah Al-Idgham Wa Italiha Fi Qira'at Ibni Muhaisin*. Dirasah Sarfiah Tahlili.
- A.Adi, M. F. (2015). Aplikasi Istilah "Qira'at Al-Jam'ah" Dalam Kitab I'rab Al-Quran Al-Nahhas. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- A.Adi, M. F. (2015). Reaksi Ilmuwan Nahw Terhadap Qiraat Quraniyyah Yang Tidak Menepati Kaedah-kaedah Popular Dalam Bahasa Arab : Kajian Kitab I'rab Al-Quran Oleh Imam Al-Nahhas. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Ahsin Sakho Muhammad, M. A. (2013). Ilmu Qiraat. Jakarta: Tajwidatul Amanah.
- Hadi, A. Z. (2015). Analisis Isu-isu Al-Qiraat Al-Shadhdhah. vol.16-28: Islamiyyat 37(1).
- Harun, S. I. (2011). Perkembangan Ilmu Qiraat Di Malaysia Dan Keperluannya Di Institusi Pengajian Tinggi. Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH).
- Kadir, M. N. (2007). Ketokohan Imam 'Asim Al-Kufi Dan Sumbangannya . Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH).
- Misbah, M. (2014). Pembacaan Al-Quran Dalam Perspektif Imam Al-Qurtubi. Stain Purwokerto Jawa Tengah, Indonesia.

BAB 15

SUMBANGAN ABD RAHMAN HABANNAKAH MENERUSI KARYANYA *QAWAID AL-TADABBUR*

Rohana Zakaria¹, Mohd Farid Ravi Abdullah¹ & Khairul Anuar Mohamad²

¹ Universiti Islam Selangor (UIS)

²Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Pendahuluan

Mengenal dan meneladani visualisasi sebenar kehidupan dan keperibadian ulama merupakan antara kaedah penting dalam usaha melahirkan generasi Qurani, bagi meneliti kegemilangan ummah pada masa hadapan. Mereka merupakan tokoh-tokoh yang tetap teguh di atas asas-asas dan cabang-cabang agama sesuai dengan apa yang diturunkan Allah SWT kepada rasulnya.

Penulisan ini membicarakan tentang sumbangan Syeikh Abd Rahman Habannakah. Kesungguhan dan pengorbanan beliau dalam meningkatkan kefahaman umat Islam terhadap kepentingan dan pendekatan metode tadabbur al-Quran terbukti menerusi kitabnya iaitu *Qawaid al-Tadabbur al-Amthal Li Kitab Allah*.

Biodata Abd Rahman Habannakah Secara Ringkas

‘Abd al-Rahman Hasan Habannakah al-Maydani dilahirkan di sebuah perkampungan lama Arab, *Maydan* yang terletak di sebahagian Selatan Damsyiq. *Maydan* merupakan sebuah perkampungan yang terkenal kerana telah melahirkan ramai tokoh-tokoh ternama, para pahlawan yang berani dan gagah. Penduduk *Maydan* juga terkenal dengan budi bahasa, meraikan tetamu, bersopan santun serta menjaga adat resam kaum arab. Sikap budi pekerti ini telah diterapkan turun temurun dari generasi ke generasi (al-Jarraff, 2001).

Bapa ‘Abd al-Rahman, Syeikh Hassan Habannakah bin Marzuq bin ‘Arabi bin Ghunaym dipanggil al-Maydani bersempena dengan nama kampung tersebut. Keluarga ini juga membawa nama “*Habannakah*” kerana mereka lahir dari keturunan *Khalid*, seorang kabilah terkenal di kalangan kaum arab di *Badiyah* (Huma). Khalid merupakan seorang kabilah yang terkenal dan dihormati kerana jawatannya di Syam (al-Jarraff, 2001). ‘Abd Rahman dilahirkan dalam keluarga yang berpendidikan tinggi dan sangat dihormati kerana bapa beliau merupakan seorang pelajar yang hebat di Syam dan dikenali sebagai *Sabib al-Samabah ‘Alim Mujahid* al-Syeikh Hassan Habannakah al-Maydan (Makki, 2006).

Selain terkenal sebagai seorang murabbi dan pendidik Syeikh Hassan Habannakah juga adalah seorang pendakwah dan juga hakim di Damaskus. Beliau dikenali juga sebagai pejuang Islam dimana beliau turut serta berperang ketika Damaskus ditakluki Perancis yang cuba membawa kemusnahan di dalam empayar Islam dengan pengaruh ekstrimis dan atheist. Syeikh Hassan Habannakah merupakan salah seorang ahli *al-Majlis al-Ta’sis li Rabit al-‘Alam al-Islamiy*, persatuan perhubungan Islam Antarabangsa (al-Jarraff, 2001).

‘Abd al-Rahman Habannakah juga mempunyai seorang ibu yang sentiasa menyokong dan amat menyayangi beliau iaitu Nazimah binti Ibrahim al-Sudan. Ibunya tidak pernah jemu menjaga dan memastikan anak-anaknya menerima pendidikan yang sempurna dan terbaik (Mahdhub 1992). Beliau berasal dari keluarga yang baik dan tinggal di perkampungan Maydan. Ketika Nazimah mengandungkan ‘Abd al-Rahman Habannakah, ayahnya Syeikh Hassan Habannakah berada di Jordan dan sedang bersiap sedia untuk melawan Perancis yang ketika itu cuba menawan Syam. Apabila mendapat berita tentang kelahiran ‘Abd al-Rahman, Syeikh Hassan Habannakah terus

pulang ke Damsyiq dengan rasa penuh gembira. Beliau kemudiannya menjemput rakan-rakan pendidiknya dari Syam ke majlis aqiqah anak lelaki pertama beliau, iaitu ‘Abd al-Rahman Habannakah (Nurul Zakirah, 2018).

Latar Belakang Pendidikan ‘Abd al-Rahman Habannakah

‘Abd Rahman Habannakah menerima pendidikan pertamanya di sekolah milik ayahandanya sendiri iaitu, Ma’ahad al-Tawjih al-Islami. Sebuah sekolah yang mengaplikasikan konsep tradisional. Menarik tentang maahad ini, tiada yuran yang dikenakan kepada semua pelajar yang ingin menuntut ilmu. Budaya ini telah diterapkan di kalangan penduduk Syam kerana mereka mahu memberi peluang kepada semua untuk menerima pendidikan yang sempurna (Habannakah, 2002).

‘Abd al-Rahman Habannakah menamatkan persekolahan di maahad bapanya pada tahun 1947M bersamaan dengan 1367H ketika berumur 15 tahun, beliau menunjukkan potensi sebagai seorang pelajar yang berilmu dan berpegang teguh pada ajaran Islam di samping mahu menyebarkan Islam kepada Semua. Selepas tamat persekolahan, ‘Abd Rahman menyambung pelajaran dalam bidang syariah di al-Azhar al-Syarif. Beliau adalah salah seorang pelajar dalam kumpulan pertama yang terpilih dari Ma’ahad al-Tawjih bagi melanjutkan pelajaran di Kuliah Syariah Universiti al-Azhar al-Syarif pada tahun 1950M. Kemudian beliau meneruskan pengajiannya di Al-Azhar juga di peringkat Sarjana dalam bidang pendidikan dan psikologi manusia (al-Jarrahd, 2001).

‘Abd al-Rahman Habannakah dikurniakan dua anak lelaki hasil perkahwinan dengan isterinya Mukramah. Pada waktu itu, beliau membuka sebuah klinik dan mereka sekeluarga tinggal di Damsyiq di mana kedua anak mereka, Hasan dan Wail terlibat dalam pengurusan haji dan umrah. Sebelum mereka berpindah ke Kota Suci Mekah Mukarramah telah meninggal dunia akibat penyakit yang dihadapinya (Nurul Zakirah, 2018).

Selepas kematian isteri yang tercinta, ‘Abd al-Rahman Habannakah bertemu jodoh baru dan berkahwin dengan ustazah A’idah al-Jarrahd dan mereka tinggal di Mekah dan dikurniakan seorang anak lelaki bernama Muhammad dan anak perempuan iaitu Safa’. Kedua anak mereka kini sudah berkeluarga dan tinggal di Jeddah dan Mekah (Nurul Zakirah, 2018).

Pekerjaan

Selepas menamatkan pelajaran di al-Azhar, ‘Abd al-Rahman Habannakah pulang ke kampung dan menjadi seorang guru maahad di Damsyik. Selepas beberapa tahun, beliau kembali ke sekolah lamanya Maahad al-Tawjih al-Islami dan bekerja sebagai seorang guru. Beliau mengajar di Sekolah menengah selama enam tahun sehingga tahun 1960 sebelum berpindah ke Kementerian Wakaf (Mahdhub, 1992). Pada tahun 1967M bersamaan dengan 1387H, beliau berpindah ke Riyadh dan bekerja sebagai seorang pensyarah di Universiti al-Imam Muhammad Ibn Sa’ud al-Islamiyah selama dua tahun dan kemudiannya bekerja di Universiti Ummu al-Qurra’ di Mekah dimana beliau tinggal di Mekah selama 30 tahun bersama-sama keluargannya (al-Jarrahd, 2001).

‘Abd al-Rahman Habannakah merupakan salah seorang ahli Kesatuan Antarabangsa Perhubungan Islam di Mekah dan beliau telah menghadirkan diri ke beberapa perbincangan ilmiah di serata dunia seperti Mekah: Kongres *Talim* Islam berkenaan dengan kongres ekonomi Islam Madinah, Kongres dakwah khas untuk para pendakwah India dan Kongres kesasteraan Islam. Beliau juga turut dijemput dan menghadiri sesi syarahan awam dan juga diskusi ilmiah. Selain itu, ‘Abd alRahman Habannakah juga menjadi tetamu ke rancangan televisyen dan radio setiap hari dan minggu selama 30 tahun (al-Jarrahd, 2001).

Guru dan Murid ‘Abd al-Rahman Habannakah

Guru pertama dan tunggak yang paling mempengaruhi kehidupan dan keilmuan syeikh ‘Abd al-Rahman adalah ayahnya sendiri iaitu Syeikh Hasan Habannakah, yang merupakan ulama besar Syam terkemuka dan terkenal dengan kefaqihan dalam pelbagai bidang ilmu seperti tafsir, hadith, fiqh, sastera, mantiq dan sebagainya.

Ketika menyambung pengajian di Kaherah Mesir, beliau telah berguru dengan ramai para ulama al-Azhar dalam bidang shariah. Antara syeikh al-Azhar yang beliau rapat dan sering mengunjungi ke rumah adalah Syeikh Khidir Husin (Ali Dawlah, 2019). Pengalaman menuntut ilmu dengan para *mayayikh* al-Azhar telah meluaskan lagi pengetahuan dan kefahaman ilmu shariah dan cabang-cabang ilmu yang lain.

Seterusnya, sebagai seorang ulama besar ‘Abd al-Rahman Habannakah mudah didekati dan dikelilingi dengan ramai murid daripada pelbagai latar belakang dan rata pelusuk dunia. Beliau sentiasa membuka pintu dan ruang kepada sesiapa yang ingin berbincang sebarang permasalahan untuk datang bertemu ke rumahnya. Pendekatan beliau yang mesra dan lemah lembut dengan para pelajar turut diakui oleh kebanyakan pelajarnya.

Salah seorang murid beliau adalah Ustaz Muhammad ‘Ali Dawlah yang kagum dengan akhlak dan sahsiah beliau. Menurutnya, kehidupan dan keilmuan gurunya telah menjadi inspirasi dirinya untuk lebih mendekati dan menghayati kehidupan ulama. Beliaulah murid yang mencadangkan penulisan biografi Syeikh ‘Abd al-Rahman kepada Ustazah A’idah al-Jarrah (isteri Syeikh ‘Abd al-Rahman). Idea ini dikemukakan agar kehidupan dan sumbangan gurunya dapat diabadikan kepada masyarakat dalam bentuk penulisan. Hasrat beliau akhirnya tercapai setelah mendapat persetujuan daripada gurunya (Nurul Zakirah, 2018).

Sumbangan ‘Abd al-Rahman sebagai pendidik bermula di Damsyik ketika usianya mencecah 20 tahun. Pengalaman mengajar ditimba sejak dari Maahad al-Tawjih al-Islami yang mengamalkan sistem halaqah dan “mentoring” di kalangan pelajar. Beliau mempunyai ramai pelajar dari luar tanah Syam antaranya Turki, Lubnan, Jordan dan negara-negara di Afrika. Kemudian, beliau telah berhijrah ke Arab Saudi dan berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti *Riyad* dan Universiti Ummu al-Qurra (al-Jarrah, 2001). Sejarah kehidupannya menunjukkan pengalaman beliau begitu lama dalam bidang pendidikan kerana telah bertugas sebagai pendidik tidak kurang dari 50 tahun.

Para pelajar beliau begitu ramai dan datang daripada pelbagai lapisan masyarakat, bangsa dan negara. Antaranya telah menjadi ulama yang terkenal dan tidak kurang juga yang menjadi duta-duta Islam ke pelusuk rata dunia. Antaranya adalah Syeikh Majdi Makki yang lahir sebagai sarjana dalam ilmu hadith dan tafsir. Beliau pernah mendapat didikan dan menuntut ilmu tafsir, aqidah dan pemikiran Islam daripada ‘Abd al Rahman sehingga ke tahap master di kuliah Usuluddin pada tahun 1988 (Nurul Zakirah, 2018). Menurutnya, ‘Abd al-Rahman Habannakah seorang yang pakar dalam bidang tadabbur al-Quran dan bijak mengulas isu-isu aqidah dan pemikiran melalui pendekatan mantiq dan falsafah (Makki, 2006).

Beliau tegas melakukan penentangan terhadap fahaman-fahaman salah seperti *atheis*, komunisme, sekularisme dan orientalis Barat. Prinsip pemikiran beliau jelas dalam menangani isu tersebut sehingga beliau digeruni musuh pemikir Islam.

Pandangan Ulama terhadap ‘Abd al-Rahman Habannakah

‘Abd al-Rahman Habannakah merupakan seorang yang sangat cintakan ilmu dan kehebatan beliau dalam bidang dakwah tidak dapat dinafikan, kepintarannya terserlah ketika berhujah serta mengulas sesuatu permasalahan sehingga tuntas dan jelas difahami. Beliau juga adalah seorang yang tawadhus, ikhlas dalam menyampaikan ilmu, peribadi yang penuh kasih sayang, berhikmah dalam menyampaikan dakwah dan iltizam mendidik masyarakat (Nurul Zakirah, 2018).

Beliau mewarisi banyak ilmu dari bapanya ulama terkemuka Syam Hasan Habannakah, memiliki perwatakan yang luhur dan akhlak yang mulia sebagaimana ayahnya. Manakala dari sudut keilmuannya pula, beliau merupakan seorang ahli bahasa dan sastera, penulis syair yang memiliki perasaan yang halus dan lembut. Menggunakan keahlian sastera dan syairnya untuk mencari keredhaan Allah.

Menurut muridnya Dr.Majdi Ahmad Makki (2006) menyatakan pandangan berkenaan gurunya Syeikh Abd al-Rahman bahawa seorang ulama yang alim dan berperibadi mulia. Beliau amat menghargai masa untuk dimanfaatkan kepada pengajaran, pengajian dan penulisan ilmu. Masa-masa yang terluang beliau banyak dihabiskan bersama keluarga tercinta. Namun demikian, itu semua tidak menghalang para pelajar yang ingin datang ke rumah beliau untuk menemuinya. Rumahnya sentiasa terbuka kepada para pelajar dan sesiapa sahaja yang berhajatkan pertemuan dengannya untuk berbincang sebarang permasalahan.

Manakala menurut Dr Tawfiq Ramadhan al-Buthi yang merupakan kenalan rapat keluarga Habannakah memuji Syeikh ‘Abd al-Rahman. Menurutnya, ‘Abd alRahman Habannakah merupakan seorang pemikir yang berani menyampaikan kebenaran dan bijak serta mampu menguasai pelbagai bidang ilmu diniyah sepertimana bapanya. Selain itu beliau bermahiran dalam bertadabbur dan pentafsiran (Nurul Zakirah, 2018). Menerusi kebijaksanaan yang dianugerahkan Allah kepada beliau, maka beliau berjaya mengeluarkan asas-asas penting untuk mentadabbur al-Quran yang begitu bermanfaat.

Hasil Karya ‘Abd al-Rahman Habannakah

Keunggulan dan keluasan ilmu ‘Abd al-Rahman Habannakah terbukti dengan penghasilan kitab-kitab dan penulisan yang bermutu tinggi dalam pelbagai bidang terutamanya al-Quran dan akidah.

Antara karya beliau adalah:

- i) *Aqidah Islamiyyah wa ususiba*
- ii) *Al-akhlak Islamiyyah Wa Ususiba*
- iii) *Al-Hadharah al-Islamiyyah Wa Ususiba wasailuba*
- iv) *Al-Ummah al-Rabbaniyyah al-Wahidah*
- v) *Fiqh dakwah Ila Allah*
- vi) *Ma’arif Tafakkur Wa Daqaiq al-Tadabbur*
- vii) *Amthal al-Quran Wa Suwarun min adabibi al-Rafi’*
- viii) *Makayid Yahudiyah Ibr al-Tarikh*
- ix) *Sira’ ma’ al-mulahadah hatta al-Azam*
- x) *Ajnihatu al-Makr al-Thalathah wa khowafihā*
- xi) *Kitab Barabin wa Dalalah Imaniah*
- xii) *Kitab al-Siyam wa al-Ramadhan fi al-Sunnah wa al-Quran*
- xiii) *Rawa’id min Aqwal al-Rasul*
- xiv) *Taysir Fiqh al-Zakat*
- xv) *Tadabbur Surah al-Furqan*
- xvi) *Nuh a.s wa Qaumuhu fi al-Quran al-Majid*
- xvii) *Kayda al-abmar*
- xviii) *Ibtila’ al-Iradat bi Iman wa al-Islam wa al-Tbadat.*
- xix) *Kawasyif Zayuf al-Mazahib al-fikriyyah al-Mu’asarah*
- xx) *Al-Tabrif Al-Mu’asir fi al-Din*
- xxi) *Dhahirah al-Nifaq Mubadi’ fi al-Adab wa al-Da’wah.*

Kematian ‘Abd al-Rahman Habannakah

‘Abd Rahman Habannakah meninggal dunia pada tahun 2004M kerana mengalami kesakitan dalam perut. Sebelum beliau menghembuskan nafas terakhir, beliau sempat pulang ke tanah airnya Syam. Sahabat-sahabat beliau dan juga para pendidik beliau dari Syam menyambut kepulangan beliau dengan penuh rasa gembira. Salah seorang pakcik beliau, Syeikh Sadiq Habannakah menguruskan perjalanan beliau dari Kota Mekah untuk kembali kepada tempat kelahirannya. Beliau telah menyatakan keinginan untuk kembali ke Syam untuk berjumpa dan menatap wajah ahli keluarga dan rakan-rakan sebelum meninggal dunia.

Kitab *Qawa'id Al-Tadabbur Al-Amthal Li Kitab Allah*

Kitab *Qawa'id al-Tadabbur al-Amthal* ini merupakan satu-satunya penulisan yang khusus memfokuskan perbahasan *qawa'id* dalam tadabbur. Usaha Habannakah dalam meletakkan batu asas bagi kaedah tadabbur adalah sangat bernilai dan ia layak mendapat penghargaan atas sumbangan tersebut.

Kitab *Qawa'id al-Tadabbur al-Amthal Li Kitab Allah* mempunyai keunikan dan kelebihan yang tersendiri. Penulisan kitab ini adalah usaha Habannakah dalam menonjolkan kepentingan amalan tadabbur kepada masyarakat.

Kaedah-kaedah yang dirumuskan oleh Habannakah merupakan suatu nilai tadabbur yang tinggi melalui kajian yang mendalam serta penelitian yang konsisten terhadap ayat-ayat Allah SWT. Melalui ilham yang dianugerahkan oleh Allah dan kegigihan beliau yang berterusan mendekati makna-makna al-Quran, melahirkan kemampuan kepada beliau untuk mencapai tahap tadabbur yang tinggi (Nurul Zakirah, 2014). Pada cetakan pertama, kitab tersebut mengandungi 80 muka surat dan menghimpunkan 27 kaedah tadabbur. Kaedah yang ditemui oleh Habannakah ini tidak pernah ditulis oleh mana-mana mufassirin yang lain (Nurul Zakirah, 2014).

Kesemua kaedah tadabbur telah dihimpun dan dikarang terlebih dahulu sebelum diilustrasikan di dalam kitabnya *Tafsir Ma'arif al-Tafakkur Wa Daqaiq al-Tadabbur*. Namun, penulisan tafsir beliau ini tidak sempat selesai kerana beliau telah meninggal dunia. Penulisan *Qawa'id al-Tadabbur al-Amthal* tersebut mengumpulkan asas-asas dan kaedah tadabbur yang terpilih sebagai garis panduan untuk membantu pentadabbur memahami dan mengkaji isi ayat-ayat Allah sepanjang proses mentadabbur al-Quran. Kesungguhan dan kesabaran sangat diperlukan bagi individu untuk meneliti setiap ayat al-Quran. Justeru, ia bukanlah mudah dengan melalui jalan yang singkat. Bahkan memerlukan usaha yang berterusan sepanjang hayat.

Oleh yang demikian, berkat kesungguhan dan usaha Habannakah serta khidmatnya terhadap kalam Allah SWT, akhirnya membuatkan hasil di penghujung hayat beliau melalui dua buah karya tadabbur al-Quran sebagai sumbangan yang besar untuk dimanfaatkan oleh masyarakat dan umat Islam khususnya. Beliau telah mengangkat kesedaran dan nilai kepentingan mentadabbur al-Quran berlandaskan garis panduan tertentu. ‘Abd al-Rahman Habannakah telah membuat penilaian begitu teliti untuk menyusun kedudukan surah dalam kitabnya berdasarkan waktu penurunan surah tersebut.

Hal ini berdasarkan kata pengantar beliau yang didapati pada halaman pendahuluan dalam kitab *Ma'arif al-Tafakkur Wa Daqaiq al-Tadabbur*, *Tafsir Tadbiri Li al-Quran al-Karim*, yang tersusun mengikut tertib penurunan al-Quran:

Maksudnya: “Aku telah menuliskan kitab al-Tadabbur ini sesuai dengan waktu penurunan surah tersebut seperti yang telah diwahyukan kepada Rasulullah SAW. Aku juga konsisten menyusun isi kandungan kitab mengikut metodologi yang dilhamkan oleh Allah kepadaku, aku menjaganya secara teliti dan konsisten dan aku memohon ribuan kemaafaan sekiranya terdapat kekurangan dalam penyusunan kitab ini” (Habannakah, 2012).

Penulisan Kitab *Qawa'id Al-Tadabbur*

Kemunculan karya tadabbur ini antara lain untuk memenuhi permintaan beberapa ilmuan yang berhajatkan penjelasan tadabbur menerusi panduan ilmu Qiraat. Kitab *Qawa'id al-Tadabbur* telah mendapat perhatian dan penghargaan oleh para sarjana seperti mana direkodkan oleh Habannakah dalam muqaddimah kitabnya (cet.2, 1987):

Bermaksud: “*Cetakan yang pertama adalah ringkas dan praktikal secara umum. Ahli ilmuan telah memberikan pandangan yang positif terhadapnya dan kitab ini turut dikagumi oleh golongan pengajian syariah, bahkan lebih-lebih lagi oleh golongan mufassirin al-Quran terhadapnya.*”

Penulis cuba menyelami faktor yang mendorong penulisan kitab *Qawa'id al-Tadabbur* yang pasti mempunyai latar belakang dan sebabnya yang tersendiri. Tujuan penulisan kitab ini dinyatakan oleh ‘Abd al-Rahman Habannakah menerusi muqaddimah kitab (cet.2, 1987) *Qawa'id al-Tadabbur al-Amthal li Kitab Allah*:

Maksudnya: “*Sebagaimana diminta oleh beberapa al-fudhala', agar saya mengeluarkan beberapa kaedah berkenaan perbahasan qiraat al-'asyr. Saya bersyukur dan bermohon kepada Allah segala pencerahan dan bantuan sepanjang usaha untuk mengeluarkan kaedah-kaedah tersebut. Setelah itu, beberapa kaedah baru telah ditambahkan ke dalam koleksi kaedah kitab ini. Saya bermohon kepada Allah agar menjadikannya sebaik-baik ganjaran atas sebab dorongan nasihat mereka.*” (Habannakah, 2012).

Sebahagian ilmuan berpandangan bahawa contoh-contoh bagi kaedah dan aplikasi tadabbur yang didatangkan oleh beliau adalah sedikit. Atas dasar itu, ia memerlukan kepada penambahbaikan contoh-contoh berdasarkan kaedah-kaedah baru yang dikeluarkan daripadanya. Tambah beliau lagi;

Maksudnya: “*Justeru, saya berazam mengumpulkan apa yang diilhamkan oleh Allah kepada saya sepanjang usaha pemerhatian dan proses tadabbur terhadap Kitabullah ini. Ia tidak pernah kering daripada keajaiban dan kehebatan, tiada sebarang penolakan dan pertentangan antara al-Quran dan Sains, lalu saya mengumpulkan apa yang baik sehingga ia menjadi suatu kaedah. Oleh itu, saya tambahkan kaedah-kaedah tersebut sebagaimana yang telah saya kemukakan pada cetakan yang pertama kitab ini. Kemudian diikuti dengan pengumpulan contoh-contoh yang lebih harmoni.*” (Habannakah, 2012).

Berdasarkan kenyataan tersebut dinyatakan sebab dan tujuan penulisan beliau adalah didorong oleh minat serta ilham yang dikurniakan oleh Allah SWT. Di samping faktor lain yang turut mendorong beliau adalah sokongan para sahabat, murid-murid, kenalan ilmuan yang dahagakan kajian dan suluhan pemikiran beliau. Rentetan itu, sumbangan beliau bukanlah suatu yang remeh atau kecil kerana penulisan ini menjadi pencetus kepada bidang tadabbur. Beliau mengumpulkan kaedah-kaedah untuk mentadabbur al-Quran sehingga akhirnya melahirkan karya *Qawa'id al-Tadabbur al-Amthal li Kitab Allah*. Antara tujuan karya ini dihasilkan untuk menonjolkan keperluan bertadabbur melalui pelbagai aspek dan pendekatan bagi memahami makna dan konteks ayat-ayat al-Quran.

Kesimpulan

Keseluruhan hidup Abd Rahman Habannakah adalah berkhidmat untuk dunia ilmu sama ada melalui pengajian, penulisan, ceramah dan didikan. Beliau meninggalkan khazanah ilmu yang perlu diterokai dan dikaji oleh generasi kini bagi mengambil manfaat yang banyak dari ilmu dan kealimannya. Sumbangan dan pendekatan tadabbur Habannakah menerusi kitab *Qawa'id al-Tadabbur* ini lebih cenderung dan sesuai untuk golongan ilmuan dan intelektual serta pakar bidang yang sudah mempunyai ilmu alat seperti ‘Ulum al-Quran. Ini kerana penekanan banyak diberi kepada aspek-aspek penting dalam asas-asas disiplin ilmu yang diperlukan untuk mentadabbur al-Quran.. Justeru melihat dan meneliti kelebihan dan keistimewaan kitab *Qawa'id al-Tadabbur* ini, maka kaum muslimin perlu memanfaatkan bagi menambahkan pengetahuan dan menuju ke arah mendekatkan diri kepada Allah melalui penghayatan terhadap agama Islam. Semoga semangat keilmuan dan sifat-sifat terpuji yang dimiliki oleh beliau dicontohi oleh semua orang Islam pada

hari ini. Mudah-mudahan ilmu yang bermanfaat yang disumbangkan oleh beliau menjadi syafaat untuknya di alam barzakh.

Rujukan

- ‘Abd al-Rahman Habannakah. 2012. *Qawa'id al-Tadabbur al-Amthal li Kitab Allah Damsyik*: Maktabah Dar al-Qalam.
- Al-Jarrah ‘Aidah Raghib. 2001. *‘Abd al-Rahman Habannakah al-Maydani al-‘Alim al-Mufakkir al-Mufassir*. Damsyik: Dal al-Qalam.
- Mahdhub Muhammad. 1992. *Ulama Wa Mufakkirin Kama ‘araftuhum*. Riyadh : Dar Shawaf.
- Majdi Makki. 2006. *Al-Ta’rif bi Kitab Ma’arij al-Tafakkur wa Daqa’iq al-Tadabbur*. Cet.1, Damsyik: Dar al-Qalam.
- Nurul Zakirah Mat Sin. 2014. *Contribution Of Abd Al-Rahman Hassan Habannakah In The Field Of Tafsir: Background Studies On The Principles Of Tadabbur In The Qawaaid Al-Tadabbur Al-Amthal Li Kitab Allah*. Proceeding of International Conference on Global Trends in Academic Research, 2014.
- Nurul Zakirah Mat Sin. 2018. *Analisis Prinsip Tadabbur: Qawa'id Al-Tadabbur Al-Amthal dan Aplikasinya dalam Tafsir Ma'Arif al-Tafakkur wa Daqa'iq al-Tadabbur*. Tesis PhD 2018. Universiti Malaya (UM) Kuala Lumpur.



IN COLLABORATION WITH



UNIVERSITI ISLAM SELANGOR
جامعة إسلام سلاغور
SELANGOR ISLAMIC UNIVERSITY



UNIVERSITI ISLAM SELANGOR
FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM
FACULTY OF ISLAMIC CIVILISATION STUDIES



THE CELL OF WISDOM



JOURNAL OF ISLAMIC AND CONTEMPORARY ISSUES



9 789672 808398

FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM